


Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
18hb Mac, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 17]

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 17]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 47]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 47]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 47]

Cuti Y.B. Tuan Chian Heng Kai/Chan Kok Kit—Kebenaran [Ruangan 49]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 49]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 97]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD NO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 18hb Mac, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Edward Esnen Unang.

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA
TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam, 17hb April, 1980 bersamaan 29hb Rabi'ul-akhir 1400 Hijrah, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berangkat dan berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen ini. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Bismillahi-rahmanir-rahim.

Segala puji kepada Allah subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad salla'llahu 'alaihi wa-sallam dan sahabat-sahabat serta keluarganya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan, sempena upacara pembukaan rasmi Penggal Kedua Parlimen Kelima pada hari ini. Beta amat sukacita berpeluang menyampaikan titah ucapan buat pertama kalinya sejak memegang jawatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Majlis bersidang pada hari ini dalam jangka waktu yang bersejarah kerana kita baru melangkah masuk abad 15 Hijrah dan juga dekad kelapan puluhan. Tahun ini adalah merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan Malaysia Keempat akan dilancarkan pada tahun hadapan. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pula telah sampai ke peringkat pertengahan. Tahun 1980 jelas menjadi tarikh yang mempunyai makna yang besar dalam perkembangan negara kita Malaysia.

Kita telah mencapai kejayaan yang pesat, hasil usaha Kerajaan dengan sokongan dan penyertaan rakyat, dalam mengeksploitasi punca-punca kekayaan negara. Memandangkan kepada cabaran tahun-tahun lapan puluhan, Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi. Beta menyeru rakyat sekalian supaya melipatgandakan usaha mereka demi menjamin kejayaan yang berterusan. Hanya dengan minat dan ketekunan bekerja serta kesyukuran terhadap pemberian Tuhan sahaja baharulah dapat kita mencapai kebahagiaan yang dicita-cita.

Beta sukacita menyatakan bahawa, walaupun ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang lembab, ekonomi Malaysia terus berada dalam keadaan kukuh pada tahun 1979. Namun demikian, prospek ekonomi Malaysia pada tahun ini mungkin kurang memuaskan memandangkan ekonomi dunia akan mengalami pertumbuhan yang perlahan. Inflasi yang melanda seluruh dunia akan dirasai kesannya di negara kita. Walaupun demikian, melalui langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan serta kerjasama rakyat, inflasi di negara ini tidaklah akan menjadi buruk seperti di lain-lain tempat.

Dalam usaha membendung inflasi, tidak ada sesuatu yang lebih berkesan daripada sikap rakyat. Rakyat harus berjaga-jaga supaya tidak dikuasai oleh psikologi inflasi yang akan menyebabkan pembelian yang berlebihan, menyorok barang dan pengurangan pengeluaran. Pendapatan yang meningkat tidak bermakna, jikalau sara hidup meningkat lebih daripadanya. Sementara Kerajaan bertindak dengan berbagai cara termasuk pemberian subsidi, keupayaan Kerajaan adalah terhad. Oleh itu, rakyat haruslah membantu dengan mengurangkan perbelanjaan dan menambahkan hasil usaha mereka. Beta menyeru rakyat supaya mengamalkan sikap berjimat cermat dan berusaha meninggikan daya pengeluaran masing-masing sebagai sumbangan bagi mengurangkan kesan inflasi.

Beta bersyukur kerana kestabilan politik negara memudahkan Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Pada keseluruhannya, sambutan rakyat terhadap usaha Kerajaan telah menjamin pembangunan yang lebih pesat. Adalah mustahak rakyat menanam semangat rajin bekerja dan membanggakan hasil usaha sendiri. Hasil sumbangan mereka itu akan menaikkan taraf hidup sendiri, dan merupakan sumbangan besar bagi meningkatkan pengeluaran negara. Dalam menjalankan setiap usaha, kita harus menumpukan perhatian bukan hanya semata-mata kepada upahan tetapi juga sumbangan kepada agama, bangsa dan tanahair.

Dalam hubungan ini, Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka. Dan dengan kejatuhan ini agama Islam bukan sahaja terancam tetapi biasa dihapuskan. Oleh itu, janganlah hendaknya ada yang cuba menghalang kemajuan, jika kita benar-benar ingin agama Islam kekal dan berkembang maju. Yang harus kita usahakan ialah bahawa dalam mengejar

kemewahan kita jangan pula lupakan nilai-nilai rohaniah dan kewajipan kita sebagai orang Islam. Beta berharap segala perbezaan pendapat di kalangan rakyat Beta yang beragama Islam dapat dihapuskan dan berganding bahu untuk ketahanan negara.

Tinjauan ke atas rancangan-rancangan kita yang telah dilaksanakan, sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta, adalah perlu untuk mengesan segala kekurangan dan masalah yang timbul. Dengan tindakan itu, Kerajaan akan dapat mengambil langkah-langkah bagi mengatasinya. Selaras dengan usaha Kerajaan, Beta menyeru supaya sektor swasta juga meneliti dan memahami tanggungjawab dan peranan masing-masing agar dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan, bagi menyahut cabaran tahun-tahun yang akan datang.

Peredaran zaman tidak dapat tidak akan membawa perubahan. Walaupun tidak semua perubahan itu baik, tetapi kita harus menerima mana yang baik daripadanya. Dalam penggunaan teknik baru yang jelas memberi hasil yang lebih, rakyat harus menyediakan diri untuk menerimanya. Hanya dengan kesanggupan ini sahaja barulah dapat kita maju ke hadapan dan bersaing dengan negara-negara lain dalam mencapai kemajuan dan memelihara ketahanan dan kebebasan kita.

Kita harus berasa bangga kerana kita mempunyai pengetahuan, kecekapan dan keupayaan tersendiri untuk meninggikan lagi pengeluaran negara dan taraf hidup rakyat. Walaupun negara kita kecil tetapi kita berjaya menjadi pengeluar bijih timah, getah, kelapa sawit dan lada hitam yang utama di dunia. Dengan sifat-sifat yang sama, maka tidak ada sebab kita tidak boleh berjaya dalam bidang-bidang lain.

Punca kemajuan dan kejayaan seseorang itu ialah "self-discipline". Rakyat yang berdisiplin ialah rakyat yang tahu tentang tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap agama, diri sendiri, keluarga dan negara. Dengan adanya disiplin maka cita-cita kita sebagaimana yang termaktub dalam Rukunegara akan tercapai. Disiplin juga adalah punca kekuatan. Satu masyarakat yang berdisiplin akan mengujudkan semangat cintakan negara. Beta menyeru rakyat sekalian supaya sentiasa mengikuti dan benar-benar memahami perkembangan-perkembangan dalam negara ini dan memelihara nama baik negara, di dalam dan di luar negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Beta sukacita kerana usaha-usaha Kerajaan menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri telah berhasil. Dengan adanya berbagai bahan mentah termasuk minyak dan gas yang juga menjadi sumber tenaga, perindustrian negara tidak lagi harus dihadkan kepada pengganti-pengganti impot dan perusahaan kecil sahaja. Masa sudah tiba untuk memasuki ke bidang industri berat bukan sahaja untuk keperluan negara kita tetapi juga untuk eksport. Dengan ini, Beta harap kawasan kurang maju dapat dibangun dan pengangguran dikurangkan. Rakyat harus menyambut baik dan bersedia menerima perindustrian yang lebih pesat ini demi kepentingan mereka dan negara.

Kita juga telah berjaya di dalam meningkatkan lagi kemajuan di bidang penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran bagi menjamin masa hadapan perusahaan barangan utama kita. Selain daripada penubuhan lebih banyak lagi pejabat perdagangan di luar negeri, satu strategi baru akan digubal supaya kerjasama dengan syarikat perdagangan asing dapat diadakan bagi memesatkan lagi pemasaran barang-barang buatan Malaysia. Sebuah Pusat Perdagangan Ekspot telahpun ditubuhkan untuk memberi khidmat yang lebih meluas kepada pengusaha-pengusaha dan pengeksport-pengeksport tempatan.

Untuk memastikan pembangunan sosio-ekonomi serta corak dan kadar pertumbuhan ekonomi dilaksanakan dengan teratur, satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang sempurna adalah perlu. Penyediaan infrastruktur bagi perkembangan perindustrian dan memesatkan lagi pembangunan sumber-sumber pertanian di kawasan-kawasan kurang maju adalah menjadi matlamat kita. Untuk mempercepatkan pembinaan jalanraya, termasuk Lebuhraya Utara-Selatan dan Timur-Barat, Kerajaan Beta akan menubuhkan sebuah Perbadanan Lebuhraya. Perlaksanaan projek-projek membina dan menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar juga akan terus diperhebatkan lagi. Tindakan untuk memperbesar dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan khidmat keretapi akan diteruskan. Usaha-usaha untuk memperluas serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan telekom dan pos akan dilipatgandakan.

Kerajaan Beta akan terus menggiatkan usaha-usaha ke arah meninggikan lagi taraf hidup kaum tani dan nelayan. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah akan diambil bagi menentukan bahawa sektor pertanian boleh memberikan pendapatan yang menasabah dan lebih tinggi daripada paras taraf kemiskinan. Pengeluaran bahan makanan akan ditingkatkan melalui penciptaan dan penggunaan cara baru dan galakan oleh Kerajaan. Perhatian juga akan ditumpukan kepada usaha untuk memulihkan tanah-tanah terbiar, khasnya tanah sawah.

Kerajaan Beta juga akan memainkan peranan yang penting bagi menentukan kedudukan ekonomi dan sosial rakyat dari semua golongan, terutamanya rakyat luarbandar, yang bergantung kepada tanah untuk memperolehi pendapatan yang memuaskan dan taraf hidup yang baik. Melalui usaha-usaha pembukaan tanah secara besar-besaran, Kerajaan Beta berjaya menempatkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan baru dan juga mengujudkan banyak peluang pekerjaan dan juga pelaburan. Melalui agensi-agensi pembangunan wilayah, Kerajaan Beta telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan untuk mengurangkan kemiskinan di antara penduduk-penduduk wilayah-wilayah.

Berbagai rupa perkhidmatan kebajikan masyarakat akan terus dilaksanakan bagi menolong rakyat yang ketinggalan dan yang menjadi korban pergolakan sosial. Penyertaan rakyat dalam kerja-kerja kebajikan harus diperhebatkan lagi menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta mengucapkan terimakasih kepada semua badan sukarela yang bekerja bertungkus lumus menolong rakyat di dalam masa kecemasan.

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan Beta telahpun mengemukakan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Laporan ini merupakan satu tahap penting dalam sejarah sistem pendidikan sejak merdeka. Perakuan-perakuan dalam laporan tersebut sedang dikaji untuk dilaksanakan. Kerajaan Beta juga akan terus berusaha untuk meningkat dan mengembangkan universiti-universiti dan lain-lain institusi pelajaran tinggi tempatan yang ada. Apabila projek-projek tersebut siap kelak, pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan akan dapat ditambah dengan lebih banyak lagi.

Kerajaan Beta memandang berat akan keadaan perumahan di negara ini dan akan terus mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah mengadakan rumah-rumah lebih banyak lagi, khasnya rumah-rumah awam kos-rendah. Sebuah Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan telah ditubuhkan untuk mencari jalan dan menggubal pendekatan dan strategi baru bagi melaksanakan rancangan perumahan dengan lebih berkesan lagi. Kerajaan

Beta juga akan terus mencari jalan untuk mengatasi masalah setingan yang ketara di kawasan-kawasan bandar-bandar yang besar. Satu badan penyelaras telah ditubuhkan bagi memastikan supaya rancangan-rancangan untuk setingan yang diusahakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dapat berjalan dengan baik.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Beta supaya kemudahan bekalan air yang bersih dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Satu kajian menyeluruh mengenai sumber air bagi memenuhi keperluan dua dekad akan datang sedang dijalankan, meliputi keperluan penggunaan orang-ramai, pertanian dan kuasa haidro. Kajian mengenai bekalan air luarbandar akan dijalankan dalam tahun ini. Berdasarkan kajian-kajian ini, suatu pelan induk mengenai pembangunan bekalan air akan dapat dilahirkan.

Pembekalan letrik ke seluruh negara, termasuk kawasan luarbandar, akan diperluaskan melalui penggunaan kuasa minyak, gas cecair, air dan lain-lain sumber tenaga.

Untuk meninggikan taraf kesihatan rakyat, terutama sekali mereka di luarbandar, Kerajaan Beta akan menumpukan segala usaha untuk menyegerakan perlaksanaan projek-projek kesihatan di bawah berbagai program seperti perkhidmatan kesihatan awam, perkhidmatan perubatan umum, perkhidmatan pergigian dan lain-lain. Berbagai kegiatan yang dijalankan dalam bidang pelajaran kesihatan, fikiran dan sikap individu terhadap kesihatan diri, kesihatan keluarga dan kesihatan awam, akan mendorong rakyat ke arah satu taraf kesihatan yang memuaskan.

Kerajaan Beta sedar bahawa pembaharuan pentadbiran dan perancangan tenaga manusia adalah dua perkara yang amat mustahak dalam pembangunan negara kita. Sistem pentadbiran yang lebih kukuh akan dibentuk bagi menentukan tenaga pelaksanaan dapat diguna secara yang lebih efisien. Kerajaan Beta juga akan terus menumpukan perhatian terhadap memperbaiki lagi keadaan kerja dan taraf hidup pekerja. Usaha-usaha mengadakan undang-undang tertentu dan penguatkuasaannya akan ditumpukan untuk mencapai tujuan ini, termasuk mewujudkan suasana kerja yang lebih sihat.

Belia merupakan sumber tenaga yang penting untuk menjamin kemajuan negara. Kerajaan Beta memberi perhatian yang berat kepada usaha-usaha menambah penglibatan belia dalam pembangunan negara, khususnya dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Beta menyeru supaya mereka bersedia menyambut peluang-peluang pekerjaan, tanpa terlalu memilih. Adalah mustahak belia melengkapkan diri untuk memainkan peranan dalam pembangunan supaya tenaga mereka dapat digembelungkan dalam aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Dalam bidang sukan, Beta sukacita melihat kerjasama yang erat di antara Kerajaan dengan badan-badan sukan dalam mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan dan juga latihan yang teratur, saintifik dan intensif. Usaha-usaha tersebut, dengan sokongan pihak swasta, akan menghasilkan pemain-pemain serta pasukan-pasukan sukan negara yang lebih bermutu.

Beta sangat sukacita melihat umat Islam khasnya belia-belia Islam di dalam negara ini menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan Islam sebagai nilai hidup dalam masyarakat. Ini jelas kerana terdapat banyak pergerakan dakwah. Kerajaan Beta telah memberikan sokongan serta perhatian yang besar kepada badan-badan dakwah yang berusaha bagi meninggikan syiar Islamiah yang sebenar. Dalam pada itu, Beta ingin mengingatkan bahawa terdapat segolongan kecil yang telah terpesong dalam bidang menyebarkan syiar Islam kerana kekurangan pengetahuan, pengertian dan pengalaman mengenai apa yang sebenarnya disuruh

oleh agama. Ada pula yang berpendapat bahawa agama Islam tidak toleran, lalu mereka melakukan perbuatan yang negatif yang memburukkan imej Islam dan menyekat perkembangannya. Golongan inilah yang menimbulkan masalah dalam masyarakat Islam di mana-mana juga. Oleh itu, adalah penting bagi mereka yang ingin bergiat dalam bidang dakwah melengkapkan pengetahuan mereka dengan tafsiran Islam yang sebenar terlebih dahulu.

Di dalam negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia, peranan rakyat semakin bertambah. Perhubungan antara Kerajaan dengan rakyat hendaklah diperkukuhkan. Dalam hubungan ini perlulah perkembangan media massa diselaraskan dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat. Mereka hendaklah memainkan peranan yang lebih membina lagi bertanggungjawab selaras dengan kehendak dan cita-cita negara.

Kejayaan Kerajaan membendung ancaman dan tindakan pengganas komunis serta memelihara undang-undang dan ketenteraman awam telah menambahkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan nyawa, harta-benda dan negara. Rakyat haruslah sedar betapa berharganya keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Mereka hendaklah bersikap sederhana dan menunjukkan kesabaran di dalam menghadapi ketegangan dan konflik. Apabila rakyat bersatupadu, negara akan dapat menumpukan segala tanggungjawab dan tindakannya bagi mencapai kebahagiaan hidup. Walaupun demikian, kita perlu berusaha lagi bagi mengukuhkan perpaduan. Rakyat mestilah menghapuskan sifat perkauman dan berpuak-puak, semangat kedaerahan dan lain-lain unsur pecah-belah yang menghalang perpaduan dan kemajuan.

Dengan keredaan Allah subhanahu wa ta'ala dan semangat yang gigih serta gerakan yang berlipatganda oleh Pasukan Keselamatan, serta sokongan rakyat dan kerjasama negara-negara jiran, keadaan keselamatan adalah lebih terkawal. Ancaman daripada komunis dalam negeri masih ada tetapi kegiatannya dapat dikawal. Beta mengucapkan syabas serta tahniah dan mengucap terima kasih kepada Pasukan Keselamatan Beta yang tidak kenal penat lelah dalam menentang komunis dan memelihara keamanan negara.

Pada masa ini bahaya dadah pula sudah menjadi masalah kepada keselamatan dan ketahanan negara. Kebanyakan daripada mereka yang terlibat adalah anak-anak muda kita. Oleh itu, kerjasama dari semua agensi yang berkenaan, badan-badan sukarela dan swasta, serta setiap lapisan masyarakat adalah perlu untuk memerangi gejala ini. Kerajaan memandang berat di atas perkara ini, dan sedang berusaha sedaya upaya untuk menghapuskannya, dengan pertolongan dan kerjasama negara-negara asing serta di peringkat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pembanjiran pendatang haram dari Vietnam telah menyulitkan keadaan negara. Dengan usaha yang gigih oleh Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam serta kerjasama badan-badan sukarela, masalah ini telah dapat dibendung. Beta mengucap terima kasih kepada Pasukan Petugas dan badan sukarela, dan juga kepada United Nations High Commissioner For Refugees serta negara-negara yang telah sanggup menerima pendatang haram bermastautin di negara mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Keadaan keselamatan negara yang terkawal serta kestabilan politik telah memudahkan Kerajaan mengeratkan hubungan antarabangsa. Berdasarkan Perisytiharan Kuala Lumpur sejak awal dekad tujuh puluhan lagi, Malaysia menentukan pendiriannya mengenai pergolakan-pergolakan serantau dan antarabangsa. Kerajaan Beta telah menyarankan supaya Asia Tenggara dijadikan suatu kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and

Neutrality). Perkembangan politik yang berlaku di sekitar Asia Tenggara pada masa ini dengan sendirinya mengesahkan kebenaran perjuangan Malaysia. Kerajaan Beta bersama-sama dengan negara ASEAN yang lain akan terus memperjuangkan matlamat ZOPFAN demi mencapai kestabilan dan keamanan serantau.

Walau bagaimanapun, pergolakan politik di Asia Tenggara dan Asia Tengah di masa yang lampau ini amat membimbangkan. Serangan ke atas Kampuchea dan Afghanistan merupakan pencabulan kedaulatan yang tidak boleh dipandang ringan. Kerajaan Beta mendesak supaya pihak-pihak yang berkenaan menarik balik angkatan tentera dan mengundur diri untuk memberi hak kepada negara-negara tersebut menentukan nasib mereka sendiri.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang istimewa kepada hubungan dengan negara-negara Islam, berteraskan hubungan yang sedia ada untuk meningkatkan kerjasama. Beta berpuashati dengan kejayaan serta kemajuan yang dicapai oleh Pertubuhan Persidangan Islam dan yakin Pertubuhan tersebut akan kekal sebagai satu badan penting dalam menggalakkan semangat bersatu dan kerjasama di antara negara-negara Islam.

Pergolakan-pergolakan yang berlaku di beberapa kawasan dunia kerana kegagalan negara-negara tersebut mengatasi masalah-masalah ekonomi, sosial dan politik rakyatnya telah mengakibatkan keadaan kucar-kacir. Kita hendaklah mengambil pengajaran dan panduan daripada peristiwa-peristiwa tersebut. Andainya kita tidak benar-benar berwaspada, kita juga mungkin terjerumus ke dalam bahaya yang sama.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Kita telah mencapai banyak kejayaan di dalam semua lapangan. Kita juga sedar bahawa tahun-tahun lapan puluhan akan membawa berbagai cabaran dan masalah. Usaha-usaha terus dipergiatkan lagi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Inflasi akan diawasi. Kekayaan negara akan diagihkan dengan saksama kepada semua rakyat, terutama yang tidak berada. Kemampuan pertahanan negara akan diperkukuhkan. Kita mempunyai kekuatan dan tenaga yang cukup untuk memelihara segala kemajuan yang telah dicapai. Usaha-usaha ke arah menggembeling pembangunan untuk perpaduan rakyat hendaklah seiring dengan ketahanan negara. Semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain hendaklah diperhebatkan lagi. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Segala rancangan dan dasar kita adalah untuk kepentingan dan kebaikan ugama, bangsa dan negara yang kita kasihi. Kejayaan yang telah kita capai hendaklah dijadikan sebagai perangsang untuk bergiat melancar dan memesatkan lagi perjuangan kita demi memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan. Segala usaha Kerajaan dalam semua bidang memerlukan penyertaan rakyat yang sama bersemangat dan bersedia bekerja untuk mencapainya. Segala usaha tidak seharusnya tinggal sebagai usaha Kerajaan sahaja. Maju mundurnya negara ini bergantung kepada penyertaan sepenuhnya oleh rakyat. Pada hakikatnya, pembinaan negara adalah hasil keazaman, kebulatan tekad dan usaha bersama rakyat dengan Kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Sebagai penutup, Beta menyeru rakyat sekalian supaya menyokong penuh atas segala usaha Kerajaan Beta di bawah pimpinan Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Beta yang dikasihi, untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan sebuah negara yang kukuh, aman

dan makmur di bawah satu Kerajaan yang bersih. Beta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada segenap lapisan rakyat kerana sumbangan mereka dalam mencapai matlamat-matlamat negara. Kerajaan adalah menghargai perkhidmatan jujur dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan, yang telah memeras pemikiran dan tenaga demi kemajuan negara. Perkhidmatan anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang sentiasa rela berkorban nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara, sentiasa disanjung tinggi. Kerajaan tidak sekali-kali akan mengabaikan soal-soal kebajikan para anggota Pasukan Keselamatan serta tanggungan mereka.

Akhir kata, Beta berdoa kehadiran Allah subhanahu wa ta'ala semuga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipan yang diamanahkan.

The English translation is as follows:

ADDRESS BY HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad, His companions and His family.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, for His Grace and Blessings which enable me to deliver this Address on the occasion of the official opening of the Second Session of the Fifth Parliament today. It is a pleasure to be given the opportunity to deliver my first speech since holding office.

Honourable Members:

This session today takes place during a period that is historically significant because we are entering the 15th century of the Hijrah and also the decade of the eighties. This year is also the last year of the implementation of the Third Malaysia Plan. The Fourth Malaysia Plan will be launched next year. The implementation of the New Economic Policy has also reached the half-way mark. Clearly, the year 1980 is very meaningful in terms of the development of our country, Malaysia.

We have achieved rapid success as a result of the Government's efforts, together with the support and participation of the people in exploiting the wealth of our country. In view of the challenges of the eighties, the Government will continue to work with a greater degree of perseverance. I therefore call upon the people to redouble their efforts to ensure that success is sustained. It is only through interest and dedication to work, and gratitude to God's gifts, that we would be able to attain the ideal we long for.

I am happy to state that even though the world economy has experienced a very slow rate of growth, the Malaysian economy continues to be strong in 1979. Despite that, the prospect of our Malaysian economy this year may be less satisfactory considering the slow rate of world economic growth. The effect of inflation that has hit the whole world will be felt in our country. Nevertheless, through measures that will be taken by the Government, together with the co-operation of the people, inflation in this country will not be as severe as that experienced by other countries.

In the effort to combat inflation, there is nothing more potent than the attitude of the people. The people must be aware of the influence of an inflation psychology which would cause excessive buying, hoarding and a reduction in productivity. An increase in income is meaningless if the cost of living rises above that of income. While the Government acts in various ways including the giving of subsidies, its capacity is limited. It is therefore incumbent upon the people to assist the Government by reducing spending and increasing their productive capacity. I call upon the people to be thrifty and more productive as a means of minimising the effects of inflation.

I am thankful to Allah for the nation's political stability which facilitates the Government's implementation of the development programmes for the well-being of the people. On the whole, the people's response towards the Government's efforts has assured the country a more rapid pace of development. It is therefore vital that the people instil in themselves a diligent spirit and take pride in the fruits of their labour. Their efforts will raise their standard of living, and contribute largely towards increasing the nation's wealth. In all that we do we should be concerned not only with what we earn but also with our contribution towards our faiths, our people and our country.

In this regard, I would like to remind my people of the Islamic faith that the sanctity of religion cannot be divorced from progress of the nation. The fall of several Islamic nations is due to their disunity, weakness and backwardness. With this collapse, Islam is not only threatened; but it also faces the prospect of annihilation. And so let there be no attempt to obstruct progress if we truly wish Islam to spread and be permanent. What we should do is that in our quest for the comforts of life we should not neglect spiritual values and our responsibilities as Muslims. It is my earnest hope that my people of the Islamic faith would set aside their differences and together work for our national resilience.

A review of the programmes that have been implemented, whether in the public or private sector, is essential to enable us to identify the shortcomings and problems that arise. By doing so, the Government would be better able to take appropriate measures to overcome such problems. Consonant with the Government's efforts, I would like to call upon the private sector to examine and appreciate their respective responsibilities and roles so that they will be able to contribute more effectively towards meeting the challenges and demands of the coming years.

The passage of time will inevitably bring in its wake a host of changes. While certainly not all changes are good we should however accept those that are beneficial to us. In the use of new techniques that are clearly more productive, the people must be ready to accept them. It is only through this willingness that we will be able to make headway and compete with other countries in the pursuit of progress and at the same time preserve our resilience and freedom.

We should take great pride in ourselves because we possess the knowledge, efficiency and unique capabilities to enhance the nation's production and uplift the standard of living of the people. Although our country is small, we have succeeded in becoming the world's leading producer of tin, rubber, palm-oil and pepper. With these same attributes, there is no reason why we should not succeed in other fields.

The basis of an individual's success and progress is self-discipline. A disciplined citizenry is one which knows its role, responsibilities and duties towards religion, the family and the nation. With discipline, our aspirations, as enshrined in the Rukunegara, will be achieved. Discipline is also a source of strength. A disciplined society will breed a spirit of love for the nation. I call upon my people to constantly follow and understand the developments in our country so as to preserve the honour of our nation, both within and outside the country.

Honourable Members:

I am gratified to note that the Government's efforts to attract local and foreign investments have been successful. With the various raw materials that we possess, including oil and gas which are also sources of energy, our industrialisation efforts should no longer be confined

only to import—substitution and small-scale industries. The time has come for us to go into heavy industries not only to serve the nation's needs but also for export. With this, I hope that our less developed regions will be further improved and unemployment reduced. The people should accept and be ready for a more intensive industrialisation in the interest not only of themselves but also of the nation.

We are also successful in achieving further progress in the fields of research, production and marketing to ensure the future of our primary commodity industries. Besides establishing more trading offices overseas, a new strategy will be formulated so that co-operation with foreign trading companies could be instituted to promote the marketing of Malaysian manufactured goods. An Export Trade Centre had already been established to provide a wider scope of services for local entrepreneurs and exporters.

To ensure that our socio-economic development, and also the pattern and rate of our economic growth are carried out in an orderly fashion, a more efficient system of transport and communication is imperative. The building of appropriate infrastructure for industrial development and the speeding up of the development of agricultural resources in the less developed regions are of prime concern to us. In order to accelerate the building of roads including the North-South and East-West Highways, my Government will set up a Highway Authority. The implementation of the construction projects and the raising of the quality of rural roads will be further intensified. Measures will continue to be taken to widen and improve the facilities at the airports, the seaports and the railways. Efforts towards expanding and raising the standard of services of the postal and telecommunication services will be multiplied.

My Government will continue to put more effort towards uplifting the standard of living of the farmers and fishermen. To achieve this objective, measures will be taken to ensure that the agricultural sector will be able to provide a satisfactory income above the poverty level. Food production will be increased through the formulation and use of new techniques, along with appropriate incentives from the Government. Attention will also be focused on efforts to rehabilitate neglected land, especially padi-fields.

My Government will play a major role in improving the socio-economic conditions of the people in all walks of life, particularly the rural people who depend on land to attain a satisfactory income and a good standard of living. Through the opening of new land on a massive-scale, my Government has succeeded in resettling people in new areas and also in creating more job opportunities and investments. Through regional development agencies, my Government has successfully implemented development activities to reduce poverty between the people of different regions.

Various social welfare services would continue to be implemented to assist the underprivileged and those subjected to social changes. The people's participation in social work should be further intensified through voluntary organisations. In this respect, my Government wishes to thank all voluntary organisations for their hard work and toil in assisting the people in emergency situations.

In the field of education, my Government has brought out the Cabinet Committee Report on the implementation of the National Education Policy. The report marks a significant stage in the history of our education system since independence. The recommendations in the report are presently being closely studied for their implementation. My Government will also continue

to raise and develop the existing local universities and other institutions of higher learning. When such projects are completed the student intake into local universities and other institutions of higher learning would be greatly increased.

My Government views with concern the housing situation in this country. It will continue to take appropriate measures to overcome this problem by building more houses, particularly the low-cost ones. A National Consultative Council On Housing has been established to find ways and means to plan new approaches and strategies to implement the housing programme more effectively. My Government will also continue to search for avenues to overcome the squatter problem which is very evident in the major towns. A co-ordinating body has already been established to ensure that the plans for the squatters, that are carried out by the various state governments, are functioning smoothly.

It is my Government's aim to ascertain that clean water supply is enjoyed by all the people. A comprehensive study on water resources for the next two decades is in progress. It covers the needs of the public, agriculture and hydro-electric power. Water supply to the rural areas is under study this year. Based on the findings of these studies, a master plan on water supply will be formulated.

Electricity supply to all parts of the country, including the rural areas, will be further intensified through the use of petroleum, liquified gas, water and other sources of energy.

To raise the standard of health of the people, especially those in the rural areas, my Government will concentrate all its efforts to accelerate the implementation of health projects under various programmes, such as public health, medical, dental and other services. Various activities concerned with health education, mental and individual attitudes towards personal hygiene, family and public health, will encourage the people towards attaining better standards of health.

My Government realises that the modernisation of administrative machinery and manpower planning are two factors that are imperative for our national development. A more vigorous system of administration will be established to ensure that the use of manpower would be more efficient. My Government will continue to pay attention to the working conditions and standard of living of the workers. Efforts towards promulgating specific laws and its enforcement will be made in order to achieve this aim, including a more healthy working atmosphere.

Youths are an important source of manpower to guarantee national development. My Government pays special attention on the greater involvement of the youths in the nation's development, particularly in economic activities. I therefore call upon them to be prepared to accept job opportunities without being too choosy. It is important that youths adequately equip themselves to play their role in development so that their energy can be channelled towards useful activities. In the field of sports, I am gratified to note that there is close rapport between the Government and various sports organisations in providing sporting facilities and training which are systematic, scientific and intensive. These efforts, coupled with the support from the private sector, will produce national players and teams of high calibre.

I am also gratified to see that the Muslim community, particularly the Muslim youths in this country, show great interest in the development of Islam as a way of life. This is evident from the existence of many missionary movements. My Government has rendered support and lavished attention to these missionary bodies in their efforts to propagate the true Islamic faith.

However I would like to draw attention to a small group which has deviated in their missionary work because of their lack of knowledge, understanding and experience with regard to the true teachings of the religion. There are also those who believe that Islam is intolerant and so they engage in negative activities which tarnish the image of Islam and obstruct its spread. This is the group that creates problems for Muslim societies anywhere. It is imperative therefore that those who wish to be active in missionary work should adequately equip themselves with the necessary knowledge in the proper interpretation of Islamic teachings.

In a rapidly developing country like Malaysia, the role of the people increases constantly. Communication between the Government and the people must be strengthened. In this respect, it is essential that the development of the mass media be in harmony with the development and the progress of society. They should play a more constructive and responsible role in accordance with the needs and aspirations of the nation.

The success of the Government in curbing the threats and activities of the communist terrorists, and simultaneously preserving law and order and public peace has greatly enhanced the people's confidence in the security of life, property and the country. The people should appreciate the value of peace and harmony in society. They must be moderate and patient in the face of tension and conflict. Once the people are united, the nation will be better able to attend to its responsibilities and actions towards achieving the ideal for all. It is imperative therefore that we strive to strengthen unity. The people should set aside their sense of communalism, clanishness, and parochialism and such other divisive predispositions which are nothing but impediments to unity and progress.

By the Grace of Allah, the Lord of the Universe and a resolute spirit, coupled with the consolidated effort of the Security Forces, and in addition, the support of the people as well as co-operation from our neighbours, our security is much more assured. The threat from the communists in the country is still prevalent but their activities are well under control. I wish to congratulate and express my deepest appreciation to my Security Forces who worked tirelessly in combating the communists and in preserving the national peace.

At present, dadah has become a problem to the security and resilience of the nation. A majority of those involved are our youths. Hence, co-operation from all agencies concerned, both voluntary and private, together with people from all walks of life is vital to combat the scourge. The Government views this matter with utmost concern and is trying its best to eradicate it with the help and co-operation of foreign countries and the United Nations.

The influx of the illegal immigrants from Vietnam has placed our nation in a difficult situation. With the resolute efforts of the Vietnamese Illegal Immigrants' Task Force and the co-operation from voluntary bodies, this problem has been rendered controllable. I wish therefore to express my deepest gratitude to the Task Force, the voluntary bodies, the United Nations High Commissioner For Refugees as well as to the countries who have agreed to resettle the illegal immigrants in their respective countries.

Honourable Members:

The satisfactory state of our national security coupled with a high degree of political stability have been instrumental in enabling the Government to forge closer international relations. On the basis of the Kuala Lumpur Declaration since the early seventies, Malaysia has been able

to make her stand clear with regard to various regional and international crisis. My Government has proposed that South-east Asia be made a Zone of Peace, Freedom and Neutrality. The political development taking place in and around South-east Asia at present reaffirms the cogency of our stand. Together with other ASEAN member countries my Government will continue to strive for the objectives of ZOPFAN in order to achieve regional stability and peace.

Political upheavals in South-east Asia and Central Asia should be viewed with grave concern. The attack on Kampuchea and Afghanistan is a violation of their sovereignty which cannot be viewed lightly. My Government urges the parties concerned to cease and desist in their military adventures and withdraw their forces completely from the occupied lands so as to allow the people of these lands the right to self-determination.

My Government will continue to pay special attention to the relationship with Islamic countries based on existing arrangement with a view to promote further co-operation. I am satisfied with the success and progress achieved by the Islamic Conference Organisation and I am convinced that this Organisation will remain as an important body for the purpose of promoting a unifying and co-operative spirit among Islamic nations.

The upheavals which are occurring in various parts of the world due to the failure of countries concerned in overcoming the economic, social and political problems of their people have caused much instability. We must learn and take heed of such events. If we are not vigilant, we might suffer the same fate.

Honourable Members:

We have achieved numerous successes in various fields. We also realise that the eighties hold many challenges and problems. Efforts will be further intensified to increase the nation's economic growth. Inflation will be monitored. The nation's wealth will be evenly distributed to all the people, especially the have-nots. Our national defence will be further strengthened. We have sufficient strength and resources to sustain the pace of progress that has been achieved thus far. Efforts towards mustering development for the people's unity must be buttressed by national resilience. The spirit of co-operation with one another must be enhanced. "United we stand, divided we fall!"

All our policies and programmes are directed towards fulfilling the needs and well-being of our religion, our nation, and our beloved country. The success that we have attained thus far should motivate us to launch and intensify our quest to attain a more glorious success in the future. The Government's effort in all fields needs the keen participation of the people moved by a willingness to work to achieve success. No task should be regarded as the responsibility of the Government alone. The progress or backwardness of this country rests largely on the full participation of the people. It is a fact that nation-building is but the sum total of the resoluteness and tenacity of the people working hand in hand with the Government.

Honourable Members:

In closing, I call upon all my people to give their fullest support to all the efforts of my Government under the able leadership of my beloved Prime Minister, Dato Hussein Onn to forge a society that is united, strong, peaceful and prosperous governed by a clean Government. I would like to express my heartfelt thanks to my people from all walks of life for their contribution towards achieving the nation's objective. The Government holds in high esteem

the high sense of honesty and dedication shown by Government officers and personnel who have toiled untiringly in the quest for our nation's progress and prosperity. The services of the Security Forces who are ever willing to risk their lives in the defence of our nation's integrity are held in high regard by all. My Government will never neglect the welfare of the members of the Security Forces and their families.

Finally, I pray to Allah, Lord of the Universe that He may bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in discharging the tasks and responsibilities entrusted upon them.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli Yang Berhormat yang baru tadi mengangkat sumpah dalam Dewan ini, dan berharap semoga Yang Berhormat itu dapat memberikan sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan seterusnya kepada negara.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1980;
2. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1980;
4. Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) 1980;
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) 1980;
6. Akta Perbekalan Tambahan (1979) 1980;
7. Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1980;
8. Akta Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) 1980;
9. Akta Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luarnegeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan) 1980;
10. Akta Timbangtara (Pindaan) 1980;
11. Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) 1980;
12. Akta Racun (Pindaan) 1980;
13. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980;
14. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1980;
15. Akta Pecen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan) 1980;
16. Akta Taman Negara 1980; dan
17. Akta Pecen 1980.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga suka memaklumkan iaitu

saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah memersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1980;
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (No. 2);
5. Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979);
8. Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luarnegeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Racun (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pecen;
13. Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim (Sabah dan Sarawak) (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Taman Negara;
15. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2);
16. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia; dan
17. Rang Undang-undang Timbangtara (Pindaan).

TANDATANGAN

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

CUTI Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI/ CHAN KOK KIT—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan kepada Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada:

- (i) Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai daripada 12hb Disember, 1979 hingga 11hb Disember, 1980; dan
- (ii) Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit daripada 14hb Disember, 1979 hingga 13hb Disember, 1980.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat ini atau hanya menyebut sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, soalan ini sekarang sudah menjadi soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

KERAJAAN BARU INDIA

1. **Tuan Shaari bin Jusoh** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai dengan Kerajaan Baru India—sama ada Kerajaan Malaysia mengikut dasar luar yang sama dahulu iaitu kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan dan perdagangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, hubungan Malaysia dengan India sentiasa rapat dan mesra. Hubungan yang rapat ini telah dikekalkan oleh kedua-dua negara tanpa menghitungkan mana-mana parti politik atau Kerajaan yang memerintah di kedua-dua negara. Dalam bulan Januari, 1979, Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia telah mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu lawatan rasmi ke India atas undangan Perdana Menteri India. Tujuan utama lawatan itu ialah:

- (i) mengeratkan lagi hubungan dua-hala yang sedia wujud antara Malaysia dan India;
- (ii) membincangkan bidang-bidang kerjasama dua-hala dalam lapangan ekonomi, teknik, kebudayaan dan perdagangan; dan
- (iii) menukar pendapat tentang isu-isu serantau dan antarabangsa.

Semasa itu Parti Janata sedang berkuasa di India dengan Yang Berhormat Encik Morarji Desai sebagai Perdana Menteri. Tetapi dalam pilihanraya dalam bulan Januari baru-baru ini Parti Kongres (I) telah kembali berkuasa semula dan Puan Yang Terutama Indira Gandhi telah kembali dipilih sebagai Perdana Menteri India. Pertukaran Kerajaan ini tidak bererti bahawa kerjasama dua-hala yang rapat di dalam berbagai-bagai lapangan antara Malaysia dengan Kerajaan lama India akan terganggu. Sebenarnya sebaik-baik sahaja Parti Kongres (I) kembali berkuasa dalam pilihanraya baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melakukan lawatan rasmi ke India. Beliau telah mengunjungi Puan Indira Gandhi, Perdana Menteri India yang baru, lain-lain Menteri dan pemimpin India yang baru dan telah berbincang dengan mereka cara-cara untuk mengeratkan lagi kerjasama dua-hala antara kedua-dua negara terutama dalam lapangan ekonomi, teknik, kebudayaan dan perdagangan. Begitu juga satu rombongan perdagangan dari India baru saja melawat Malaysia untuk mencari jalan bagi mempertingkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Kerajaan baru India juga telah menunjukkan minat untuk mengeratkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dan telah menandatangani supaya adakan dengan segera

mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara pegawai-pegawai kedua-dua negara seperti yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik Malaysia dengan India untuk mengesan dengan lebih mendalam lagi bidang-bidang kerjasama antara Malaysia dan India. Mesyuarat itu akan diadakan tidak lama lagi, dengan tujuan mempesatkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam lapangan ekonomi, teknik, kebudayaan dan perdagangan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam perhubungan di antara India dengan Malaysia Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebut bagaimana eratnya perhubungan Malaysia dengan India.

Saya ingin bertanya di dalam perundingan yang telah lalu adakah pihak Malaysia telah menyebut kepada Kerajaan India supaya penghijrahan rakyat India ke Malaysia ini mendapat perhatian supaya tidak seperti yang ada sekarang ini yakni bagaimana ada sebahagian daripada mereka balik ke India dan mengajak pula beberapa ramai rakyat India datang ke Malaysia untuk menetap di Malaysia ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perbincangan yang telah berlalu merangkumi berbagai-bagai perkara, tetapi khusus dengan masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah dapat saya katakan di sini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu Dewan yang mulia ini, di dalam lawatan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke India adakah isu pencerobohan Russia di Afghanistan ini telah dibincangkan dan adakah Malaysia bersetuju dengan dasar Kerajaan baru itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soal yang asal daripada Ahli Yang Berhormat yang bertanya dari Kangar tadi iaitu mengikut dasar luar yang sama dahulu iaitu kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan dan perdagangan. Jadi tidak kenalah soalan ini di sini.

TUNJUK PERASAAN PENANAM PADI DI ALOR STAR

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada Kerajaan mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai tunjuk perasaan oleh para penanam padi di Alor Star, Kedah baru-baru ini, dan jika tidak kenapa dan samada beliau menyedari bahawa keadaan yang dihadapi oleh penanam-penanam padi dengan jelas menunjukkan bahawa konsep Geraktani dilancarkan telah gagal membaiki keadaan golongan petani.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat tidak perlu dan tidak bercadang mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai tunjuk perasaan di Kedah itu memandangkan bahawa tunjuk perasaan itu adalah terhad dan dapat dikawal dan bukanlah merupakan satu keadaan yang kritikal dan semua maklumat berkenaan dengannya telahpun diumumkan. Berhubung dengan konsep Geraktani, ini tidak kena mengena dengan demonstrasi tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengemukakan satu Kertas Putih terhadap tunjuk perasaan di Alor Star. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan samada pihak Kerajaan telah menentukan punca-punca yang sebenarnya yang menimbulkan tunjuk perasaan oleh para penanam padi di Alor Star, dan jika ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini tentang punca-punca itu.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, di hari ini soalan yang No. 7 daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menanya berkenaan dengan sebab adanya demonstrasi itu dan saya akan jawab apabila sampai pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya Yang Berhormat suka boleh juga disatukan jawapan kepada pertanyaan No. 2, 7 dan 9—walaupun ada lain sedikit—tetapi berhubung dengan ini juga. Kalau hendak jawab sekali pun boleh saya benarkan. Melainkan suka tunggu. Tujuannya hendak mengelakkan daripada berulang-ulang.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Saya boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Apa yang berlaku di Alor Setar pada 23hb Januari 1980 bukanlah satu tunjuk perasaan ataupun demonstrasi yang besar ataupun raksaksa. Ramai yang ada di situ adalah daripada petani tetapi bukannya kerana mereka datang berkumpul untuk berdemonstrasi tetapi berkumpul untuk mendengar pengumuman berhubung dengan harga padi yang kononnya akan diumumkan pada hari itu. Yang benar-benar berdemonstrasi dan menghasut orang lain supaya menyertai mereka hanyalah segelintir orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mengaku mereka mewakili petani-petani walaupun mereka bukannya petani-petani.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi dalam jawapannya menyatakan tidak boleh mengeluarkan satu Kertas Putih berhubung dengan demonstrasi ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab sebab berlakunya demonstrasi ini oleh kerana membantah pasir dicampurkan dengan baja (fertiliser) untuk tujuan pertanian. Ini satu sebab mereka itu menjalankan demonstrasi ini. Betulkah atau tidak?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Itu tidak ada kena mengena dengan demonstrasi seperti yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, ini berkenaan dengan sebab tadi. Soalan No. 7, iaitu soalan Yang Berhormat Tuan Chan bertanya sebab-sebab. Betul atau tidak satu daripada sebab-sebabnya ialah dicampurkan pasir dalam baja. Itu sahaja.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah dengan subsidi baja dan subsidi harga padi kepada penanam-penanam padi telah menjadikan keadaan mereka itu bertambah buruk ataupun kegagalan Kerajaan? Kalau sekiranya tidak, apakah langkah-langkah Kementerian supaya

niat baik Kerajaan difahami oleh penanam-penanam padi dan tidak disalah tafsirkan oleh segolongan orang yang mencari kesempatan politik.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi demonstrasi ini tidak kena mengena dengan apa-apa baik berhubung dengan kupon ataupun baja dicampur dengan pasir dan seterusnya. Ini ialah seperti yang saya katakan kononnya ada pengumuman hendak dibuat dan mereka itu telah keluar beramai-ramai berhimpun di Wisma Negeri, kononnya hendak mendengar satu pengumuman yang memang tidak ada pengumuman pada hari itu.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah sebabnya berlaku pertelingkahan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan termasuk Menteri sendiri yang berkaitan dengan sebab musabab yang mengakibatkan tunjuk perasaan secara raksaksa di Kedah itu.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perselisihan pendapat antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan pengumuman saya.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab kenapa pada 23hb Januari, 1980 apabila delegasi petani itu hendak berjumpa dengan Menteri Besar, beliau tidak mahu jumpa delegasi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan bukan di Parlimenlah. Yang Berhormat Menteri Besar arah siapa di sana kena bertanya dengan Menteri Besar Kedah (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Kata Yang Berhormat Menteri tadi ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja dari petani tetapi mungkinkah ada kalau benar, disebabkan campur tangan daripada parti-parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pertanyaan agak-agak. Ini tidak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dari Simunjan.

Tuan Yang di-Pertua: Simunjan. Sudah lama tidak berjumpa, jadi lupa. (*Ketawa*)

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dari jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan golongan yang berdemonstrasi ini ingin mendengar pengumuman mengenai harga baru padi. Jadi pernahkah pengumuman dibuat untuk menaikkan harga baru padi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila kalau Yang Berhormat hendak jawab.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tidak ada pengumuman dibuat. Itu apa yang saya katakan tadi "kononnya" ada.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah benar pada 23hb Januari, 1980 iaitu hari di mana diadakan demonstrasi itu, satu perundingan telahpun dibuat di antara wakil-wakil demonstrasi dengan Yang Berhormat Datuk Menteri Besar Kedah.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perundingan diadakan di antara orang yang berdemonstrasi dengan Yang Berhormat Menteri Besar.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar bahawa satu tuduhan telah dilemparkan oleh Kerajaan bahawa tunjuk perasaan ini adalah dihasut oleh satu golongan yang tidak bertanggungjawab. Tetapi pada pihak yang lain ada berkata kerana kurang fahamnya petani mengenai sistem kupon, maka manakah satu kenyataan yang benar yang dibuat oleh Menteri berkenaan dengan Menteri Besar yang berkenaan.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Kita mengaku barangkali ada petani-petani yang tidak faham berhubung dengan cara sistem itu berjalan. Tetapi bukannya petani ini yang berdemonstrasi.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri kata petani tidak faham. Ada juga lain Ahli Yang Berhormat kata parti Pembangkang ada campur tangan. Bolehkah Kerajaan melantik satu Suruhanjaya (*Ketawa*) diketuai oleh seorang Hakim Besar supaya siasat siapa yang campur tangan dan kenapa demonstrasi di Kedah ini berlaku. Bolehkah atau tidak.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Kerajaan tidak bercadang.

BARANG-BARANG KEPERLUAN KEKURANGAN

3. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan barang-barang keperluan seperti gula, diesel dan minyak tanah di Sabah terutama sekali di Lahad Datu, Semporna dan Kunak dalam Daerah Silam yang menyebabkan kesusahan kepada rakyat di sana terutama nelayan dan pemandu teksi, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa masalah kekurangan bekalan barang-barang seperti minyak tanah, diesel, gula dan lain-lain barang keperluan berlaku di Negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini timbul bukanlah kerana negara menghadapi kekurangan bekalan, tetapi adalah berpunca dari masalah logistik terutama sekali masalah perhubungan di kawasan-kawasan pedalaman. Masalah seperti ini memang diakui seringkali berlaku di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya

ingin menegaskan bahawa Kementerian saya sentiasa bergiat di dalam usaha menentukan supaya bekalan di kawasan bandar atau luar-bandar sentiasa cukup. Langkah-langkah tertentu telah diadakan untuk menjamin adanya bekalan minyak tanah dan diesel pada setiap masa. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Mengadakan satu sistem yang mana setiap pembekal minyak tanah, diesel dan petrol diwajibkan mengemukakan penyata stok bekalan yang diterima dan diedarkan kepada Kementerian saya setiap bulan. Maklumat-maklumat ini akan membolehkan Kementerian saya menjalankan pengawasan ke atas prestasi pembekal-pembekal dan membolehkan tindakan sewajarnya diambil ke atas mana-mana pihak pembekal yang mengurangkan bekalan;
- (ii) Mengadakan sistem "Pre-plan-Delivery" yang mana mewajibkan setiap pembekal di semua peringkat mengemukakan jadual hantaran bekalan mereka kepada Kementerian saya sebulan lebih awal daripada tarikh bekalan sebenar diperbuat. Peraturan seperti ini diadakan untuk membolehkan Pegawai-pegawai Kementerian saya mengetahui corak pengagihan bekalan seseorang pembekal. Sekiranya ada pembekal-pembekal yang memberikan bekalan berkurangan daripada jangka penggunaan, pegawai-pegawai Kementerian saya dapat mengawasinya dan memberi arahan untuk menambahkan bekalan;
- (iii) Mengadakan sistem pengeluaran "Kenyataan Jualan" bagi setiap urusniaga minyak diesel di mana butir-butir dicatitkan. Peraturan ini diadakan bagi menentukan semua penyaluran bekalan direkodkan dan tidak ada penyelewengan dilakukan seperti penyorokan, penyeludupan dan sebagainya;
- (iv) Mengadakan syarat-syarat khas kepada semua peruncit minyak diesel di mana pada satu-satu masa mereka hanya dibenarkan menjual sebanyak \$10.00 kepada kereta dan teksi serta jentera-jentera ringan dan 20 gelen kepada kenderaan berat kecuali kenderaan-kenderaan Kerajaan. Tujuan diadakan peraturan ini ialah untuk memastikan

bahawa semua pengguna-pengguna akan mendapat bekalan bagi kegunaan mereka pada tiap-tiap hari; dan

- (v) Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan bekalan dengan membuat lawatan dan pemeriksaan di seluruh negara dari masa ke semasa.

Mengenai kekurangan gula pula, ianya juga berpunca dari masalah logistik dan perhubungan di kawasan-kawasan pedalaman. Adalah diharapkan bahawa jika sekiranya terdapat mana-mana pihak yang mengalami sebarang kesukaran bagi mendapatkan bekalan gula dan barang-barang keperluan yang lain, mereka hendaklah melaporkan segera ke Pejabat-pejabat Kementerian saya yang berhampiran. Dengan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diterima, tindakan-tindakan yang tertentu dan segera dapat dilaksanakan.

Dengan adanya peraturan-peraturan yang saya nyatakan tadi, Kementerian saya dapat mengadakan satu cara pengawalan yang menyeluruh, bukan sahaja meliputi penentuan ke atas penjualan bahan-bahan petroleum, tetapi juga pengedaran yang dibuat oleh pembekal-pembekal, sama ada pembekal itu merupakan syarikat minyak, pemborong-pemborong mahupun peruncit-peruncit yang menjalankan perniagaan secara langsung dengan pengguna-pengguna.

BEKALAN LETRIK KE BANDAR JENGA

4. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah bekalan letrik ke seluruh kawasan FELDA Wilayah Jengka Tiga Segi dan kawasan Sungai Pancing akan dilaksanakan dan jika dilaksanakan cara berperingkat-peringkat maka bolehkah Menteri memberitahu keterangan lanjut mengenainya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Seperti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat bekalan elektrik telah pun tiba ke pusat Bandar Jengka melalui talian besar 132 kv. Oleh yang demikian

kawasan-kawasan berhampiran akan dapat dibekalkan dengan elektrik berperingkat-peringkat mulai sekarang. Memandangkan bahawa projek-projek dalam kawasan kemajuan wilayah adalah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, maka soal bilakah kawasan ini akan mendapat bekalan elektrik bergantung besar kepada Kementerian tersebut. Perbadanan Kemajuan Jengka yang menguruskan semua projek-projek di Jengka Tiga Segi adalah merupakan satu Perbadanan yang dibiayai bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Apabila pihak berkuasa yang berkenaan telah menentukan kawasan mana yang harus dibekalkan dengan elektrik maka Kementerian yang berkenaan akan menimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan itu dengan sewajarnya, dan seterusnya pihak Lembaga Letrik Negara akan mengambil tindakan untuk melaksanakan projek-projek yang diluluskan itu. Mengenai bekalan elektrik ke FELDA Sungai Pancing yang terletak di luar kawasan Kemajuan Wilayah ianya terdiri daripada beberapa Rancangan. Pada peringkat permulaan, bekalan elektrik akan diberi kepada FELDA Sungai Pancing Selatan. Projek ini dijangka dapat disempurnakan pada akhir tahun ini dengan perbelanjaan sebanyak 1.5 juta ringgit dan akan memberi faedah kepada 272 buah rumah.

PENCEROBOHAN RUSSIA KE ATAS AFGHANISTAN

5. Tuan Au How Cheong minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menamatkan hubungan diplomatik dengan Russia mengenai issue Afghanistan, memandangkan bahawa pemulauan daripada Sukan Olimpik adalah suatu cara bantahan yang tidak berkesan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia ialah antara negara-negara yang terawal mengambil pendirian mengutuk pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan. Delegasi Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Mesyuarat Tergempar Menteri-menteri Luar Negeri Pertubuhan Persidangan Islam di Islamabad baru-baru ini. Malaysia juga menjadi penganjur bersama (co-sponsor) resolusi-

resolusi Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam menyeru supaya tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan tanpa syarat dan supaya rakyat Afghanistan dibenarkan memilih sendiri jenis Kerajaan yang mereka ingini tanpa campurtangan dari luar. Di Islamabad, Malaysia telah membuat suatu ucapan yang tegas iaitu pencerobohan Soviet yang berterang-terangan di Afghanistan merupakan suatu ancaman kepada keamanan dan keselamatan antara-bangsa dan mengancam keganasan itu sebagai suatu pencabulan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pergerakan Berkecuali. Pencerobohan Soviet di Afghanistan telah menimbulkan suatu "precedent" yang merbahaya yang menjadikan negara-negara kecil yang merdeka terdedah kepada campurtangan, manipulasi, dan kekuatan kuasa-kuasa luar. Seajar dengan keputusan Pertubuhan Persidangan Islam Malaysia adalah di antara negara-negara yang terawal mengambil keputusan memboikot Sukan Olimpik di Moscow melainkan jika tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan.

Kedua-dua Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam yang menjadi panduan kita seterusnya belum lagi menggesa negara-negara ahli untuk memutuskan perhubungan diplomatik dengan Soviet Union mengenai perkara ini. Setakat ini Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain yang memegang pendirian yang sama masih ingin menyertai usaha-usaha Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam untuk mencari suatu penyelesaian yang aman yang akan memerlukan pengunduran tentera-tentera Soviet dari Afghanistan dan membolehkan rakyat Afghanistan membuat keputusan untuk masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dari luar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa sehingga hari ini Bangsa-bangsa Bersatu belum dapat mencapai satu penyelesaian yang aman terhadap isu di Afghanistan dan juga memandangkan bahawa Kerajaan Soviet masih mengambil satu sikap yang degil, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk mencontohi negara-negara Islam untuk mengambil satu sikap yang tegas iaitu untuk memutuskan perhubungan diplomatik dengan negara Russia.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kita berpandu kepada sikap Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam. Mereka belum lagi menggesa negara-negara ahli untuk memutuskan perhubungan diplomatik dengan Soviet Union. Jadi itulah panduan kita.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman yang ada kita lihat pada hari ini, tidakkah pihak Kerajaan dapat memikirkan bahawa keamanan itu kita tidak akan perolehi dengan rayuan dan peperangan pula tidak dapat dielakkan dengan bantahan. Jadi, langkah Malaysia untuk mengundurkan diri daripada Sukan Olimpik ini tidakkah menjadi satu perkara yang sia-sia dan ini adalah bertentangan dengan falsafah sukan itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahannya, tidakkah ini merupakan tindakan yang sia-sia?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan yang diambil ini tidaklah merupakan tindakan sia-sia, iaitu jika sekiranya Sukan Olimpik berjalan di Moscow dan didapati minat daripada ahli-ahli yang akan mengambil bahagian tidak sebegitu maka itu sudah tentu akan membawa satu kesan. Jadi sukalah saya menyatakan bahawa langkah yang kita ambil untuk memboikot sukan ini kalaulah tentera-tentera Soviet tidak mengundurkan diri daripada Afghanistan merupakan satu langkah yang wajar.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri ada berkata bahawa beberapa resolusi telah diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan ada juga satu resolusi yang dico-sponsorkan oleh Malaysia di mana tentera Russia diminta undur daripada Afghanistan. Saya ingin tahu bagaimana-kah resolusi yang dico-sponsorkan oleh Malaysia itu boleh dilaksanakan dan sekiranya ia tidak boleh dilaksanakan, apakah langkah yang Malaysia mempunyai bersama-sama dengan negara-negara lain, khususnya

ASEAN, dan amnya Negara-negara Berkecuali, untuk mendapatkan tentera-tentera Russia mengundurkan diri daripada Afghanistan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sebenarnya sudah jauh keluar daripada soalan asal tetapi ada juga kaitannya dengan jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, oleh sebab itu, sila jawab.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah dipertanyakan tadi kita terpaksa mengikut panduan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan juga Pertubuhan Persidangan Islam. Jadi segala langkah yang kita ambil hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai panduan yang demikian dan kita tidak harus terburu-buru dengan sesuatu. Saya rasa apa tindakan yang telah diambil oleh Malaysia pada hari ini sudah merupakan tindakan yang boleh membawa ke arah satu masa nanti penyelesaian yang kita idam-idam.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri menyatakan bahawa Malaysia mengambil satu sikap yang tegas. Saya ingin bertanya di sini tentang tindakan yang menyamai dengan sikap yang tegas itu, apakah tindakan yang telah diambil. Setahu kita bahawa yang telah diambil setakat ini hanyalah pemuluan Sukan Olimpik dan ini adalah satu tindakan yang kecil berdasarkan kepada peranan Malaysia dalam Sukan Olimpik itu hanyalah sebagai melukut di tepi gantang sahaja. Apakah dengan memilih sukan itu sebagai saluran untuk membantah pencerobohan Russia di Afghanistan itu hanyalah sebagai satu diplomasi main mata dengan Kerajaan Soviet. Jadi bolehkah Setiausaha Parlimen menerangkan langkah-langkah yang lebih tegas yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menghadapi isu Afghanistan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditonjolkan oleh Yang Berhormat tadi ada terkandung dalam soalan yang ke 24.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi akan jawab bila sampai pada soalan itu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Ya. Akan dijawab bila sampai masanya nanti (*Ketawa*).

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Afrika Selatan kerana dasar ataupun polisinya yang mendiskriminasikan rakyatnya yang berkulit hitam. Jadi tidakkah Kerajaan kita menganggap campurtangan sebuah negara itu adalah lebih serius daripada polisi apartheid dan patutlah mengambil keputusan yang lebih keras.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berganjak dari apa yang diperkatakan tadi iaitu kita berpandu kepada Negara-negara Berkecuali dan berpandu kepada Persidangan Islam dan berpandu kepada Bangsa-bangsa Bersatu bagi satu-satu langkah yang kita hendak ambil.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Setiausaha Parlimen tadi hendak mengelak jawapan saya, beliau tahu bahawa masa pun tak akan sampai kepada soalan ke 24. Tidak apalah, saya akan bertanya soal lain.

Tuan Yang di-Pertua: Belum tahu (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam keputusan ataupun kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Negara-negara Islam ternyata ia merupakan satu keputusan yang agak longgar dari segi memberi bantuan senjata kepada mujahiddin-mujahiddin Afghanistan dan Setiausaha Parlimen tadi menjelaskan juga bahawa Malaysia dipilih di dalam Jawatankuasa Rumusan untuk membuat kenyataan bersama itu. Adakah Kerajaan ataupun Wakil Malaysia bertanggungjawab untuk melunakkan tuntutan ataupun cadangan daripada Kerajaan Saudi Arabia supaya Negara-negara Islam memberi bantuan senjata kepada mujahiddin Afghanistan untuk menumpaskan pencerobohan Soviet.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu keluar daripada tajuk. Kita sentiasa mencari jalan penyelesaian secara aman. Jadi saya rasa tidak payahlah saya jawab lebih lanjut lagi.

SAHAM BUMIPUTRA MELALUI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

6. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra melalui Kementeriannya itu tidak menguntungkan Bumiputra, kerana kenaikan harga saham tersebut tidak begitu menggalakkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, saham-saham sesebuah syarikat yang ditawarkan melalui Kementerian saya adalah terlebih dahulu dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengeluaran Modal (Capital Issues Committee). Di antara aspek-aspek yang dikaji itu termasuklah:

- (i) Prestasi sesebuah syarikat itu bukan sahaja dari segi perkembangan pada tahun-tahun yang sudah tetapi juga pada masa-masa yang akan datang;
- (ii) Keuntungan yang dicapai olehnya dalam tahun-tahun yang lalu serta juga keuntungan yang diramalkan akan diperolehi di masa hadapan;
- (iii) Penetapan harga saham yang mana mengikut pendapat Jawatankuasa itu adalah selaras dengan kemajuan sesebuah syarikat itu pada masa kebelakangan serta pada masa yang akan datang.

Hanya selepas kajian itu dibuat dan Jawatankuasa yang berkenaan berpuashati di atas prestasi sesebuah syarikat itu, barulah ianya dibenarkan menawarkan sahamnya kepada orang ramai. Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa setelah satu-satu saham itu ditawarkan, ini tidak bermakna bahawa harganya akan terus naik. Kenaikan harga satu-satu saham itu bergantung kepada faktor-faktor yang mengawal permintaan dan penawaran saham itu sendiri. Walaupun harga sesuatu saham itu tidak bergerak, naik ataupun turun, ini tidak bermakna bahawa syarikat itu tidak menguntungkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu selanjutnya, berdasarkan kepada data-data yang sedia ada, daripada sejumlah 30 buah syarikat yang telah menawarkan sahamnya melalui Kementerian saya, hanya satu syarikat sahaja yang harga sahamnya dan sebuah lagi syarikat yang sahamnya jatuh di bawah paras harga yang ditawarkan telah digantung. Saham bagi syarikat-syarikat yang lain sedang berniaga atas harga yang lebih tinggi lagi daripada harga yang ditawarkan pada pertama kalinya. Dari kenyataan yang saya sebutkan ini, pada keseluruhannya adalah tidak benar bahawa saham-saham yang ditawarkan melalui Kementerian saya tidak menguntungkan Bumiputra.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menimbang perkara-perkara berbangkit ataupun berhubung dengan penjualan saham-saham kepada bumiputra. Saya suka hendak bertanya sekiranya salah satu daripada perkara yang ditimbang oleh Jawatankuasa ini ialah bersabit dengan perkara di mana saham-saham dibeli oleh bumiputra yang atas nama sahaja iaitu nominee, yakni saham itu sebenarnya dibeli oleh orang lain tetapi di atas nama nominee bumiputra sahaja. Jikalau Jawatankuasa ini sedar dan menimbang perkara ini ada berlaku apakah langkah-langkah Jawatankuasa ini telah ambil bagi mengelakkan perkara itu berlaku dan sekiranya Jawatankuasa ini tidak menimbang perkara tersebut apakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun mengetahui dan sedar di atas perkara ini dan kalau sedar, apakah tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sekiranya berlaku atau sudah ada berlaku; kalau tidak, perkara ini perkara baru dimisal-misalkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Sudah berlaku!

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah berlaku, boleh bertanya, kalau tidak iaitu dimisalkan sahaja tidak boleh ditanya di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h). Sila.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mengeluarkan saham-saham itu kepada sesiapa atas nama nominee. Dan sekiranya ada didapat bukti-bukti bahawa saham-saham diberi kepada seseorang atas nama nominee dan dilaporkan kepada pihak Kementerian saya, tindakan yang sewajarnya akan diambil supaya saham-saham yang berkenaan itu ditarik balik daripada mereka yang berkenaan.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan mengenai sama ada kenyataan yang benar bahawa bila saham-saham telah dikhaskan kepada bumiputra ini diiklankan dalam suratkhbar untuk mempelawa bumiputra membeli saham-saham itu bahawa begitu payah untuk membeli saham tersebut kerana yang diuraikan oleh Setiausaha Parlimen dalam jawapan pertama untuk mengelakkan salah beli dan nominee bind, tetapi dalam perbuatan itu maka tidak dapatlah bumiputra yang benar-benar ingin membeli saham dapat membeli saham dan saham itu

Tuan Yang di-Pertua: Ini panjang sangat ceritanya. Soalan tambahannya apa?

Tuan Patrick Anek Uren:hanya dipegang oleh Jabatan Kerajaan atau badan berkanun bagi pihak bumiputra. Saya ingin bertanya kalau ada cara yang lain untuk melicinkan dan mempercepatkan pemindahan saham-saham yang sekarang dipegang oleh badan-badan berkanun bagi pihak bumiputra dipindahkan kepada bumiputra.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini memang ada iaitu selain daripada saham-saham itu diberi kepada orang-orang individu, institusi-institusi bumiputra juga diberi keutamaan untuk mendapatkan saham-saham ini. Jadi, saya fikir saya telah jawab soalan Yang Berhormat tadi.

PAKATAN BARU KUASA-KUASA BESAR PENDIRIAN ASEAN

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa ucapan dasar Presiden Marcos di Akademik Tentera Philipina mengatakan pakatan baru sedang dibentuk di Asia yang Jepun untuk menandingi perseimbangan kuasa baru Soviet Union, Vietnam dan India itu, akan menyentuh dan menjejaskan pakatan ASEAN yang Philipina merupakan satu-satu anggotanya. Oleh itu apakah langkah-langkah Kerajaan kita dan anggota ASEAN yang lain, agar tidak terlibat dengan pertandingan kuasa-kuasa besar dan menjamin matlamat konsep aman, bebas dan berkecuali itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah maklum, ASEAN telahpun berkali-kali menyarankan pendiriannya bahawa ia tidak mahu melibatkan dirinya dalam sebarang percaturan politik kuasa-kuasa besar. Di samping itu ASEAN juga tidak mahu melihat rantau Asia Tenggara dijadikan oleh kuasa-kuasa besar sebagai pergelutan politik mereka. Konsep Aman, Bebas dan Berkecuali seperti yang dirakamkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur tahun 1971 merupakan manifestasi, hasrat dan cita-cita ASEAN ke arah ini dengan harapan supaya keamanan dan kestabilan Asia Tenggara dapat dikekalkan. Malaysia dan negara anggota ASEAN yang lain akan terus memperjuangkan konsep "ZOPFAN" ini.

Dalam konteks perkembangan politik di rantau ini sekarang, terutamanya masalah di Kampuchea, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain berazam dan akan terus berusaha supaya satu penyelesaian politik akan dapat dirumuskan. Ini dilakukan semata-mata untuk menjamin bahawa konsep Aman, Bebas dan Berkecuali yang dicita-citakan oleh ASEAN itu dapat diabadikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

TUNJUK PERASAAN PETANI DI KEDAH

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah soalsiasat telah dibuat atas mereka yang di tahan selepas tunjuk perasaan pada 23hb Januari, 1980 di Alor Star dan bilakah mereka akan dibebaskan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dari tunjuk perasaan di Alor Setar pada 23hb Januari, 1980, seramai 15 orang telah ditangkap di bawah Seksyen 73, Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana disyaki terlibat dalam kegiatan yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Seksyen 73 Akta tersebut memberi kuasa kepada pihak polis menahan seseorang untuk siasatan lanjut bagi maksud menentukan sama ada akan mengenakan perintah tahanan atau perintah sekatan di bawah Seksyen 8 Akta tersebut atau membebaskannya atau mendakwakan mengikut undang-undang. Oleh kerana kes ini masih lagi dalam penyiasatan pihak polis, soal sama ada mereka akan dibebaskan atau sebaliknya adalah tergantung kepada hasil penyiasatan tersebut. Nama-nama mereka yang 15 ditangkap ini kalau saya baca senarainya:

- (1) Rofie bin Haji Bakar.
- (2) Khalid bin Shafie.
- (3) Tok Boon Tian.
- (4) Shamsuddin bin Abdullah.
- (5) Abdul Rahman bin Talib.
- (6) Yusuf bin Jasin.
- (7) Ahmad Shukri bin Wahab.
- (8) Halim bin Arshat.
- (9) Md. Zain bin Yunus.
- (10) Soliahudin bin Mansur.
- (11) Osman bin Haji Mohd. Marzuki
- (12) Ahmad bin Salleh.
- (13) Muslim bin Husin.
- (14) Rodzi bin Mohd. Nor.
- (15) Ali Zaman bin Bakar.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bahawa adakah terdapat mereka yang telah disebut nama tadi, ditangkap dalam soal siasatan itu terdiri daripada ahli-ahli PAS?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sebab musabab hanya 15 orang sahaja ditangkap. Adakah mereka ditangkap kerana memimpin tunjuk perasaan ini atau ditangkap kerana menghasut tunjuk perasaan ini atau ditangkap sebagai scapegoats untuk menutup kelemahan Kerajaan dalam kawasan pertanian di mana masalah selalu dihadapi oleh kaum tani.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kuasa menangkap ini bukan kuasa politik tetapi kuasa polis dan tidak munasabah polis akan menggunakan kuasanya untuk menutup tujuan politik. Sebab mereka ini ditangkap iaitu untuk disiasat di manakah penglibatan mereka yang 15 ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa selepas penyiasatan, kalau didapati mereka bersalah atau telah melanggar undang-undang, apakah mereka yang terlibat akan didakwa di mahkamah dan diadakan satu perbicaraan dan tidak ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh kerana Akta ini diluluskan bertujuan untuk menghadapi subversion, cabaran daripada komunisma dan lain-lain dan bukan untuk kes semacam ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri sebagaimana yang ditentukan oleh titlennya iaitu menjaga keselamatan dalam negeri. Sekiranya mereka ini di dalam siasatan mengancam keselamatan dalam negeri, maka mereka akan tertakluk di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebaliknya sekiranya ada kesalahan mereka itu bersangkutan-paut dengan undang-undang jenayah atau undang-

undang lain, maka mereka itu akan dibawa ke mahkamah mengikut undang-undang tersebut. Sebaliknya kalau sekiranya tidak ada, mereka akan dilepaskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penerangan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri adakah mereka yang ditahan itu terdiri daripada petani ataupun bukan petani?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat hendak menjawab soalan ini.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan seramai 15 orang telah ditahan. Apa yang saya difahamkan begitu ramai yang berdemonstrasi pada hari itu. Jadi, kenapa 15 orang sahaja? Adakah 15 orang itu ketuanya atau yang lain-lain itu pengikutnya sahaja?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tangkapan yang dibuat adalah 2 jenis. Tangkapan pertama yang dibuat kepada mereka yang mengambil bahagian di dalam demonstrasi itu iaitu mereka yang melanggar undang-undang berkumpul beramai-ramai dan memberontak yakni melanggar undang-undang. Bilangan yang ditangkap 92 orang dan mereka itu sedang dihadapkan di mahkamah dan akan dibicarakan. Yang 15 orang itu mereka itu adalah disyaki kerana terlibatnya mereka itu di dalam soal keselamatan negara.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah asas mereka itu disyaki dan kemudian ditahan dan mengapa terdapat perbezaan di dalam dua peristiwa di atas tindakan polis iaitu semasa tunjuk perasaan di Kelantan yang juga mengancam keselamatan dalam negeri, tetapi tidak seorang pun yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mahupun orang-orang yang menunjuk perasaan, tetapi dalam tunjuk perasaan pada 23hb Januari itu terdapat orang-orang yang ditangkap. Apakah asas perbezaan daripada dua peristiwa itu sehingga yang ini ditangkap dan satu lagi tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan di luar daripada soalan asal.

Tuan Lim Cho Hock: Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan ada lebih kurang 92 orang ditangkap di bawah undang-undang biasa dan 15 orang di bawah ISA. Kenapa Kerajaan tidak mahu tangkap semua orang yang demonstrate lebih kurang 10,000 orang. Kalau macam ini Kerajaan ingat boleh selesai masalah itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan main-main tak boleh bawa di sini. Lain kali jangan buat soalan seumpama ini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tanya satu soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh—lebih daripada satu pun boleh, sebab baru sekali bangun.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan beritahu kepada saya iaitu 15 mangsa ISA itu adakah keluarga atau peguam mereka itu dapat satu peluang untuk menemui orang yang kena tahan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi peguam bagi pihak seorang yang ada terlibat daripada 15 orang itu. Bolehkah saya tahu adakah keluarga atau peguam bagi pihak 15 orang itu dapat peluang untuk menemui atau menjumpai orang-orang itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri itu adalah dibuat oleh Parlimen kita yang mulia ini, di dalamnya termasuk semua provision yang membolehkan atau tidak membolehkan, maka Ahli Yang Berhormat itu sendiri tentu tahu di mana hak-hak asasi yang ada.

Tuan Karpal Singh: Dalam Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, ada hak kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang boleh sekarang soalan tambahan sahaja.

Tuan Karpal Singh: Beri penjelasan apa yang saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan, dalam ucapan nanti boleh bahaskan.

KIMIA DALAM UBAT-UBATAN

10. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar pendapat-pendapat yang dikeluarkan oleh badan-badan yang tertentu dalam negara ini yang mengatakan bahawa beberapa jenis ubatan seperti ubat gigi, ubat batuk, pil-pil sakit kepala, vitamin dan sebagainya ada mengandungi kimia yang boleh menyebabkan penyakit seperti barah, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya, jika ya, adakah Kementeriannya akan mengeluarkan satu kenyataan bagi menghapuskan keraguan orang ramai berhubung dengan perkara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa ada badan-badan tertentu dalam negara ini yang mengeluarkan pendapat dari masa ke semasa tentang kegunaan kimia-kimia dalam ubat-ubatan, yang biasanya didasarkan atas laporan-laporan suratkhbar dan juga di luar negeri. Akan tetapi dengan ketiadaan butir-butir yang tertentu Kementerian ini tidak dapat memberi ulasan terhadap kenyataan-kenyataan itu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ada mengeluarkan kenyataan-kenyataan dari masa ke semasa apabila terdapat kes-kes ubat-ubatan yang didapati merbahaya kepada kesihatan, setelah segala aspek mengenainya dikaji.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kesihatan sama ada pihak Kementerian ada membuat analisa setiap jenis ubat gigi, ubat batuk, pil sakit kepala, pil vitamin dan sebagainya supaya menentukan apakah bahan-bahan yang ada dalam setiap jenis ubat-ubat ini, dari masa ke semasa, supaya mengekori apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta tertentu yang mengeluarkan barang-barang itu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya jawab tadi jika perlu perkara ini dibuat. Adalah

mustahil dan tidak praktikal bagi kita bahkan jua negara-negara yang maju dapat membuat analisa seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PENJARA PUDU—TAPAK BARU

11. Tuan Alias bin Md. Ali bertanya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kiranya beliau sedar bahawa Penjara Pudu di Kuala Lumpur tidak lagi sesuai berada di tempatnya sekarang memandangkan pembangunan yang sedang berjalan di kawasan sekitarnya. Bilakah penjara ini akan dipindahkan ke tempat yang lebih sesuai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah lama sedar bahawa Penjara Pudu yang telah menjadi penuh sesak dan tidak lagi sesuai berada di tempatnya yang ada sekarang ini. Projek bagi mengantikannya telahpun bermula pada tahun 1976 dan pada masa ini sedang di dalam pembinaan. Projek itu ditempatkan di Sungai Jelok dekat Kajang dan dijangka akan siap pada penghujung 1982.

AFGHANISTAN—PENCEROBOHAN SOVIET UNION

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia secara rasmi telah menyatakan bantahan kepada USSR terhadap penaklukan Soviet di Afghanistan, dan apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi mengutuk pencerobohan Soviet di Afghanistan serta tuntutan kita supaya tentera-tentera Soviet diundurkan segera dari Afghanistan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun dengan tegasnya membantah campurtangan tentera Soviet melalui kedutaannya di Kuala Lumpur dan pada masa yang sama kita telah menyertai community antarabangsa di Majlis Keselamatan Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu, di Persidangan Negara-negara Islam di Islamabad dan baru-baru ini di Mesyuarat ASEAN-EEC di Kuala Lumpur menyatakan bantahan kita terhadap pencerobohan itu dan mem-

buat seruan supaya semua tentera asing diundurkan dengan serta-merta tanpa syarat dari Afghanistan. Kita juga telah memaklumkan yang Malaysia tidak akan mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik di Moscow melainkan jika Soviet Union mengundurkan tenteranya dari Afghanistan.

MOTOSIKAL KEPADA POSMEN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian akan memperuntukkan motosikal-motosikal dan bukan basikal kepada posmen supaya dapat meringankan kerja mereka serta juga dapat diadakan satu sistem penghantaran yang lebih cepat dan cekap.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa penyerahan-penyerahan surat bermotosikal telah lama diamalkan di negara ini terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan perumahan di pinggir bandar. Sememang telah menjadi hasrat Kementerian ini untuk memperluaskan lagi penyerahan mel dengan menggunakan motosikal. Walau bagaimanapun di pusat-pusat bandar dan sebagainya penyerahan terpaksa dibuat dengan secara jalankaki sebab keadaan lalulintas tidak mengizinkan penyerahan-penyerahan mel itu dibuat dengan motosikal. Penghantaran mel-mel dan bungkusan-bungkusan dengan cepat dan cekap adalah menjadi hasrat Kementerian ini dan ikhtiar serta langkah-langkah bagi memperbaikinya adalah sentiasa diambil oleh Kementerian ini. Penyerahan-penyerahan mel yang kini dibuat dengan menggunakan basikal sentiasa dikaji penggunaannya dan jika difikir wajar dan patut akan digantikan dengan penyerahan dengan motosikal.

PILIHANRAYA KECIL PELABUHAN KELANG—RUJUKAN KEPADA PERISTIWA MEI 13

14. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Perdana Menteri telah membuat beberapa rujukan kepada insiden Mei 13 dan beliau memberi amaran kepada rakyat bahawa jika mereka gagal mengundi Barisan

Nasional dalam pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang peristiwa Mei 13 akan berulang; oleh kerana perkara ini adalah satu perkara sensitif, apakah Menteri berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masa berkenaan bagi pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang baru-baru ini, pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang waktu ber-ceramah selalu sangat secara samar-samar dan tidak langsung membangkitkan soal-soal yang menyentuh perkauman untuk memancing undi bagi calon mereka. Maka dengan adanya kempen-kempen sedemikian maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan bertanggungjawab untuk mengingatkan pengundi-pengundi jangan terpengaruh oleh hujah-hujah yang boleh membawa kepada kecelakaan seperti Peristiwa 13 Mei. Bila Yang Berhormat bercakap seperti yang dituduh ini tidak ada, saya sudah cari rekod, takkanlah seorang tokoh negara yang bertanggungjawab untuk ketenteraman awam memancing undi dengan cara menggeretak, kalau tidak undi Barisan Nasional Peristiwa Mei 13 akan berulang, takkanlah begitu. Tohmahan begini memanglah pakaian pihak DAP yang paling pintar di dalam memutarbelit dan mengadakan benda yang tidak ada (*Tepuk*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan Kerajaan telah memerintah negara kita hampir 22 tahun, bagaimana boleh memaksa rakyat dengan menimbulkan sensitive issue. Tetapi dalam Dewan ini Parti Pembangkang telah dikatakan bermain isu perkauman di dalam ceramahannya. Jadi mengapa tidak ditangkap kerana ada peruntukan dalam undang-undang Kerajaan. Ini adalah satu isu yang sensitif dan saya minta Kerajaan keluaran keterangan macam mana undang-undang ini double standard atau single standard.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu tidak faham cakap saya. Saya kata tadi mereka ini berkempen dengan cara samar-samar dan tidak langsung.

Tuan V. David: Di rapat umum!

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bukan rapat umum, mereka ini ber-ceramah dengan cara samar-samar dan tidak langsung menyentuh soal-soal ini. Jadi adalah menjadi satu tanggungjawab kepada Perdana Menteri kita untuk mengingatkan rakyat jangan terpengaruh dengan cara-cara begini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tohmahan-tohmahannya mengatakan ada cakapan bersamar-samar mengenai soal perkauman yang dibuat oleh Parti Pembangkang dalam pilihanraya kecil tersebut adalah satu tuduhan yang liar dan tidak berasas.

Kedua, adakah ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di pilihanraya tersebut atas peranannya sebagai Ketua Pemimpin Barisan Nasional atau sebagai Perdana Menteri.

Ketiga, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menafikan bahawa beliau ada mengatakan kalau mengundi Parti DAP Peristiwa 13 Mei akan berulang oleh kerana ucapan itu ada dilaporkan dalam surat-khabar khasnya *Malay Mail*.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn bercakap, beliau adalah bercakap sebagai pemimpin negara (*Tepuk*) dan di dalam cakap-cakapnya yang kita tahu, yang ada pada kita tidak pernah dia mengatakan seperti apa yang ditohmahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, sebaliknya Yang Amat Berhormat itu mengingatkan supaya jangan bercakap macam itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Peristiwa 13 Mei adalah satu peristiwa yang menggugat negara ini dan adalah menjadi suatu yang digalakkan kepada negara ini untuk mengingatkan bahawa 13 Mei adalah detik-detik hitam kepada negara ini

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang digalakkan? Biar jelas.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Saya ingin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Tuan Yang di-Pertua: Saya bertanya apa yang digalakkan supaya jelas dalam rekod.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: . . . digalakkan dari segi memberitahu rakyat bahawa 13 Mei jangan diulangkan lagi. Dan saya ingin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah mengingatkan rakyat tentang peristiwa yang menjahanamkan negara itu suatu kesalahan di dalam sistem politik kita ataupun apakah memberitahu rakyat Trajidi 13 Mei itu suatu yang cuba untuk menyelamatkan beberapa orang menjadi tokoh politik atau menang dalam pilihanraya dan merosakkan ketenteraman negara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, seorang pemimpin yang jujur mestilah bertanggungjawab untuk mengingatkan rakyat supaya jangan keterlaluan supaya negara kita tidak terancam.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 38 adalah diberi dibawah ini.)

DEMONSTRASI PETANI-PETANI DI KEDAH

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ramainya orang-orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berkait dengan demonstrasi yang dilakukan oleh petani-petani di Alor Star, Kedah pada 23hb Januari dengan memberikan satu senarai nama-nama mereka yang ditahan, sebab-sebab mengapa mereka ditahan dan mengapa mereka tidak didakwa di dalam sebuah mahkamah terbuka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini sudah dijelaskan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi. Nama 15 orang yang ditangkap adalah seperti berikut:

1. Rofie bin Hj. Bakar
2. Khalid bin Shafie
3. Tok Boon Tian
4. Shamsudin bin Abdullah
5. Abd. Rahman bin Talib
6. Yusuf bin Jasin
7. Ahmad Shukri bin Wahab
8. Halim bin Arshat
9. Md Zain bin Yunus
10. Soliahudin bin Mansur
11. Othman bin Hj Mohd Marzuki
12. Ahmad bin Salleh
13. Muslim bin Husin
14. Rodzi bin Mohd Nor
15. Ali Zaman bin Bakar.

Kesemua kes ini masih lagi dalam penyiasatan pihak Polis dan soal pendakwaan masih belum timbul di peringkat ini.

PENEROKA BUKAN BUMIPUTRA DI RANCANGAN TANAH

16. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peratus peneroka-peneroka bukan Bumiputra di Rancangan Tanah dengan beri angka pecahan tahunan bagi tahun 1976, 1977, 1978, 1979 dan sama ada Kementerian beliau ingin menambah bilangan bukan bumiputra untuk memasuki Rancangan Tanah dan jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Kedudukan peneroka-peneroka bukan bumiputra mengikut peratus di dalam rancangan-rancangan tanah yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat melalui FELDA dan FELCRA mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun 1976	...	3.7%
Tahun 1977	...	3.7%
Tahun 1978	...	3.5%
Tahun 1979	...	3.9%.

Angka ini tidak mengambil kira rancangan-rancangan tanah yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bagi makluman Yang Berhormat peratus bilangan bukan bumiputra di dalam rancangan tanah ini tidaklah dapat hendak diperlembikan sangat kerana kebanyakan daripada rancangan-rancangan tanah yang diusahakan adalah di atas tanah-tanah Simpanan Melayu (lebih-lebih lagi rancangan-rancangan yang dimajukan oleh FELCRA). Selain daripada itu pengambilan peneroka bagi rancangan-rancangan tanah ini adalah juga tertakluk kepada dasar yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di mana rancangan-rancangan ini dibuka dan Kerajaan-kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada rakyat-rakyat daripada negeri-negeri mereka sendiri, khususnya bumiputra.

Berkenaan dengan bahagian 2 kepada soalan Yang Berhormat tidaklah dapat diragukan lagi bahawa Kementerian saya masih berikhtiar untuk melebihi kemasukan bukan bumiputra ke dalam rancangan-rancangan tanah, lebih-lebih lagi yang dimajukan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya. Bagaimanapun ini bergantunglah kepada banyak dan lokasi rancangan-rancangan yang akan dapat diadakan di masa akan datang. Ini disebabkan pengambilan peneroka ada kaitannya dengan dasar yang diamalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Patut diingatkan kuasa pengeluaran tanah adalah kuasa Kerajaan Negeri.

Dalam pengalaman FELDA, orang bukan Melayu, khususnya orang-orang keturunan Cina kurang minat masuk menjadi peneroka FELDA daripada mula FELDA dibuka dahulu ramai peneroka-peneroka Cina telah keluar dari rancangan kerana peraturan dan cara-cara bekerja pembukaan tanah dan disiplin yang dikenakan kepada peneroka tidak secocok atau sesuai dengan mereka itu.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAJARAN

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membentangkan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran

di Parlimen untuk perbahasan, dan jika tidak, kenapa; dan sama ada beliau menyedari bahawa Laporan tersebut tidak memberi apa-apa jaminan untuk pelajaran bahasa ibunda dan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kerajaan tidak bercadang membentangkan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran di Parlimen kerana kajian yang menghasilkan laporan itu bukanlah kajian atas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang sedia ada tetapi mengenai perlaksanaannya sahaja. Tambahan pula laporan ini ialah laporan Jawatankuasa Kabinet dan dengan namanya sahaja jelaslah bahawa ianya melapor kepada Kabinet. Setelah diterima oleh Kabinet untuk dilaksanakan, laporan ini telahpun dicetak dan dihebahkan kepada masyarakat umum.

Kenyataan yang mengatakan laporan Jawatankuasa Kabinet tidak memberi apa-apa jaminan kepada pelajaran bahasa ibunda tidaklah betul. Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan (Perakuan 37) supaya satu peruntukan masa diadakan di dalam jadual waktu sekolah untuk pengajaran bahasa ibunda. Jawatankuasa Kabinet telah juga memperakukan (Perakuan 47) supaya masalah-masalah yang dihadapi dalam perkara ini hendaklah diikhtiar diatasi dan ini termasuklah penyediaan guru-guru yang mencukupi untuk mengajar matapelajaran ini.

Perakuan-perakuan mengenai sekolah-sekolah menengah persendirian adalah berteraskan kepada hasrat hendak mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Pengawasan ke atas sekolah-sekolah ini seperti yang telah diperakukan dalam Perakuan-perakuan 22, 23 dan 24 adalah perlu dan bertujuan untuk memberi asas dan pengalaman pendidikan yang sama, ataupun setidak-tidaknya hampir sama dengan apa yang diberikan melalui sistem pendidikan kebangsaan, kepada mereka yang belajar di sekolah-sekolah persendirian ini.

Juga perakuan-perakuan mengenai sekolah-sekolah persendirian itu haruslah dibaca dan difahamkan secara bersekali

dengan perakuan untuk memberi pendidikan kepada semua hingga ke Tingkatan V. Jelaslah dilihat bahawa langkah ini membayangkan hasrat gigih Kerajaan hendak menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum menerusi satu sistem pendidikan yang tunggal bagi semua.

BAHASA MALAYSIA ASAS LATIHAN DI MAKTAB PERGURUAN

18. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima surat bertarikh 12-12-1979, dari Jawatankuasa Sekolah-sekolah China Bersatu Persekutuan Tanah Melayu mengenai penggunaan Bahasa Malaysia untuk melatih guru-guru sekolah China bagi S.R.C. dan D.T.C. sejak tahun 1971 di mana Bahasa China adalah bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut; dan adakah Kerajaan akan menggunakan Bahasa China pada masa hadapan untuk melatih guru-guru Sekolah China.

Dato' Musa bin Hitam: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menerima surat bertarikh 12-12-1979 dari Jawatankuasa Sekolah-sekolah China Bersatu Persekutuan Tanah Melayu mengenai penggunaan Bahasa Malaysia untuk melatih guru-guru sekolah China bagi S.R.C. dan D.T.C. pada tahun 1971 di mana Bahasa China adalah bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut.

Semenjak tahun 1970 Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua latihan asas di Maktab-maktab Perguruan bagi melaksanakan dasar Kerajaan terhadap bahasa-bahasa pengantar di institusi-institusi pelajaran di Malaysia. Oleh sebab itu, Kerajaan tidak bercadang menggunakan Bahasa China sebagai bahasa pengantar yang utama dalam latihan perguruan bagi guru-guru yang akan ditempatkan ke sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (China).

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah bagi mengekalkan taraf pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) guru-guru pelatih PPAK(C) [(Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak) (China)] iaitu

mereka yang akan ditempatkan ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) hendaklah mempunyai "Kepujian" dalam Bahasa China peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya sebagai salah satu syarat kelulusan minima untuk memasuki Maktab-maktab Perguruan. Di samping itu, Pengajian China diwajibkan sebagai mata-pelajaran pengkhususan bagi guru-guru pelatih itu. Untuk meninggikan lagi mutu latihan bagi guru-guru pelatih tersebut, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk menambah lagi peruntukan masa bagi matapelajaran Pengajian China dan Kaedah Mengajar Bahasa China sesuai dengan perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Sayugia diingat juga bahawa guru-guru pelatih PPAK(C) [(Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (China))] apabila menjalani latihan mengajar menggunakan sepenuhnya Bahasa China sebagai bahasa pengantar.

MENTERI LUAR MALAYSIA KE VIETNAM

19. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan beliau ke Hanoi baru-baru ini adalah dialu-alukan sebagai Menteri Luar Negeri atau sebagai perwakilan ASEAN dan apakah perkara yang dibincangkan dan bagaimana ia melibatkan Malaysia dan nyatakan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Vietnam.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Lawatan saya ke Hanoi adalah untuk menerima jemputan yang telah lama diberi oleh Menteri Luar Negeri Vietnam pada bulan Julai, 1979. Yang Berhormat mungkin ingat bahawa selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Bali, Jun, 1979, saya telah menyatakan kesediaan saya untuk melawat Hanoi atas hubungan dua-hala untuk membincang masalah pendatang haram dari Vietnam dan juga untuk bertukar pendapat mengenai konflik Kampuchea.

Walaupun saya telah melakukan lawatan ini sebagai Menteri Luar Negeri, Malaysia, saya telah mengambil kesempatan untuk menyampaikan pandangan negara-negara

ASEAN yang lain berhubung dengan kedua-dua masalah tersebut tadi. Keputusan ini telah dibuat sejajar dengan perbincangan dan permintaan rakan-rakan sejawat saya selepas Mesyuarat tidak rasmi Menteri Luar Negeri ASEAN pada 14hb Disember di Kuala Lumpur. Suka saya menyatakan lawatan saya itu telah menyumbang kepada persefahaman yang lebih baik dan lebih jelas berhubung dengan keinginan negara-negara ASEAN dan Vietnam untuk bekerjasama dan berusaha mencapai keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara.

Lanjutan kepada perbincangan saya semasa lawatan itu, pemimpin-pemimpin Vietnam telah memberi jaminan bahawa Vietnam akan menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain. Mereka juga akan terus memberi jaminan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah pendatang haram dari Vietnam dengan menghalang pelarian mereka. Seterusnya, Vietnam juga telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan dialog dengan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam mewujudkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan kepada Deklarasi Kuala Lumpur, pada November, 1971.

Seterusnya Menteri Luar Vietnam T.Y.T. Encik Nguyen Co Thach telah menerima jemputan saya untuk membuat lawatan rasmi ke Malaysia. Dalam perutusannya, Menteri Luar Vietnam itu telah menyatakan keinginan membuat lawatan itu dalam bulan April hadapan. Saya akan mengalu-alukan kedatangan beliau itu supaya dapat menyambung dialog dengannya berkenaan hubungan dua-hala dan perkembangan di rantau ini.

LEBUHRAYA DUA HALA UTARA-SELATAN

20. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Lebuhraya duahala Seremban-Kuala Lumpur akan diperluaskan ke Utara hingga ke Butterworth dan ke Selatan hingga ke Johor Bahru memandangkan bilangan kenderaan-kenderaan yang membawa penumpang-penumpang dan barang-barang kian meningkat.

Dato' S. Samy Vellu: Lebuhraya duahala Seremban-Kuala Lumpur akan dipanjangkan ke Utara hingga Bandar Bukit Kayu Hitam di Sempadan negeri Malaysia dengan Negeri Thai dan ke Selatan hingga ke Johor Bahru.

TAFSIRAN BUMIPUTRA

21. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar perkataan "Bumiputra" dalam tafsirannya yang sebenar bermakna anak-anak bumi; jika ya, sama ada beliau akan menerima semua orang yang dilahirkan di Malaysia sebagai Bumiputra untuk memastikan wujudnya identiti dan perpaduan negara; jika tidak, apakah Kerajaan akan menghentikan dari memecah-belahkan rakyat Malaysia kepada Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pernah dijawab di Dewan yang mulia ini. Saya berharap supaya Yang Berhormat itu menyemak sendiri jawapan di dalam *Hansard* Dewan Rakyat pada 23-10-79. Oleh itu, saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan mengennainya.

PENTADBIRAN TABUNG HAJI KEPADA URUSAN JEMAAH HAJI

22. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Perdana Menteri menyatakan, adakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula pentadbiran Lembaga Urusan dan Tabung Haji disemua peringkat memandangkan beberapa kesulitan yang sering berulang setiap tahun terutama kepada para Jemaah Haji Malaysia baik di Tanah Suci atau di dalam perjalanan pergi. Sekiranya Kerajaan bercadang hendak menyusun semula bilakah rancangan tersebut akan dimulakan dan sebutkan bahagian-bahagian atau bidangnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Setakat ini Kerajaan adalah berpuas hati dengan pentadbiran Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada keseluruhannya terutama dalam lapangan kawalan Jemaah Haji serta perjalanan mereka pergi dan balik ke Tanah Suci. Walau bagaimanapun, dalam urusan

Jemaah Haji pada tiap-tiap Musim Haji, tiada dapat dihapuskan sama sekali berlakunya kesulitan-kesulitan di kalangan Jemaah Haji memandangkan sebahagian besar daripada mereka yang menunaikan Fardu Haji pada sesuatu Musim adalah terdiri daripada orang-orang baru yang belum pernah menunaikan Fardu Haji. Alhamdulillah, dengan kesabaran Jemaah-jemaah Haji, kesulitan-kesulitan itu dapat diatasi.

Dari pengalaman-pengalaman ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji sentiasa memperbaiki mutu perkhidmatannya di Tanah Suci dan ini adalah dibuktikan apabila Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi telah menempatkan Malaysia di antara tiga buah Negara Islam yang telah berjaya mencipta satu Sistem Perkhidmatan Haji yang boleh dijadikan contoh kepada Negara-negara Islam yang lain. Jadi, penyusunan semula LUTH tidaklah berbangkit lagi.

TUNJUK PERASAAN PETANI DI ALOR STAR

23. Tuan Lee Kaw minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebab sebenar yang menyebabkan tunjuk perasaan raksaksa yang melibatkan lebih dari 10,000 petani di Alor Setar pada 23hb Januari, 1980. Adakah benar sebelum sistem subsidi kupon untuk petani-petani diadakan pihak yang berkenaan tidak pernah mengadakan dialog-dailog dengan mereka, dan nyatakan apakah langkah-langkah positif telah diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Soalan mengenai demonstrasi telahpun saya jawab sebentar tadi. Kerajaan memang sentiasa mengadakan dialog dengan orang-orang berkenaan sebelum satu-satu langkah diambil.

PENCEROBOHAN RUSSIA KE ATAS AFGHANISTAN—PENDIRIAN MALAYSIA

24. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan bentuk dan corak sokongan Kerajaan kepada perjuangan umat Islam di Afghanistan menentang pendudukan Russia di negara itu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia ialah antara negara-negara yang terawal mengambil pendirian mengutuk pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan. Delegasi Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga di Mesyuarat Tergempar Menteri-menteri Luar Negeri Pertubuhan Persidangan Islam (PPI) di Islamabad baru-baru ini. Malaysia juga menjadi penganjur bersama (co-sponsor) resolusi-resolusi Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam menyeru supaya tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan tanpa syarat dan supaya rakyat Afghanistan dibenarkan memilih sendiri jenis kerajaan yang mereka ingini tanpa campurtangan dari luar. Di Islamabad saya selaku ketua delegasi Malaysia telah membuat suatu ucapan yang tegas iaitu pencerobohan Soviet yang berterang-terangan di Afghanistan merupakan suatu ancaman kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa dan mengancam keganasan itu sebagai suatu pencabulan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pergerakan Berkecuali. Pencerobohan Soviet di Afghanistan telah menimbulkan suatu "precedence" yang merbahaya yang menjadikan negara-negara kecil yang merdeka terdedah kepada campurtangan, manipulasi, dan kekuatan kuasa-kuasa luar. Sejajar dengan keputusan Pertubuhan Persidangan Islam, Malaysia adalah di antara negara-negara yang terawal mengambil keputusan memboikot Sukan Olimpik di Moscow melainkan jika tentera-tentera Soviet diundurkan dari Afghanistan.

Pencerobohan Soviet telah menyebabkan beribu-ribu rakyat Afghanistan yang tidak bersalah melarikan diri dari negara mereka untuk mencari perlindungan di negara-negara jiran, terutamanya Pakistan. Kerajaan Malaysia sangat bersimpati dengan penderitaan orang-orang pelarian tersebut. Dalam usaha-usaha untuk melegakan penderitaan orang-orang pelarian Afghanistan, Kerajaan Malaysia telahpun menyumbangkan sejumlah \$150,000 kepada Kerajaan Pakistan. Dalam pada itu juga Kerajaan Malaysia menyokong sepenuhnya dan

menggalakkan pertubuhan-pertubuhan sukarela di Malaysia untuk memungut derma untuk orang-orang pelarian Afghanistan.

Kerajaan Malaysia juga sangat bersimpati dengan ketabahan kumpulan-kumpulan Mujahiddeen Afghanistan dan menyokong sepenuhnya perjuangan mereka untuk membentuk sebuah negara Islam yang berkecuali yang benar-benar merdeka dan berdaulat.

PENGANGGURAN BELIA-BELIA

25. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bagaimana beliau bercadang menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan belia dari semua bangsa mengikut komposisi kaum.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali, salah satu objektif Dasar Ekonomi Baru yang dimaktubkan di dalam rancangan pembangunan jangka panjang Kerajaan ialah untuk menyusun semula corak guna tenaga dan hak milik kekayaan dalam negara ini. Dalam perkara ini adalah dirancangan supaya struktur guna tenaga di semua peringkat mencerminkan penduduk berbilang kaum di dalam negara kita.

Dengan itu, cara menyelesaikan masalah pengangguran adalah melalui rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara yang terkandung dalam Rancangan-rancangan Malaysia. Dalam tempoh 1976-1978, sejumlah 474,100 pekerjaan telah dapat diadakan iaitu kira-kira 64% daripada matlamat 743,000 pekerjaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan itu Pengangguran telah dapat dikurangkan kepada 6.2% dalam tahun 1978. Kadar ini dijangka turun kepada paras 6.1% dalam tahun 1980. Untuk menentukan bahawa golongan belia kita mempunyai kemahiran yang dikehendaki bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan ini, berbagai-bagai rancangan latihan sedang dijalankan dan akan juga diperbesarkan dalam masa-masa yang akan datang.

SEKTOR PEMBUATAN BAGI TENAGA BURUH

26. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan pencapaian Rancangan Malaysia Ketiga setakat ini dalam memindahkan tenaga buruh dari sektor pertanian ke sektor pembuatan (manufacturing sector).

Dato' Richard Ho Ung Hun: Sektor pembuatan akan terus menjadi sektor utama di dalam perkembangan pekerjaan di dalam negara. Dalam tahun 1975 sektor pertanian mempunyai jumlah pekerjaan sebanyak lebih kurang 1.9 juta, iaitu merupakan 47.6% daripada jumlah semua pekerjaan di dalam negara. Dalam tahun yang sama sektor pembuatan mempunyai peluang pekerjaan sebanyak 448,000, iaitu merupakan 11.1% daripada semua pekerjaan dalam negara. Di dalam tahun 1978 jumlah pekerjaan di dalam sektor pertanian adalah sebanyak 2 juta dan merupakan 43.9% jumlah semua pekerjaan di dalam negara. Sedangkan di dalam sektor pembuatan jumlah pekerjaan telah bertambah kepada 587,000 dan ini merupakan 13.1% daripada jumlah semua pekerjaan di dalam negara. Daripada angka-angka yang dinyatakan di atas itu nyatalah bahawa perkembangan sektor pembuatan adalah lebih pesat daripada sektor pertanian dari segi mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru di dalam pasaran buruh. Sektor pembuatan telah mengambil 30% daripada jumlah peluang-peluang pekerjaan yang telah diadakan di dalam tahun 1975 hingga 1978, sedangkan sektor pertanian hanya mengambil sebanyak 12% sahaja.

Angka-angka seperti di atas itu menunjukkan penekanan yang lebih di dalam sektor pembuatan dan ia merupakan petanda tentang pencapaian Kerajaan untuk menyusun semula struktur pekerjaan dalam negara kita.

BEKALAN LETRIK—PERLANGGARAN SYARIKAT PERSENDIRIAN

27. Tuan Lee Kaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar syarikat-syarikat persendirian yang diberikan lesen untuk membekal

bekalan letrik kerap kali melanggar perjanjian mereka umpamanya mereka membekalkan bekalan elektrik untuk masa yang singkat dan bukan menurut syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian yang mereka buat tatkala lesen dikeluarkan kepada mereka, dan mereka juga mengexploitikan pengguna-pengguna; jika sedar, nyatakan tindakan yang Kementerian bercadang mengambil untuk membaiki keadaan tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Saya sedar bahawa syarikat-syarikat persendirian yang diberi lesen untuk membekal elektrik ada melanggar perjanjian mereka umpamanya mereka tidak memberi bekalan elektrik 24 jam. Tetapi pelanggaran ini adalah disebabkan oleh kekurangan minyak disel yang diperlukan untuk penjana elektrik dan ini adalah di luar kawalan mereka. Untuk mengatasi masalah ini pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Petronas supaya dapat membekalkan minyak disel yang diperlukan oleh pelesen-pelesen awam ini dan setelah perbincangan itu diadakan, maka pembekalan nampaknya tidak lagi menjadi masalah besar. Kini keadaan telah bertambah baik dan sungutan ataupun pengaduan mengenai masalah ini tidak lagi diterima oleh Kementerian semenjak daripada tarikh perbincangan yang Kementerian adakan dengan Petronas.

RINGGIT MALAYSIA MENGALIR KE SINGAPURA

28. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa wang ringgit Malaysia mengalir dengan banyaknya ke Singapura tiap-tiap hari terutama pada masa cuti sekolah akibat daripada penarikan taraf free port status di Pulau Pinang dan kini tertumpu kepada Singapura atas pembelian barang-barang yang didapati lebih murah daripada Malaysia. Sama ada Kerajaan sedar bahawa pengaliran ringgit Malaysia yang banyak itu menjejaskan perniagaan di Pulau Pinang dan jika ini benar, sama ada Kerajaan ada mempunyai apa-apa rancangan yang konkrit untuk mengatasi pengaliran ringgit Malaysia ke Singapura. Jika tidak mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa banyak Ringgit Malaysia

yang mengalir keluar ke Singapura atau ke negara-negara lain. Ini terjadi kerana memanglah dasar Kerajaan tidak mengenakan sebarang kawalan ke atas Pertukaran Wang Asing iaitu tiada kawalan ke atas semua pembayaran ke atas barangan dan perkhidmatan di luar Malaysia. Oleh kerana dasar yang kita amalkan inilah Kerajaan sering kali mengecam dasar negara-negara membangun untuk memberi perlindungan ke atas perdagangan antarabangsa mereka. Kerajaan yakin dan berpegang teguh dengan dasar terbuka ini dan keyakinan ini telah terbukti dengan teguhnya kedudukan Imbangan Pembayaran kita sekarang ini. Oleh itu walaupun terdapat pengaliran keluar Ringgit Malaysia ke Singapura seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, Imbangan Pembayaran negara ini secara keseluruhan telah menunjukkan lebih semenjak tahun 1968. Seterusnya kebanyakan barangan yang dibeli dari luar negeri adalah tertakluk kepada cukai impot. Ini bermakna mereka yang membeli barang-barang dari luar negeri, termasuk Singapura akan dikenakan cukai import yang merupakan sumber hasil kepada Kerajaan.

TANAMAN PELBAGAI—GALAKAN

29. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa 80 juta ringgit setahun Kerajaan terpaksa membelanjakan untuk mengimport barang-barang hasil pertanian seperti cabai kering, bawang dan lain-lain dari luar negeri, dan jika sedar, adakah Kerajaan bercadang menggalakkan rakyat supaya menanam bahan-bahan tersebut memandangkan dengan adanya kawasan yang bersesuaian untuk tanaman tersebut di negara ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Kementerian Pertanian memang sedar akan perkara ini, Langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk menggalakkan rakyat mempelbagaikan tanaman mereka. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$67.07 juta telah diuntukkan bagi rancangan subsidi input dan mempelbagaikan pertanian yang dikelolakan oleh Bahagian Pertanian Persekutuan dan disalurkan ke Jabatan-jabatan Pertanian Negeri.

Antara tanaman yang diberi subsidi input di bawah rancangan ini ialah halia, bawang, kobis, kacang tanah, cili kering, buah-buahan dan lain-lain tanaman yang diluluskan oleh Jabatan Pertanian. Bagi tanaman bawang merah kerajaan telah menaikkan kadar subsidi dari \$450 seekar kepada \$1,000 seekar dan Kementerian Pertanian sedang mengkaji kemungkinan untuk menaikkan kadar subsidi lain-lain tanaman.

Di samping itu MARDI sedang berusaha mendapatkan jenis-jenis bawang dan cili kering yang sesuai dengan keadaan tempatan dan mengeluarkan hasil lebih tinggi.

PATUNG Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA DICONTENG CAT

30. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pesalah-pesalah yang bertanggungjawab menconteng (dengan cat putih) patung Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada malam hari Tahun Baru di Kota Kinabalu; dan adakah ini mempunyai tujuan politik atau perkauman.

Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Polis di atas kejadian tersebut masih berjalan dan belum selesai.

PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI

31. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa pendaftaran pengundi-pengundi bagi tahun 1979 tidak begitu memuaskan kerana kekurangan publisiti sebagaimana yang dikatakan oleh Pengarah Suruhanjaya Pilihanraya. Jika ya, apakah langkah-langkah yang positif yang akan diambil untuk menentukan lebih banyak rakyat yang layak menjadi pengundi akan berdaftar tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor kekurangan publisiti hanyalah merupakan salah satu sebab di samping faktor-faktor yang lain menyebabkan sambutan di dalam

urusan pendaftaran dan penyemakan pemilih tahun 1979 tidak begitu memuaskan. Suruhanjaya Pilihanraya memang menyedari akan hakikat itu dan telah membuat kajian untuk melaksanakan satu sistem pendaftaran dan penyemakan yang baru, yang dikenali dengan "Sistem Pendaftaran Berpadu" (Integrated Registration System). Sistem ini akan dilaksanakan bagi pendaftaran pada tahun 1980 ini. Melalui sistem ini ianya akan merangkumi tiga kaedah secara serentak iaitu di samping kaedah Pusat Pendaftaran Tetap yang sedia ada, 2 kaedah lain akan juga berjalan serentak iaitu kaedah unit bergerak (Kenderaan) dan kaedah unit Pendaftaran dari rumah ke rumah. Publisiti juga akan diperluaskan menerusi tayangan filem-filem selingan di talivisyen, panggung wayang dan menerusi perkhidmatan penerangan luar Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Saya harap usaha-usaha yang dinyatakan itu akan membawa kesan yang lebih baik.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SOVIET UNION

32. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pemimpin-pemimpin Soviet pernah memberi sebarang jaminan kepada beliau semasa beliau membuat lawatan ke negara Soviet Union bahawa negara itu tidak mempunyai sebarang dasar "expansionist design" ke atas mana-mana negara, jika ya, apakah bentuk jaminan yang diberikan dan jika tidak, sama ada beliau pernah meminta pemimpin-pemimpin Soviet memberi jaminan bahawa mereka tidak akan mencero bohi atau menyerang mana-mana negara ataupun membantu menubuhkan kerajaan-kerajaan boneka di mana-mana negara.

Perdana Menteri: Dalam pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin Soviet Union, semasa lawatan saya ke USSR pada bulan September tahun lepas, mereka ada menyatakan bahawa mereka menyokong prinsip-prinsip hidup bersama secara aman, menghormati kedaulatan, kemerdekaan, keutuhan wilayah, tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain, tidak menggunakan kekerasan dan tidak menyerang atau mencabuli mana-mana negara lain.

Di dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan di akhir lawatan saya itu, jaminan ini sekali lagi ditegaskan. Kedua-dua negara USSR dan Malaysia berpendapat adalah perlu supaya usaha-usaha lanjut diadakan untuk memperkembangkan semangat kerjasama antara semua negara berdasarkan prinsip-prinsip itu.

SIJIL DAN LENCANA ATAS PENGHARGAAN PEGAWAI-PEGAWAI

33. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar bahawa Kerajaan akan mengeluarkan Sijil dan lencana sebagai penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berjaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara. Jika benar, sama ada sijil-sijil penghargaan itu akan menjadi pertimbangan untuk kenaikan gaji dan pemberian biasiswa.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Ya, Kerajaan bercadang mengeluarkan sijil dan lencana sebagai penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada negara. Kedua-dua penghargaan ini akan diambilkira di antara beberapa faktor lain dalam pertimbangan untuk kenaikan gaji dan pemberian biasiswa.

JAMBATAN SEBERANG PRAI-PULAU PINANG

34. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah kerja ke atas "entry points" untuk jambatan yang dicadangkan untuk menghubungkan Seberang Prai dengan Pulau Pinang dijangka siap, siapakah kontraktor-kontraktor yang terlibat dan harga untuk tawaran yang diberikan.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Yang Berhormat kerja-kerja menambak tanah (land reclamation work) di kawasan masuk (entry point) di Pulau Pinang, telah pun dimulakan, dan dijangka siap dalam bulan Ogos 1981. Kontraktor yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja ini ialah Loh & Loh Construction (M) Sdn. Berhad dengan harga \$11,499,018.75. Tawaran

tender bagi kerja-kerja menambak tanah di kawasan masuk (entry point) di Seberang Prai telah dipelawa dan akan ditutup pada 23hb April, 1980. Kerja-kerja ini juga dijangka akan disiapkan pada bulan Ogos 1981.

MOGOK PEKERJA-PEKERJA

35. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa banyakkah mogok yang telah dilancarkan oleh pekerja-pekerja sepanjang tahun 1979. Berapakah jumlah taksir kerugian akibat daripada pemogokan-pemogokan tersebut, dan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerianya untuk mengurangkan jumlah mogok pada masa-masa akan datang.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Bilangan mogok yang telah dilancarkan pada tahun 1979 ialah 28. Taksir kerugian iaitu dikira daripada jumlah hari bekerja (man days) yang hilang ialah 24,868 hari kerja. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian saya untuk mengelakkan atau mengurangkan jumlah mogok adalah seperti berikut:

- (a) memberikan khidmat nasihat kepada majikan dan pekerja mengenai perkara-perkara perhubungan perusahaan;
- (b) menggalakkan perundingan bersama secara bebas di antara majikan dan pekerja dengan tujuan untuk mencapai perjanjian bersama;
- (c) menjalankan kerja-kerja untuk menentukan prinsip-prinsip dan peraturan perhubungan perusahaan yang baik adalah sentiasa dipatuhi oleh pihak pekerja dan majikan, sebagaimana yang terkandung di dalam tatacara untuk keharmonian perusahaan;
- (d) memberikan perkhidmatan runding-damai untuk menentukan bahawa pertikaian perusahaan adalah diselesaikan dengan aman dan teratur.

Pada tahun 1979 dari jumlah 578 pertikaian perusahaan yang dilaporkan sebanyak 420 atau 72.6% telah diselesaikan melalui usaha-usaha runding damai oleh

pegawai-pegawai dari Kementerian saya, sementara 76 atau 13.1% telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan.

JAMBATAN PULAU PINANG

36. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kemajuan mengenai Jambatan Pulau Pinang.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Yang Berhormat kedudukan kemajuan pembinaan projek jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung adalah seperti berikut:

Kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan lengkap bagi jambatan itu kini hampir siap. Sementara itu kerja-kerja pembinaan fizikal akan dilaksanakan dalam 8 kumpulan kerja atau "packages" iaitu:

Package I: Kerja-kerja menambak tanah bagi "Interchange" di Pulau Pinang;

Package II: Kerja-kerja menambak tanah di bahagian Seberang Prai;

Package III: Pembinaan "Interchange" Pulau Pinang dan Jabatan Paras Rendah ke "South Channel Unit";

Package IV: Pembinaan Jambatan Paras Rendah di Tanah Besar ke "South Channel Unit";

Package V: Pembinaan Jambatan Paras Tinggi di "South Channel Unit";

Package VI: Pembinaan jalan-jalan masuk dan rangka jambatan (termasuk Interchange) di Tanah Besar;

Package VII: Pembinaan Tol Plaza; dan

Package VIII: Pemasangan lampu dan kerja-kerja yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Package I, iaitu kerja-kerja menambak tanah bagi "Interchange" di Pulau Pinang telah dimulakan awal tahun ini. Mengikut jadual "package" II, III, IV dan V akan dimulakan dalam tahun 1980, "package" VI dalam tahun 1982, "package" VII dalam tahun 1983 dan "package" VIII dalam

tahun 1984. Matlamat penyiapan projek ini pada keseluruhannya ialah pada akhir tahun 1984.

MENTERI LUAR NEGERI KE HANOI

37. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Luar Negeri menyatakan kejayaan yang dicapai dalam lawatan beliau ke Hanoi baru-baru ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya telah berpeluang untuk bertukar pandangan secara berterus terang dan berfaedah dengan pemimpin-pemimpin Vietnam berhubung dengan konflik Kampuchea dan masalah pendatang-pendatang haram dari Vietnam. Saya telah berjaya mendapat perakuan daripada pemimpin-pemimpin Vietnam bahawa:

- (a) Vietnam akan menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Negeri Thai dan negara-negara ASEAN yang lain; dan
- (b) Vietnam akan meneruskan usaha untuk bekerjasama dalam masalah pendatang-pendatang haram Vietnam dengan menghentikan pelarian mereka dan bekerjasama dengan UNHCR dalam "Orderly Departure Programme".

Vietnam juga telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan dialog dengan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam mewujudkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan kepada Deklarasi Kuala Lumpur, November, 1971.

Menteri Luar Vietnam T.Y.T. Encik Nguyen Co Thach telah menerima jemputan saya supaya beliau membuat lawatan rasmi ke Malaysia untuk menyambung dialog berhubung dengan perkara-perkara disebutkan di atas, dan perkembangan di Asia Tenggara.

NEW IMMIGRANTS DI MALAYSIA— PERTAMBAHAN

38. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa new immigrants yang menjadi

warganegara Malaysia telah mencapai angka lebih dari 3 million oleh sebab dasar bebas kita yang menyebabkan bilangan mereka itu telah bertambah dengan banyaknya sehingga ramai pula mengambil kesempatan untuk mencari isteri di luar negeri dengan alasan bahawa kurangnya wanita-wanita tempatan untuk menjadi pasangan mereka. Oleh kerana adanya desakan daripada mereka itu, sama ada Kerajaan bersedia melayan permintaan mereka di bawah Immigration Regulations 1963 untuk membenarkan mereka berkahwin di luar negeri di samping mendapat status permanent residence, atau Kerajaan hanya boleh menimbangkan tiap-tiap satu kes itu berdasarkan meritnya sahaja tanpa meminda peruntukan undang-undang Immigration itu. Jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pada keseluruhan permohonan menjadi warganegara Malaysia yang telah diluluskan yang juga termasuk new immigrants sejak 1hb September 1957 sehingga 31hb Julai 1979 ialah 2,247,209. Masalah mengahwini rakyat asing, Kerajaan tidaklah dapat melarang warganegara Malaysia daripada berkahwin dengan orang luar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan wanita asing selepas 6hb Februari 1980 yang memohon permit masuk akan dipertimbangkan mengikut sesuatu merit di masa permohonan itu diproses. Saya juga meminta kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya bersama-sama kempen agar warganegara kita mengahwini warganegara sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG JURURAWAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jururawat 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBE- KALAN TAMBAHAN (1978)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (PERBADANAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan, pengawalan, pengendalian dan penyenggaraan lebuhraya-lebuhraya antara-bandar, untuk mengenakan dan mengutip tol, untuk membuat kontrak dan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DAGANGAN KOMODITI

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan suatu bursa komoditi, bagi mengawal perdagangan kontrak serahan hadapan komoditi dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG BEKALAN AIR NEGERI (TATACARA KEWANGAN DAN PERAKAUNAN)

Rang Undang-undang bernama Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pengawalan dan pengurusan Kumpulanwang-kumpulanwang Bekalan Air Negeri-negeri dan bagi membuat peruntukan-peruntukan berhubung dengan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara mengenai pemungutan, penyimpanan dan pembayaran masuk wang ke dalam Kumpulanwang dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan

menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya berucap sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya kemukakan tadi.

Tuan Karpal Singh: Bolehkah saya dapat satu peluang

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya sudah kemukakan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat satu ruling dari Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap atas satu perkara yang penting

Tuan Speaker, saya mendapat maklumat hangat bersangkutan dengan kes yang ada diselesaikan dalam Mahkamah Tinggi pada hari kelmarin iaitu kes Pendakwa Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara lain.

Tuan Karpal Singh: Ini ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, duduk!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau boleh Tuan Speaker beri satu peluang, kerana perkara ini ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Di dalam Peraturan Mesyuarat 14, perkara yang serupa ini tidak boleh dibawa sekarang. Banyak dalam Peraturan-peraturan Yang Berhormat boleh

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya mahu bercakap

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Ini tidak boleh. Saya hendak teruskan mengikut Aturan Urusan Mesyuarat ini dahulu.

AHLI JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN YANG BERHORMAT DATUK S. SAMY VELLU

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Datuk S. Samy Vellu hendaklah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pemilih bagi mengisi kekosongan yang disebabkan oleh kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Datuk S. Samy Vellu hendaklah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pemilih bagi mengisi kekosongan yang disebabkan oleh kematian mendiang Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.55 ptg.

Datuk Stephen Robert Evans (Keningau): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini

bagi pihak penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini untuk mohon mencadangkan usul yang berikut:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima”.

Ini adalah kali pertama di dalam sejarah Dewan yang mulia ini seorang Ahli Parlimen dari Sabah diberi penghormatan untuk mencadangkan satu usul ucapan kesyukuran kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Di Raja Baginda. Kehormatan itu diberi kepada saya hari ini bagi menyampaikan perasaan syukur kepada Baginda di atas Titah yang begitu penuh erti dilafazkan pada hari Isnin, 17hb Mac, 1980 sempena Pembukaan Rasmi Sidang Kedua Parlimen Yang Kelima. Sungguhnya saya merasa amat gembira diberi peluang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh beraneka ragam masalah yang sedang kita hadapi hari ini. Yang amat menarik sekali pada tahun ini ialah mengenai kurun kelima belas Hijrah sementara tahun lapan puluhan tidak seharusnya pula terlupa dari perhitungan kita sebab kita kini hampir sampai kepada penghujung masa Rancangan Malaysia Ketiga dan sudahpun mulai menggubal dasar Rancangan Lima Tahun Keempat.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa negara kita sedang menjalani pembangunan pesat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, iaitu di bawah pimpinan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn, negara kita bukan sahaja telah mencapai pembangunan yang diidamkan, bahkan juga telah berjaya menduduki tempat

sewajarnya dan mengambil bahagian penting untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang ekonomi pula, negara kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan, walaupun keadaan ekonomi dunia pada keseluruhannya tidak begitu kukuh dan stabil. Ini adalah satu pencapaian terpuji pernah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional yang diyakini akan terus-menerus membawa kemajuan walaupun ada usaha-usaha baik dari dalam mahupun dari luar yang cuba menghalang kemajuan itu serta memusnahkan harapan kita membentuk sebuah negara yang kuat, bersatu, aman dan mewah. Selagi kita mempunyai pemimpin yang dedikasi dan jujur memimpin negara kita, maka di sana tidak ada satu kuasa yang boleh menghalang Barisan Nasional daripada mencapai cita-cita kita menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat kita yang boleh diterima kelak oleh semua golongan rakyat kita.

Bagaimanapun, ada kemungkinan harapan dari segolongan kecil daripada rakyat kita yang tidak dapat dipenuhi sebab kehendak mereka, jika dilayani, akan menjadi sumber kemusnahan kepada asas utama negara kita. Dalam sebuah negara demokrasi kehendak rakyat pada keseluruhannya dan Kerajaan bertindak untuk memenuhinya. Inilah amalan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini dan dalam berbuat demikian tentu tidak akan menyenangkan beberapa orang perseorangan. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh mengenai dasar dan rancangan Kerajaan Barisan Nasional, semuanya baik dan diterima oleh segala lapisan rakyat. Dalam pada itu, di sana ada kemungkinan cara perlaksanaannya hendaklah diperbaiki demi mengelakkan daripada menimbulkan kesukaran dan penderitaan kepada rakyat. Perlu diakui bahawa jentera pelaksanaan kita boleh dihalusi dan diperbaiki jika kita mahu menikmati sepenuhnya hasil dasar dan rancangan Kerajaan Barisan Nasional. Segala kelemahan di dalam jentera pentadbiran dan implementasi dasar dan rancangan hendaklah dihapuskan supaya kita boleh menegakkan pembangunan deras yang pernah dicapai dalam waktu dua puluh tahun kebelakangan ini.

Sebagai umpama, usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk mewujudkan perpaduan nasional selama ini telah dimusnahkan oleh pihak Pembangkang dengan cara mengapi-apikan perasaan emosi dan sentimen dan rancangan kita selalu disalahtafsirkan oleh Pembangkang seperti mempunyai unsur-unsur tidak adil. Tindakan Kerajaan Barisan Nasional memberi pertolongan kepada rakyat miskin di luar bandar disifatkan sebagai tindakan yang merugikan kepentingan orang-orang yang duduk di bandar oleh pihak Pembangkang. Memang benar, pihak Pembangkang telah memutarbelitkan keadaan sebenarnya demi kepentingan politik mereka tanpa mengira tentang kepentingan nasional pada keseluruhan.

Maka amat tepat sekali pada waktunya, Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi arahan agar semua rancangan yang telah dibuat, dikaji semula, baik yang berada di sektor swasta, mahupun di sektor Kerajaan demi membolehkan kita mengesan kelemahan-kelemahan dan masalah yang timbul. Dengan demikian nanti Kerajaan akan dapat mengambil tindakan-tindakan yang dipandang perlu untuk mencegah dan mengatasi masalah seumpama itu. Sementara sektor swasta pada keseluruhannya memberi kerjasama penuh kepada pihak Kerajaan, di sana masih ada tentangan secara kecil-kecilan yang boleh dianggap sebagai penyelewengan kepada dasar dan rancangan Kerajaan. Jika sekiranya cara pujukan tidak dapat menukar pendirian mereka ini, maka agak perlu bagi Kerajaan menggunakan kuasa-kuasanya memaksa mereka mengikuti landasan dasar dan rancangan Kerajaan. Demi kepentingan sege-lintir manusia, kita tidak seharusnya membelakangkan kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan rancangan Kerajaan Barisan Nasional adalah selalu adil dan saksama dan akan terus begitu sekalipun jika pihak Pembangkang tidak bersetuju dengannya. Kerajaan tidak akan mengubahnya mengikut kehendak dan kemahuan pihak Pembangkang. Kerajaan pasti berlaku adil dan saksama. Dalam pada itu dia tetap pula tegas dalam melaksanakan dasar yang telah digubal. Rakyat menyedari tentang apa yang sedang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk kebaikan Negara dan mereka pula berdiri teguh di belakangnya. Kerana itu dia

terus akan berkhidmat kepada rakyat dan Negara, menerusi dasarnya tanpa penyelewang, takut dan pilihkasih.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga telah berjalan dengan licin dan akan berakhir pada 31hb Disember, 1980. Tujuan rancangan tersebut ialah untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat, di samping menghadapi cabaran keselamatan.

Kita sedia maklum bahawa keselamatan Negara adalah perkara utama. Dalam dunia serba moden ini, pertahanan Negara hendaklah selaras dengan perkembangan dan peredaran masa. Memandang kepada ancaman yang kita hadapi sekarang, maka satu semangat yang kukuh di kalangan anggota angkatan tentera perlu diperkuat dan ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang hal mengawal keselamatan negara kita, telah mendapat kerjasama baik daripada negara-negara jiran kita, iaitu Thailand, Singapura, Indonesia dan Philippines. Perjanjian kerjasama sempadan antara Malaysia dan Thailand harus diberi pujian kerana membuka ke arah perhubungan yang rapat di antara kedua-dua negara untuk mengawal musuh di sempadan bersama.

Saya suka mengalu-alukan peristiwa ini, iaitu satu peristiwa yang menunjukkan negara kita dan negara jiran ingin keamanan dan kemakmuran, di mana rakyat bebas mencari kehidupan masing-masing. Di samping itu juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita dan pemimpin-pemimpin di negara jiran kerana memandang jauh untuk menentukan keamanan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada perajurit-perajurit kita yang bertugas di sempadan untuk mengawal musuh. Saya berdoa semoga tugas mereka di sempadan berjaya, dan akan cepat pulang daripada kawasan-kawasan operasi.

Saya juga ingin menyebutkan penghargaan saya kepada mereka yang telah terkorban dalam peperangan dengan musuh. Musuh kita bukan hanya berada di sempadan Malaysia/Thailand sahaja, bahkan ada juga musuh yang bersembunyi dalam negara. Oleh yang

demikian, saya menyeru kepada Kerajaan dari segi keselamatan dan intelligence menentukan keadaan musuh di tiap-tiap kawasan di seluruh negara. Satu kajian yang mendalam mengenai keselamatan negara hendaklah sentiasa dikaji oleh pakar-pakar keselamatan kita.

Selepas jatuhnya Vietnam Selatan tidaklah boleh dipandang ringan sahaja. Tentera kita di seluruh negara hendaklah diperbesar dan diperkuat lagi dan hendaklah sentiasa dikaji dari segi keselamatan dan pertahanan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah juga mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk membasmi masalah dadah, walaupun masalah tersebut masih belum berluasan di Sabah, adalah bijak bagi Kerajaan untuk mengambil tindakan yang sesuai bagi mengelak penggunaan dadah dari merebak di negeri itu.

Mengenai dasar luar Malaysia, kami mengalu-alukan dasar Kerajaan mendukung Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan melaksanakan konsep kerjasama kawasan selaras dengan objektif ASEAN. Rakyat Sabah adalah berdiri teguh di belakang Kerajaan Pusat dalam usaha menjayakan konsep tersebut. Pada hemat saya, kerjasama serantau tidak akan memberi kesan yang begitu baik sekiranya tidak ada kerjasama di kalangan mass-media antara negara-negara tersebut.

Kita tidak seharusnya bergantung banyak kepada agensi-agensi berita asing untuk mengetahui perkembangan-perkembangan di negara-negara ASEAN yang lain. Oleh itu, adalah perlu bagi sesebuah negara ASEAN membenarkan negara-negara ASEAN yang lain menempatkan wakil-wakil agensi berita masing-masing di negaranya. Ini akan membolehkan rakyat di seluruh negara ASEAN mengetahui perkembangan yang sebenar di negara-negara ASEAN yang lain, dan bukan berita-berita yang diputar-belitkan oleh agensi-agensi berita asing.

Tuan Yang di-Pertua, pекedai-pekеdai di negara kita selalunya berkata bahawa harga barang-barang di negara kita dinaikkan oleh Kerajaan. Adakah perkataan ini 100% benar? Jawatankuasa Harga Barang-barang (Price Review Committee) hendaklah aktif

dan sentiasa mengadakan mesyuaratnya untuk mengulangkaji akan kedudukan harga barang-barang. Majlis Pengguna Kebangsaan tidak begitu aktif dan tidak berkesan sama sekali untuk menolong mengurangkan kenaikan harga barang-barang ini. Maka Kerajaan haruslah memberi galakan kepadanya, kerana yang terlibat secara langsung, bukan sahaja orang atasan, malahan yang teruk sekali ialah orang-orang yang berpendapatan rendah seperti buruh, nelayan dan petani.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak yang dikenakan sekarang adalah terlalu tinggi. Menggunakan kereta tidak boleh dianggap sebagai satu kemewahan (luxury) sebaliknya, sebagai satu keperluan. Keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat minyak adalah terlalu besar. Ini boleh diperhatikan apabila mereka menyiarkan keuntungan tahunan syarikatnya di suratkhbar-suratkhbar. Kesan-kesan yang dibebankan kepada rakyat, hendaklah sentiasa dipertimbangkan, sebelum kenaikan itu dilaksanakan.

Saya rasa kajian yang mendalam perlulah dibuat sebelum persetujuan dapat diberi dan pakar-pakar ekonomi kita haruslah dilantik dalam apa bentuk jawatankuasa yang diadakan oleh Kerajaan, supaya kita tidak semestinya menerima tekanan dari pihak syarikat minyak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan keadaan pembangunan di negeri Sabah, Kerajaan Pusat Barisan Nasional selalu berlaku adil kepada semua negeri-negeri komponen dan memberi peruntukan yang cukup; tertakluk, sebenarnya kepada keupayaan untuk berkembang. Ia selalu memberi perhatian penuh kepada kawasan-kawasan kurang maju di seluruh negara dan memberi dorongan cukup untuk menambah tempoh pembangunan daerah-daerah ini. Kerajaan Pusat hampir melipatgandakan peruntukan asalnya kepada negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada penilaian setengah penggal dulu yang mencapai rekod 2.8 billion. Ini bererti pertumbuhan tinggi dan pesat untuk Sabah yang jauh tertinggal di belakang dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana menambah peruntukan kepada Sabah supaya ia boleh

mencapai perkembangan sosio-ekonomi yang tinggi bagi rakyatnya, terutama sekali mereka yang berada di luar bandar.

Di Residensi pendalaman Sabah, dari mana saya berasal telah dibiarkan sebegitu hebat sekali hingga rakyat di sana tidak menikmati sebarang faedah kebendaan menjelang hari kemerdekaan dahulu. Dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, Kerajaan Barisan Nasional-BERJAYA di Sabah telah melaksanakan banyak projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sejajar dengan Dasar Kerajaan Pusat. Segala dasar, rancangan dan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah dasar dan rancangan Kerajaan Pusat. Umpamanya, Kerajaan telah membuat dasar untuk menolong kaum bumiputra menyertai secara berkesan di bidang niaga dan perusahaan. Sebahagian daripada usaha-usaha itu ialah memberi pinjaman secara kadar faedah murah, sisem pemborongan terhad, dan penyertaan di ladang bumiputra Malaysia. Langkah itu sudah menunjukkan hasil yang menggalakkan seperti dibuktikan oleh bertambah bilangan penyertaan ekuiti bumiputra di beberapa bidang perniagaan dan perusahaan.

Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa buah agensi untuk menolong kaum tani, nelayan dan orang-orang miskin di luar dan di dalam bandar.

Koperasi Pembangunan Desa (KPD) telah mengolah hasil tanah-tanah rakyat yang terlantar dan juga melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan di situ. Dia juga menolong Koperasi Pembangunan Rakyat yang tidak mempunyai wang untuk membuatnya.

Agensi Ko-Nelayan juga menolong para nelayan mengadakan pembaharuan di bidang sistem perikanan tradisional dengan tujuan meninggikan taraf kehidupan mereka.

KORAS pula mengadakan rancangan latihan pengurusan kepada pegawai-pegawai koperasi supaya mereka lebih berkesan mengurus syarikat mereka.

SAMA (Sabah Marketing Authority) juga menolong para petani memasarkan hasil mereka demi memperoleh harga yang berpatutan.

Bagaimanapun, kejayaan yang lebih bererti pernah dicapai oleh Kerajaan Negeri ialah di bidang pembangunan tanah dan pengurusan hasil kehutanan. Selama empat tahun yang lalu hampir 100,000 ekar tanah telah dimajukan dan sebanyak 100,000 ekar lagi diusahakan untuk bermacam kemajuan. Tanaman-tanaman yang diusahakan termasuk koko, getah, kelapa sawit, kopi, lada hitam, bawang merah, ubi kentang, halia, jagung, bawang putih, kacang tanah, kacang merah dan sayur-sayuran hawa (temperate).

Kerajaan Negeri telah mengadakan dasar baru pembalakan yang bertujuan mengurangkan kerosakan kehutanan, menurunkan bilangan eskport kayu-kayan dan penanaman semula kayu-kayan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh tentang perkara-perkara yang sangat penting kepada kita di dalam sejarah negara kita, ketika ini iaitu kita semua hendaklah berganding bahu bagi melaksanakan tugas untuk mencapai kemajuan sosial, ekonomi dan matlamat-matlamat nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.18 ptg.

Tuan Racha Umong (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang telah dikemukakan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Negara kita sudah sampai ke penghujung Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan-kerajaan Barisan Nasional di peringkat Pusat dan peringkat Negeri sedang sibuk menyediakan Rancangan Malaysia Keempat. Memandangkan kepada perkembangan dari permulaan hari kita lahir sebagai rakyat yang merdeka hingga kepada hari ini, maka kita sekalian rakyat Malaysia haruslah mengucap syukur kepada Tuhan Maha Esa kerana telah melimpahkan kepada kita begitu banyak rahmat yang tidak dirasakan oleh rakyat yang lain di rantau ini. Tuan Yang di-Pertua, dari setahun ke setahun kita menyaksi perkembangan yang dibanggakan di seluruh negara kita.

Sebagai rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan pendalaman dalam Bahagian Ke-5 di Negeri Sarawak, saya dapat merasai dan menyaksikan perubahan-perubahan yang kalau berlangsung terus-menerus akan menjamin masa hadapan yang cerah bagi rakyat jelata sekalian. Sebagai salah seorang rakyat Sarawak yang turut memperjuangkan penubuhan Persekutuan Malaysia, dengan ikhlasnya saya menyatakan bahawa pada keseluruhannya keputusan rakyat Sarawak menyokong Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Malaysia adalah keputusan menguntungkan seluruh rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya iaitu faktor-faktor yang tidak kurang pentingnya yang telah mempengaruhi rakyat Sarawak memasuki Malaysia ialah keyakinan yang mendalam bahawa Yang Teramat Mulia Tunku dan Allahyarham Tun Abdul Razak adalah dua orang tokoh yang tiap-tiap kata mereka itu diperkatakan. Kedua-dua tokoh ini telah berjaya menawan hati rakyat Sarawak. Tunku mempunyai imej sebagai seorang ayah yang bertimbang rasa dan mengasihi rakyat jelata tidak kira keturunan ataupun kepercayaan. Allahyarham Tun dianggap sebagai anak asuhan Tunku dan seorang tokoh yang cekap dalam masalah pentadbiran negara. Kecekapan Tun Abdul Razak sebagai "Lieutenant" kepada Tunku dan akhirnya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua diketahui bukan sahaja dalam negara kita tetapi juga di luar negeri. Tidak ketinggalan kepada ingatan rakyat Malaysia di Sarawak ialah Allahyarham Tun Dr Ismail yang sentiasa dihormati dan disayangi sebagai seorang tokoh yang cergas dan berkaliber tinggi.

Tunku dan Tun memahami betul-betul situasi di Sarawak kerana mereka sering melawat kawasan-kawasan di luar bandar di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berusia hampir 17 tahun. Sungguh indah pohon yang ditanam oleh Tunku dan sentiasa diberi baja dan disirami dengan air untuk menyegarkannya bukan sahaja tokoh politik negara tetapi juga oleh pegawai-pegawai Kerajaan serta rakyat jelata. Bolehlah Malaysia ini kita gambarkan sebagai sebuah pohon yang mempunyai tiga cabang yang besar iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ketiga-tiga cabang ini pula mempunyai ranting-ranting yang beraneka ragam yang masing-masing mempunyai

keistimewaan tersendiri. Sungguhpun pohonnya hanya satu namun ianya menghendaki baja yang berlainan untuk kesuburan tiap-tiap ranting. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini walaupun pohon Malaysia itu tetap masih subur namun tidak ramai petani-petani yang menjaga pohon itu memahami kehendak ranting-ranting yang jauh di Sabah dan Sarawak. Lawatan-lawatan jarang benar dilakukan oleh tokoh dari Pusat; kalau pun ada biasanya hanya ke cabang-cabang besar di Kota Kinabalu dan Kuching. Saya tidak menafikan bahawa ranting-ranting yang sejauhnyanya di Sabah dan Sarawak itu memanglah sentiasa dalam ingatan semua tokoh-tokoh negara kita. Namun lebih elok lagi kalau kesuburan Malaysia ini sentiasa dibajai dengan lawatan-lawatan yang mesra. Mungkin ada golongannya yang mengangap lawatan-lawatan ke rumah panjang sebagai perkara yang membuang masa sahaja kerana lawatan yang demikian itu bukanlah bersabit dengan mesyuarat untuk mengkaji masalah-masalah yang timbul di negara kita ini. Namun demikian menjalinkan persefahaman dan perasaan cinta-mencintai di antara satu dengan lain di kalangan rakyat adalah satu perkara yang sangat-sangat mustahak untuk menjamin perpaduan yang kukuh dan mengelakkan daripada timbulnya perasaan segolongan rakyat merasa terasing dan tidak diberi perhatian yang mencukupi. Memang saya sedari bahawa tokoh-tokoh negara kita sangatlah sibuk dengan tugas-tugas rasmi masing-masing. Walau bagaimanapun, saya percaya segala kemajuan yang kita rancangkan hanya boleh mendatangkan hasil yang kekal kalau rakyat jelata itu hidup dalam rukun damai dan merasa kesayangan dicurahkan oleh pihak bertanggungjawab.

Bukankah pemimpin-pemimpin kita menghendaki rakyat yang taat setia dan memberi sokongan dan kerjasama yang sepuh-penuhnya kepada Kerajaan? Ini hanya dapat terjamin kalau perhubungan di antara rakyat dan pemimpin-pemimpin itu bukan sahaja rapat tetapi semesra-mesranya.

Saya harap sambil kita membangun ekonomi negara janganlah lupa kita membangun pula perasaan kasih sayang di antara satu sama lain dan kemesraan yang sejati di antara pemimpin-pemimpin dan rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang berbunyi demikian:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima.”

Sekarang ini telahpun dapat sokongan dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.32 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Keningau, Sabah yang mana juga telah disokong oleh Wakil Rakyat dari Sarawak di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat dan juga sebagai seorang Wakil Rakyat yang dapat mendengar dari dekat apa yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada pagi kelmarin, saya berpendapat adalah satu Titah Ucapan yang amat padat, yang amat berkesan, yang amat baik akan dilakukan oleh Kerajaan Malaysia. Dan yang mengkagumkan saya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi kelmarin ialah dengan nada yang sungguh-sungguh memberi kesan kepada siapa yang mendengarnya, baikpun yang dengar itu berhadapan dengan Seri Paduka Baginda sendiri iaitu di dalam Dewan yang mulia ini, saya yakin juga yang mendengarnya melalui television dan radio. Kerana apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang saya katakan tadi adalah dengan nada-nada yang sungguh mendalam dan pendek kata ditekankan kepada kalimah

yang patut ditekankan, bukan sahaja Seri Paduka Baginda itu bertitah tetapi dengan hati dan kehendak Baginda menyeru rakyat. Dengan sebab itu saya berharap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini akan menjadi satu ingatan, menjadi satu panduan kepada rakyat Malaysia baik daripada golongan mana sekalipun, baik ia daripada parti Pembangkang, bumiputra atau bukan bumiputra khususnya yang berada dalam negara Malaysia mestilah mencontohi dan mengikuti nasihat dan tunjuk ajar yang telah diucapkan pada pagi kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelmarin perkara yang dititikberatkan, soal pertama ialah Malaysia dari segi pembangunan, dari segi agama Islam, titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong khususnya kita sebagai orang Melayu yang beragama Islam, Islam yang dipimpin oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) telah masuk Kurun yang ke 15. Maka Malaysia pada hari ini telah menjalankan segala kerja-kerjanya berpandukan dengan kehendak-kehendak agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w.). Di dalam ketegasan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelmarin telah menyatakan bahawa kita telah menjalankan berbagai-bagai pembangunan, kita telah menialankan berbagai-bagai kebaikan kerana kebaikan ini juga dikehendaki sangat oleh agama Islam. Dan ditegaskan di dalam Titah Ucapan yang sama-sama kita tatapi pada pagi kelmarin bahawa siapa yang menentang pembangunan bererti ia menentang juga kehendak agama Islam, kerana agama Islam berkehendakkan kepada pembangunan selain daripada kerohanian yang mesti dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia, saya sungguh kagum di atas pimpinan Kerajaan yang ada pada hari ini. Setahu saya kalau tidak silap, rakyat di seluruh dunia yang beragama Islam lebih daripada 800 juta orang tetapi baru-baru ini pada 18hb Januari, 1980 satu persidangan telah diadakan di Kuala Lumpur tentang bagaimana hendak menarik cara dakwah yang dianjurkan oleh Kerajaan Islam melalui PERKIMnya telah didatangi oleh 17 buah negara di seluruh dunia yang ber-

agama Islam. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia hari ini yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri sungguh-sungguh mengambil berat di segi agama Islam, kalau tidak masakan 17 buah negara itu bersetuju mengadakan satu persidangan yang dipusatkan di Kuala Lumpur yang mana ibu negara kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri yang memerintah pada hari ini. Ini adalah sebagai satu bukti yang nyata kepada seluruh dunia dan kepada rakyat Malaysia juga kalau ada golongan-golongan yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional hari ini mengeneipkan agama Islam maka ini pada pendapat saya dengan sendirinya membuktikan apa yang dikatakan, apa yang ditohmahkan oleh setengah golongan itu tidaklah benar, kerana masakan negara-negara yang banyak memeluk agama Islam sebagaimana saya katakan tadi akan datang ke Malaysia kalaulah Kerajaan Malaysia tidak mengambil berat betul-betul hal agama Islam. Dengan sebab itu sebagaimana saya katakan tadi disebabkan Kerajaan Malaysia mengambil berat maka Kerajaan-kerajaan negara lain yang banyak beragama Islam sudi datang mengadakan dakwah atau perjumpaan mengembangkan cara syiar Islam kepada Malaysia pada 18hb Januari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sukacita yang Kerajaan kita hari ini akan menolong rakyat dengan berbagai-bagai saluran, dengan berbagai-bagai rancangan sebagaimana saya katakan tadi dua hala, baikpun segi kebendaan, mahu pun di segi kerohanian. Segi kebendaan, kita tahu Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai industri untuk membanvakkan kilang-kilang untuk mendapatkan kerja supaya jangan banyak orang menganggur, kerana ini menjadi satu masalah sosial kepada masyarakat dan manusia dan Kerajaan kita juga telah memberi bantuan-bantuan atau subsidi-subsidi khususnya kepada petani-petani dan sebagainya. Sebagaimana baru-baru ini Kerajaan telah menetapkan subsidi sebanyak \$63 juta tetapi amat malang sekali kerana \$63 juta yang Kerajaan akan beri kepada petani-petani ialah di Kedah dan Perlis. Maka bangunan yang indah tersergam, iaitu Wisma Kerajaan Kedah, kalau tidak silap saya, batu-kayu yang tidak berdosa telah

menjadi mangsa orang-orang yang tidak bertanggungjawab puncanya ialah disebabkan peruntukan yang akan diberi sebanyak \$63 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak menuduh tetapi biasa dikata orang kalaulah bunga yang cantik biasa diberi kepada bukan orangnya dia tidak tahu tempat hendak sanggul, tetapi manusia tadi orang yang tahu menilai, di manakah patut diletakkan bunga. Tetapi kalau diberi kepada kera saya tidak tuduh kera itu, tetapi ibarat manusia kadang-kadang banyak manusia mengagungkan bunga, bunga pandangan yang molek, bunga baunya harum, kalau diberi kepada manusia kalau dia tidak suntung di kepala dia ingin hendak cium di hidung. Tetapi malang beri kera yang tidak tahu menilai bunga, bunga yang baunya wangi dan cantik dikoyak dan sebagainya. Saya berharap sangat-sangat kepada rakyat Malaysia mengamati betul-betul di atas pemberian yang akan diberi ataupun yang telah diberikan oleh Kerajaan ini. Maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Kerajaan hendaklah mengawasi betul-betul dan hendaklah memberi faham betul-betul di atas apa niat Kerajaan yang baik itu kepada seluruh rakyat supaya jangan ada di antara golongan-golongan yang mengambil kesempatan untuk menjahanamkan Kerajaan dengan apa yang diberikan oleh Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khasnya Kementerian Perusahaan Awam yang telah memberi peruntukan sebegitu banyak. Tetapi disebabkan dua perkara, satu kerana ada orang yang tidak bertanggungjawab—saya yakin ada orang yang tidak bertanggungjawab, setahu saya Kedah dengan Perlis yang masih dekat, semasa tunjuk perasaan pada 23 haribulan dengan adanya alat sehingga alat menahankan daripada tembakan gas dan sebagainya. Kalaulah daripada pak tani biasa, saya tidaklah kata pak tani ini bodoh kerana pak tani juga banyak yang pergi ke "U", berkelulusan tinggi dan sebagainya, tetapi saya yakin ini bukanlah rancangan pak tani tetapi rancangan pak tani hendak meminta supaya memberi kemudahan kepada mereka dan sebagainya untuk menyiapkan alat seolah-olah

hendak berlawan dengan Kerajaan, itu bukanlah rancangan daripada pak tani. Saya yakin ini tentulah ada satu rancangan daripada orang yang tidak bertanggungjawab hendak mengambil kesempatan daripada apa yang diuntukkan oleh Kerajaan macam mana saya katakan tadi hendak memberi subsidi sebanyak \$63 juta. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kerajaan berilah keterangan-keterangan dan berilah penjelasan-penjelasan yang lebih dahulu sebelum rancangan kita akan dilaksanakan, walaupun rancangan kita itu baik, rancangan kita itu bagus, siapa kata tidak bagus, \$63 juta, tetapi kerana \$63 juta subsidi itulah Wisma Kemajuan Kedah dilontarkan. Maka dengan sebab itu saya berharap dan merayu kepada semua pihak bagi pihak Kerajaan baikpun Kementerian yang akan menjalankan perkara ini, juga misalnya Kementerian Penerangan mengambil peranan yang sungguh-sungguh sebagaimana saya katakan tadi sebab saya tahu Kedah ialah berhampiran dengan Perlis.

Kami di Perlis juga telah bangkit berbagai-bagai tohmah dan berbagai-bagai tuduhan. Kami biasa buat perjumpaan kepada orang-orang yang bertanggungjawab mereka telah mendengar dengan tenang. Apa yang tidak faham mereka tanya. Mereka diberi penjelasan, mereka menerima dengan perasaan yang tenang, tetapi ada di antara golongan yang naiknya 22 haribulan kalau tidak silap saya, kami buat perjumpaan di Perlis, naiknya kerana hendak buat hasutan dan sorak tetapi malangnya niat mereka ini tidak sampai kerana orang yang hendak dengar cara baik itu, banyak mereka itu turun dengan begitu berasa hampa dan sebagainya. Ini telah mula berlaku di Binaan Pegawai Kerajaan di Perlis pada 22 haribulan telah mula ada desas-desus cara hendak buat cara yang tidak bertanggungjawab ini mula dilakukan, tetapi tidaklah begitu tersusun sangat sebab itu mereka tidak berjaya. Jadi harapan saya biarlah penerangan secara mendalam, penerangan secara sungguh-sungguh diberi dahulu sebelum satu-satu rancangan hendak dijalankan walaupun benda itu baik, apatah lagi masyarakat kita ini walaupun kita tahu mengikut kata Ujama Islam dan kita semua sebagai orang Islam, kalau tidak silap saya dan saya ambil tentang maksudnya. Sebagai orang Islam dia suruh kita cari lima, berjaga lima sebelum lima. Berjagalah adamu, beringatlah kamu masa berada di masa kamu tak

akan ada lagi. Jagalah semasa sihatmu di masa kamu yang akan sakit ke depan. Jadi pendek kata dalam Islam kalau tidak silap saya mengikut pesanan Nabi disuruh kita beringat dahulu. Sebab itulah Kerajaan kita hari ini membuatkan saluran, memberi EPF kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak berpencen dan memberi pencen wang persaraan kepada orang-orang yang makan gaji kalau mereka itu berumur sudah patut bersara, tenaga tidak begitu kuat di masa muda.

Jadi, saya berpendapat dengan langkah Kerajaan akan membahagikan tiga jenis, satu cara simpanan Bank Nasional, Tabung Haji dan Saham MARA. Simpanan Bank Nasional ini pada pendapat saya adalah satu langkah yang amat baik. Tetapi malangnya kerana keadaan orang kita ini saya berpendapat kerana kalau boleh dengan boleh bila sudah simpan wang hendak ambil dengan sertamerta. Itu apakan daya. Tetapi niat Kerajaan adalah satu niat yang cukup baik dan satu cita-cita yang amat baik bagi diri saya sendiri, saya pandang sungguh tinggi walaupun Kerajaan sudah cuba ubah bagi satu cara yang lain, itu apakah daya, tetapi bagi pendapat saya kalau rakyat faham betul-betul, kena saluran betul-betul, ini amatlah baik. Dengan sebab itu saya mengesyorkan sekali lagi penerangan yang cukup patut diberi sebelum diberi apapun kebaikan, kadang-kadang diambil guna oleh setengah orang yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pak tani, saya sukalah mengesyorkan beberapa perkara untuk menambahkan kebaikan lagi. Kerajaan kita ini amat baik. Tujuannya memberi subsidi untuk menambahkan pendapatan rakyat, memberi subsidi baja dan sebagainya. Tetapi malang kadang-kadang Kerajaan yang begitu baik ditohmahkan oleh setengah golongan sebab ada manusia yang tidak bertanggungjawab membubuhkan baja yang Kerajaan sudah bagi subsidi dicampur dengan simen. Benda ini berlaku betul, Tuan Yang di-Pertua, dicampur dengan pasir, berlaku betul. Saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan kepada golongan ataupun kepada badan-badan yang tidak bertanggungjawab hendak menipu rakyat dan hendak menjahanamkan hasrat baik Kerajaan kepada rakyat itu. Saya yakin masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi. Inilah saya kata tadi niat Kerajaan begitu baik, kadang-kadang salah guna benda yang baik itu dimaki oleh rakyat dengan hasutan

oleh setengah orang yang tidak bertanggungjawab sedangkan niat Kerajaan itu amatlah baik, untuk hendak memberi kebaikan kepada pak-pak tani. Saya berpendapat untuk mengelakkan lagi saya mengesyorkan dua tiga perkara di sini. Pertama, kompleks LPN itu patut dibanyakkan lagi. Kalau tidak silap saya di Perlis sekarang ada tiga, di Arau, Hutan Aji dan Simpang Empat, patut dibanyakkan lagi macam Kompleks Peladang. Kalau tidak silap saya Kompleks Peladang di Perlis ada 6 buah di utara, di kawasan saya, dan kompleks LPN patut dibanyakkan lagi.

Yang kedua, kenderaan. Yang pak tani berasa dukacita hari ini satu, kenderaan. Bila hendak hantar kepada kompleks yang berkenaan terpaksalah disewa lori dengan sepikul seringgit. Jadi kalaulah ada kenderaan ataupun ada kompleks itu banyak, lebih dekat lagi kepada pak tani apatah lagi dengan kenderaan, masalah ini tidak begitu timbul.

Masalah satu lagi tentang potongan. Ini selalu berlaku. Saya tidak salahkan LPN. Kalau LPN beli padi basah dia hendak ambil berat yang tinggi. LPN terlampau potong. Kadang-kadang rakyat sendiri tidak puas hati. Ada potong 13 kati, 16 kati dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan mengadakan satu alat. Bila sahaja bawa padi ke kompleks ditimbang dengan alat, maka dengan alat itu sendiri iaitu alat yang menuniukkan sekian basah, sekian hampa di dalamnya. Jadi sama puas hati. Pihak LPN pun sama-sama tengok, pihak pembawa padi pun sama-sama tengok. Jadi jangan pakai teka sahaja. Biar ada satu alat yang betul-betul dapat diyakinkan oleh pihak pak tani. Saya fikir tentu perkara ini boleh menghilangkan problem yang telah berlaku yang telah membawakan perkara yang saya katakan tadi.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, niat Kerajaan amat baik. Saya puji dan saya tidak menentang. Tetapi kalau boleh subsidi itu ditambah lagi \$2 menjadi \$4 di masa yang akan datang dengan cara baja dan sebagainya ditambah baik lagi. Kalau saya biasa bercakap dalam Dewan ini minta Kerajaan menaikkan harga padi, hari ini saya tidak mahu cakap, saya tahu masalahnya kerana penanam padi ini saya fikir tidak lebih daripada 2 juta sedangkan pengguna padi ataupun pengguna beras lebih banyak lagi. Masalah Kerajaan hendak menimbang-dua hala. Dengan sebab itu bagi subsidi

kepada pak tani itu lebih baik dan kalau boleh saya syorkan cara baru bagi subsidi mengikut keluasan bendang. Misalnya satu relong kita beri \$30 dan sebagainya atau mengikut kadar yang difikirkan patut. Jadi, saya harap ini ditimbang oleh Kerajaan. Tetapi walau bagaimanapun sepertimana saya katakan tadi niat Kerajaan yang begitu baik itu tidak difahami oleh setengah golongan dan diambil kesempatan maka dengan sebab itu \$63 juta hendak dibahagi tetapi malangnya tunjuk perasaan yang berlaku kerana wang, bukan kerana Kerajaan hendak ambil hasil rakyat ataupun hendak tanah rakyat, kerana \$63 juta silap penerangan tidak dapat dan ada orang mengambil kesempatan, tunjuk perasaan yang berlaku. Syukurlah Kerajaan dapat mengambil tindakan segera, kalau tidak saya tidak tahu apa hendak jadi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya dalam segi lain, negara kita ini sebagaimana kita tahu tentulah tidak mencukupi apa yang ada, dengan sebab itu banyak perkara dan bahan yang digunakan itu kita import dan ada perkara yang kita eksport. Import dan eksport ini memanglah negara lain pun sama, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi yang menyedihkan saya ada perkara yang terpaksa kita import sedangkan kalaulah kita usahakan dalam negara kita sendiri dapat memberi keuntungan dua hala. Misalnya setahu saya sebagaimana cabai besar, bawang dan bahan-bahan pertanian banyak yang kita import sedangkan perkara itu kalaulah diusahakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pertanian dengan cara yang sungguhsungguh untungnya banyak. Saya yakin keuntungannya tiga segi. Satu, boleh jadi tanah hutan yang ada binatang dan sebagainya akan menjadi terang. Yang kedua dapat hasil itu kepada petani. Pendek kata hasil yang kita import kalau tak silap saya barangkali pada tahun 1977 saya dapat tahu lebih daripada \$80 juta seumpama bawang dan barang pertanian yang boleh di negara kita Malaysia. Sebagaimana juga yang biasa dilawati oleh beberapa rombongan dari Filipina baru-baru ini bawang ditanam dengan begitu banyak. Saya berharap Kerajaan Malaysia kita menggalakkan tanaman yang mana kita import supaya ditanam oleh rakyat Malaysia sendiri supaya tanah juga dapat digunakan, tidak menjadi semak dan sebagainya. Kedua, wang dapat diselamatkan daripada pertukaran ke luar negeri. Ketiga, keuntungan yang lebih besar kita dapati hari ini pengangguran. Walaupun banyak Kerajaan kita mengadakan

kilang tetapi masih banyak pengangguran dan kadang-kadang terpaksa peluang dicari di bandar dan sebagainya untuk mendapat kerja. Jadi kalaulah rancangan itu dapat digalakkan sebagaimana saya katakan tadi tiga keuntungan akan diperolehi. Keuntungan pertama tanah dapat dicerahkan, yang kedua mengurangkan pertukaran wang mengalir ke luar negeri. Ketiga dapat memberikan pekerjaan kepada belia yang masih lagi menganggur walaupun banyak diberikan pekerjaan tetapi masih ada lagi yang tak dapat pekerjaan. Dengan sebab itu, saya berharap sangat perkara ini akan dapat diberi perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pagi kelmarin iaitu kita sudah masuk dekad kelapan puluhan dan pada masa akan datang menjelang pula Rancangan Malaysia Keempat. Maka saya berharap segala rancangan yang ditaja dan yang telah dirancang pada Rancangan Malaysia Ketiga itu dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan selancar-lancarnya semua sekali. Maka di sini dalam perhatian saya ada di antaranya tentang bangunan-bangunan yang tak boleh hendak diselaraskan, tak boleh dilaksanakan dengan begitu baik. Saya mengesyorkan patut diadakan satu badan Jawatankuasa Bertindak dan juga saya berharap jalan-jalan yang mana kita dapati hari ini selalu berlaku pelanggaran dan sebagainya, saya berpendapat patutlah jalan-jalan itu diperbesarkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan hari ini saya dapat tahu Kerajaan kita telah memberi bantuan makanan kepada kanak-kanak sekolah. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih tetapi yang mendukacitakan setahu saya peruntukan ini telah dikurangkan pada tahun ini. Misalnya, di negeri Perlis yang sepatutnya dapat bantuan sampai Darjah 3-4 tetapi hari ini dikurangkan peruntukannya, kononnya terpaksa diberi kepada negeri lain. Jadi saya berharap sangat peruntukan yang biasa kita beri janganlah kita tarik balik, kerana pelik sangat bagi kanak-kanak sekolah. Sebelum tahun 1980 misalnya peruntukan makanan (AMP) yang diberikan oleh Kerajaan itu mereka dapat tetapi tahun hadapan tak dapat, timbul satu perasaan di antara kanak-kanak, jika kita tak buat dahulu, itu lain pula. Macam kita buat budget saya fikir tentulah kita buat budget misalnya tahun

1969 \$10,000 bila tiba tahun 1970 budget kita tentulah semakin bertambah, semakin lama semakin bertambah. Jika benda itu ditarik balik ini menyedihkan sangat khususnya bagi kanak-kanak, maka dengan sebab itu saya merayulah kepada pihak Kementerian berkenaan tolonglah ambil perhatian perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapat tahu Kerajaan akan meluaskan ataupun akan memanjangkan lagi perairan kita sehingga 200 batu. Jadi, saya fikir rancangan Kerajaan ini adalah satu rancangan yang amat menggalakkan kerana kita tahu dengan diluas atau dijauhkan lagi jarak perairan kita ini akan membawa 2-3 segi keuntungan. Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab itu saya haraplah supaya rancangan ini akan dapat dijalankan oleh Kerajaan, keuntungannya sebagaimana saya katakan tadi dengan ada rancangan ini keselamatan kita juga lebih baik daripada hari ini. Walaupun pada hari ini negara kita Malaysia boleh dikatakan terkawal baik tetapi dengan adanya laut yang besar, perairan yang dekat, kadang-kadang kita hendak pergi jauh sedikit tentulah melanggar perairan laut di negara lain, tetapi bila kita luaskan perairan kita lebih daripada 200 batu ini membawa kita boleh kawal keluasan yang dimaksudkan itu sehingga 200 batu. Begitu juga dari segi mencari dan menambah ekonomi kalau ada galian minyak dan sebagainya. Begitu juga untuk nelayan-nelayan kita yang hendak mencari ikan, memukat dan sebagainya boleh pergi ke kawasan yang dimaksudkan oleh Kerajaan itu. Maka dengan sebab itu atas syor dan galakan Kerajaan itu saya sangat-sangat mengalu-alukan dan saya harap kerajaan dapat melaksanakannya.

Beralih saya dari segi ekonomi dan pembangunan. Kita tidak nafikan Kerajaan kita hari ini telah memajukan rakyat sebagaimana saya katakan tadi. Saya selalu kata bila saya pergi ke kampung-kampung pembangunan hari ini kalau hendak dibandingkan di masa yang lampau amatlah pesat walaupun harga kayu mahal dan sebagainya tetapi walau macam manapun patutlah kita kaji, kalau dari segi ugama pun kita sebelum disuruh kita tolong orang lain, kita tolong diri kita sendiri lebih dahulu. Saya pandang bila eksport kayu terlampau banyak walaupun kita hendak cari kewangan yang banyak, tetapi menjadikan harga kayu mahal untuk bahan binaan rumah sedangkan Kerajaan suruh rakyat buat bangunan yang cantik,

bangunan yang indah dan sebagainya, tetapi harga kayu melambung tinggi akibat eksport sehingga menjadikan sebatang tiang saya dengar pembeli kayu menyatakan \$60 sebatang. Saya terkejut kerana saya juga biasa beli kayu di masa lampau sebatang tiang \$8 sahaja tetapi seorang pembeli hari ini menyatakan sudah menjadi \$60 sebatang. Begitulah seterusnya harga papan. Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita hendak mencari untung, saya harap kajilah semula dan kalau boleh yang patut bagi negara kita sendiri, benda itu amat perlu kita tak payahlah eksport ke negara lain, kita pakai di negara kita sendiri. Itulah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sukacita apa yang diusahakan oleh Kerajaan kita melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dijalankan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menarik banyak pelabur-pelabur luar untuk menanam modal di negara kita ini. Dan sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada dua hari yang lepas kalau tidak silap saya dia minta dibanyakkkan pelaburan ini ke luar-luar bandar. Saya amatlah tertarik hati dan saya berharap sangat-sangat janganlah pihak Kerajaan sahaja membuat syor atau permintaan, tetapi ini hendaklah dijadikan satu syarat yang muktamad. Kalau ada satu-satu pelaburan akan datang ke sini saya berharap utamakanlah tiga syarat ini kalau boleh.

Syarat yang pertama mestilah dilaburkan ke tempat yang tidak ada lagi, misalnya hendak dilaburkan satu industri dengan membuat kilang dan sebagainya, utamakanlah negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis dan sebagainya.

Yang kedua, kalau boleh carilah bahan tempatan diutamakan dahulu untuk dijadikan industri dalam Malaysia kita ini, supaya keuntungannya diperolehi oleh Kerajaan dan segala bahan-bahan kita dapat laku dan sebagainya.

Yang ketiga, saya berharap kalau boleh segala industri-industri yang akan dilaburkan di dalam negara kita ini biarlah kekal, pendek kata sehingga 40-50 tahun dan sebagainya, janganlah seperti setengah-setengah industri yang melabur di sini hanya 10-15 tahun setelah mendapat keuntungan

yang begitu lumayan akhirnya cabut balik dan pekerja-pekerja kita jadi menganggur. Saya berkata begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana niat Kerajaan itu baik terutama kepada orang yang dapat kerja itu amat bagus, tetapi malangnya bila mereka telah mendapat kerja dan dapat menghantar balik wang kepada ibubapanya bila dengan sertamerta industri itu ditutup seperti berlaku di utara Malaysia, pihak yang berkenaan tadi tidak ada kerja maka jadilah satu perkara yang tidak diinginkan.

Saya biasa dengar, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengahnya yang tidak patut disebut dalam Dewan yang mulia ini, kerana hendak menjaga taraf orang yang ada kerja tadi, ia terpaksa membuat kerja yang tidak diinginkan. Dengan sebab itulah saya berharap supaya industri yang akan dibuka ini biarlah seperti macam mana saya katakan tadi, yang kekal dan lama dengan menggunakan bahan-bahan tempatan diutamakan atau disyaratkan oleh Kerajaan, keutamaan hendaklah diberikan kepada negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara gaji. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan yang saya mendapat tahu telah menaikkan gaji kepada jururawat-jururawat. Saya berharap jangan gaji jururawat sahaja yang dinaikkan, tetapi gaji bidan-bidan ini patut dinaikkan juga. Kadang-kadang bidan ini seperti yang saya ketahui mereka bekerja amat teruk, kadang-kadang mereka bekerja lebih daripada perkara yang sepatutnya yang kita tidak dapat buat. Biasa saya dengar daripada seorang bidan yang mengatakan bila bayi yang baru dilahirkan termasuk segala benda yang tidak dapat diambil dalam hidung dan sebagainya terpaksa bidan itu tadi dengan menggunakan mulut mengeluarkannya, kalau tidak harus bayi itu tidak akan bernyawa lagi, begitulah kerja bidan, jadi patutlah diberi pertimbangan selain daripada doktor.

Bercakap berkenaan dengan Hospital Kangar yang sungguh indah dan dua tingkat tingginya, saya mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan. Tetapi apa yang mendukacita saya ialah doktor-doktor tidak cukup dan doktor yang ada pula minta berhenti. Pengarah Perubatannya sendiri sudah minta berhenti, hendak diganti baru, saya pun tidak tahu siapa, sedangkan

yang ada tidak cukup, ia pula minta berhenti. Saya berkata mengapalah nasib doktor begini, mereka adalah diperlukan untuk mengubat orang sakit dan sebagainya, dengan sebab itu saya berharap sangat supaya pertimbangan yang sewajarnya hendaklah diberi kepada doktor-doktor dan patutlah diambil berat sama ada gaji dan sebagainya sekiranya difikir patut. Tidak bererti bangunan hospital yang begitu besar kalau doktor-doktor tidak ada. Maksud utama seperti yang saya biasa ucapkan dalam Dewan yang mulia ini selain daripada tempat, doktor, ubat juga perlu. Tetapi kalau bangunannya cantik ubatnya tidak ada, doktor-doktor begitu juga untuk memberi ubat yang mana patut dimakan dan yang mana tidak patut dimakan tidak begitu berkesan sangat, dengan sebab itulah kepada doktor-doktor ini saya merayu supaya janganlah meninggalkan jawatannya dengan mudah sahaja. Saya tidak tahulah apa hendak jadi kerana saya telah perhatikan orang ramai sangat sukar untuk mengambil ubat daripada doktor swasta seperti berpakat di antara seorang doktor dengan seorang doktor ataupun kerana doktor tidak cukup dan kadang-kadang pula kedapatan bukanlah kesemua, saya tidak kata semua, ada di antara jururawat-jururawat ini yang seorang dua bercakap dengan tidak begitu manis kepada pesakit-pesakit, ini biasa berlaku di hospital Kangar saya sendiri. Malangnya, kawan saya sendiri yang bercerita, dia salah seorang wakil rakyat, tetapi oleh sebab ibunya juga sakit pada masa yang sama jadi tidak sempat dia hendak mencatat nama jururawat yang tersebut, dia berkata dengan maki dan menggunakan bahasa yang kasar kepada seorang tua sehingga orang itu berkata "kalaulah tok tidak sakit masakan tok hendak datang ke hospital". Jadi wakil rakyat ini dia merasa sangat sedih, tetapi dia tidak dapat mengambil berat kerana ia juga sedang sebok dengan ibunya. Ini saya tidak kata semua, hanya seorang dua sahaja, tetapi biarlah kata orang janganlah kerana nila setitik merosakkan susu sebelanga. Dengan sebab itulah sahaja gaji yang telah dinaikkan oleh Kerajaan, tetapi saya berharap sangat-sangatlah perkhidmatan yang cemerlang patut dilaksanakan apatah lagi kepada orang yang sakit kerana sakitlah kita manusia betul-betul berkehendakkan kepada ucapan atau kata-kata yang manis dan layanan yang paling baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, sukacita saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan mengenai penerangan sebagaimana saya katakan tadi.

Kerajaan kita pada hari ini telah melaksanakan berbagai-bagai rancangan baikpun di segi kebendaan cara keduniaan yang patut didapat oleh manusia sehingga negara-negara luar memandang tinggi dan kagum kepada kita, dengan adanya usaha seperti itu amatlah mudah negara luar akan datang menanam modal di sini dan amat mudah negara luar akan memberi pinjaman kepada kita sekiranya memerlukan wang. Seperti dua hari yang lepas sebagaimana kita ketahui Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah meminjam wang daripada Kuwait sebanyak \$40 juta kalau tidak silap saya, saya baca dalam akhbar, dari televisyen dan sebagainya. Ini menunjukkan negara-negara luar memandang sungguh tinggi kepada negara kita di segi pemerintahan, di segi pergaulan dan sebagainya, begitu juga di segi ugama yang saya katakan awal tadi, kerana ugama Islam adalah ugama rasmi negara kita. Negara-negara luar cukup memandang tinggi seperti di persidangan pada 18-1-80 yang lepas begitu juga di satu perjumpaan yang mengutuk Russia selepas Presiden Pakistan memberikan ucapan kita juga diberi keutamaan, tetapi malangnya ada dalam negara kita, saya bukan hendak jadi diktator, tetapi saya yakin kalaulah rakyat betul-betul faham di atas apa yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia ini saya ingat tidak bangkit rusuhan, tidak bangkit salah faham dan tidak bangkit segala tuduhan-tuduhan yang melulu. Tetapi yang menyedihkan ada setengah-setengah parti politik yang tidak percaya kepada negara kita sendiri yang katanya pada satu hari kita akan jatuh misalnya teori Domino. Kalau negara-negara lain jatuh negara kita juga akan jatuh, saya berpendirian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kukuh, kalau kita bersatu padu negara luar akan hormat kepada kita, kalau Kerajaan kita kuat negara luar akan hormat dan kemakmuran akan tercapai. Tetapi kalau kita berpecah-belah di antara satu dengan lain kita akan hancur. Jadi saya berharap sangatlah perkara ini akan diberitahu kepada rakyat dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, Afghanistan yang jatuh Afghanistan yang telah diceroboh oleh Russia kita kecam, Kerajaan kita kecam Russia, jadi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas sikap tegas Kerajaan kita menegcam siapa yang zalim walaupun dia besar. Tetapi mengapa Afghanistan yang diceroboh?

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi seperti saya baca akhbar *Utusan Melayu* pada 2-2-80 hari Sabtu kalau tidak silap saya, bila saya tengok *Utusan Melayu* saya mengeluarkan air mata kerana saya dapati bekas Presiden Afghanistan yang lama telah dibunuh dengan kejam dalam bilik dengan kaki dijulang ke atas dibunuh bantal. Saya merasa sedih bagi seorang Presiden, begitu-lah bunuh-membunuh, berkelahi sama sendiri, kalau tidak silap saya mereka sama mereka pun bergaduh, maka inilah menyebabkan kejatuhannya Afghanistan. Mengenai kita hendak tolong, kita tolong memberi derma dan sebagainya, tetapi kalau sesuatu badan lemah adalah kerana satu anggota dengan anggota lain tidak bekerjasama, begitulah juga negara. Saya haraplah Kerajaan pada hari ini di samping kita membuat pembangunan, kebaikan kita beri ketahanan, tetapi saya agak kesal kerana adanya di antara setengah-setengah parti pergi berkempen ke kampung misalnya di Perlis ada di antara parti berkempen menentang Kerajaan. Saya amat sedih bila kempen mereka pasang empat spot light tidak beri orang masuk, tidak beri orang dengar seolah-olah menghasut kawan-kawan yang satu parti, beri semangat perkauman, beri semangat tidak puas hati. Tetapi bagi saya kalau dalam pertahanan apa yang dibuat oleh Kerajaan kita pada hari ini sebagai seorang pemimpin walaupun kecil atau besar kita mesti menerangkan apa yang dibuat oleh Kerajaan. Ini saya amat sedih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sangat berharap dapat diberi penerangan secara menyeluruh dan beritahu juga kepada rakyat melalui radio, TV dan sebagainya. Kalau rakyat ini betul-betul faham, kita tidak salah tetapi yang saya takut ada setengah golongan, misalnya dalam pilihanraya, tidak beri ahli-ahlinya pergi mendengar orang lain bercakap. Ini yang saya pelik. Saya mahu biar rakyat faham, tentang rakyat hendak hukum itu

terpulang kepada mereka. Kita ini sama-sama ada akal. Tuhan telah berjanji dalam Quran, izinkan saya—kalau silap haraplah kawan-kawan lain menegur—“Laqad zarakna lijahannama kathiran minal-jinna wal-insan”, ertinya: Aku telah sediakan neraka untuk manusia yang ramai. Orang yang ada akal tidak mahu berfikir; ada mata tidak mahu melihat; ada telinga tidak mahu mendengar, dia hendak buat apa yang dia kata, itu yang Tuhan marah sekali.

Saya berasa dukacita ada setengah orang tidak mahu berfikir dan ada setengahnya itu hendak melebihi daripada kehendak Tuhan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita pada hari ini telah membuat segala pembangunan melebihi daripada had yang sepatutnya dan Tuhan juga sebagai yang maha berkuasa tidak memaksa manusia buat benda yang tidak boleh dibuat. Sebab itulah dalam agama kalau tidak silap saya, dia tidak paksa benda yang kita tidak boleh buat. Walaupun dia suruh kita puasa, ada masanya yang tidak boleh puasa dia suruh kada. Dia suruh kita sembahyang tetapi ada kalanya dia suruh kita jamak. Dia suruh kita pergi ke Haji tetapi orang yang tidak berkuasa dia tidak suruh pergi. Jadi yang Kerajaan kita buat hari ini di segi kebendaan, di segi keduniaan, di segi agama, bagi saya walaupun seorang penyokong tetapi bukanlah sebagai seorang “pak turut”; saya merasa sangat kagum. Tetapi saya percaya kalaulah rakyat betul-betul faham dengan sedalam-dalamnya mereka tidak akan menunjuk perasaan walaupun ada perkara yang tidak puashati kerana Kerajaan tidak boleh buat sekali gus, itu apa boleh buat. Kalau mereka betul-betul faham akan niat Kerajaan tidaklah berlaku seperti apa yang dikatakan tadi.

Dengan sebab itu saya berharap peranan Kementerian Penerangan hendaklah lebih penting lagi kerana di situlah letaknya pusat segala kebendaan, segala apa yang kita buat.

Kalau rakyat tidak faham, akan terjadi seperti apa yang saya katakan tadi iaitu tunjuk perasaan dan sebagainya. Walaupun niat kita baik tetapi bila disalahfahamkan menjadi tidak baik. Dengan sebab itu saya berharaplah Kementerian Penerangan akan memainkan peranan yang penting supaya

dapat memberi penerangan kepada rakyat, janganlah kira sama ada parti Kerajaan atau parti Pembangkang.

Mengenai Kementerian Penerangan juga, saya amat tertarik dengan rancangan TV pada hari ini yang mana pada tiap-tiap kali pembukaan TV dimulakan dengan bacaan Quran dan tafsirnya, begitu juga pada penutupnya. Saya sendiri selalu mengikuti dan saya berharap kalau boleh di samping itu tambah sedikit, misalnya sebelum dia baca diberitahu surah-surah sekian, ayat-ayat sekian supaya bolehlah orang yang akan menatapnya membuat rujukan pula. Saya sangat berharap sebelum dia baca ditulis di situ surah berapa dan ayat berapa yang dia mula baca supaya lebih berkesan lagi.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, TV adalah menjadi tontonan semua orang sama ada segi kebaikan, di segi hiburan dan sebagainya. Saya dapati satu rancangan yang sungguh menarik di masa yang lepas ialah gusti. Saya bukanlah seorang peminat tetapi saya berasa dukacita bila saya dapati di kampung-kampung ramai orang yang bersungut. Saya dapat tahu juga daripada Kementerian yang berkenaan bila berkehendakkan pendapat ramai, banyak pendapat ramai yang hendakkan rancangan gusti seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan dalam rancangan TV sebutlah apa rancangan pun, tidak ada manusia yang bersetuju seratus peratus dan tidak ada manusia yang tidak bersetuju seratus peratus. Walau apa rancangan pun, biarpun rancangan-rancangan yang seronok, ada masanya tidak seronok. Kalau misalnya rancangan agama, ada orang yang tidak setuju. Ada rancangan hiburan, ada pula orang yang tidak setuju. Jadi kalau hendak setuju seratus peratus saya ingat payah tetapi setahu saya rancangan gusti, sebagai seorang Wakil Rakyat saya diminta menyuarakan supaya rancangan ini diadakan balik. Saya sangat berharap rancangan ini patutlah dikaji balik oleh Kerajaan.

Akhirnya saya sangat berharap apa yang dijalankan oleh Kerajaan kita hari ini mendapat sokongan dan beri fahaman betul-betul kepada rakyat. Dan kepada pak tani yang saya maksudkan tadi di segi pertanian saya tegaskan sekali lagi biarlah diutamakan bahan-bahan yang ada dalam Malaysia daripada kita mengimport dari luar negeri supaya mendapat keuntungan yang lebih banyak.

Dengan ini saya menyokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pagi semalam yang saya pandang satu Titah yang betul-betul berkesan dan saya harapkan Titah itu dapat diulang-ulangkan lagi dalam TV supaya dapat didengar oleh seluruh rakyat. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.17 *ptg.*

Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong untuk Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di Upacara Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelima ini.

Mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai ketua pemerintah dan payung negara, kita sekalian rakyat yang taat setia di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sukakan kepada pembangunan, keselamatan dan perpaduan rakyat serta negara bersyukur dan bangga kerana bertuah ditakdirkan dapat hidup dan tinggal di negara Malaysia dengan aman dan damai.

Di samping itu sebagai mewakili rakyat di Dewan yang mulia ini sukalah saya menarik perhatian Kerajaan mengenai beberapa masalah yang masih diperlukan oleh rakyat dan patut diatasi oleh Kerajaan demi untuk kebaikan dan pertimbangan bersama. Pada masa ini ramai rakyat telah menyahut pelancaran gerakan Operasi Isi Penuh Kerajaan dengan tujuan dan harapan dapat menjawat sebarang jawatan dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan kita, tetapi adalah sangat elok dengan kesempatan Operasi Isi Penuh Kerajaan ini, beberapa faktor diperbetulkan dan diperelokkan lagi bukan sahaja di peringkat pusat bahkan di peringkat negeri juga. Pengambilan mengisi kekosongan jawatan ini hendaklah diseimbangkan dengan bilangan penduduk dari berbagai keturunan ini dan bercorak Malaysia serta melambangkan perpaduan rakyat yang menjadi kebanggaan kita bersama selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek-projek pembangunan, inginlah saya mengesyorkan agar Kerajaan memberi keutamaan kepada projek-projek yang berkaitan dengan kesihatan dan pelajaran selain daripada lain-lain keutamaan. Contohnya bagi kawasan Padang Serai, Hospital Daerah Kulim adalah satu-satunya tempat tumpuan rakyat, khususnya di kawasan Kedah Selatan yang melibatkan daerah Kulim, Bandar Bahru dan sebahagian dari daerah Baling. Hospital ini telah lama dibina dan keadaannya pada masa ini sudah tidak sempurna lagi, dari segi bangunan, keselamatan dan kebersihannya. Rancangan untuk dibina sebuah hospital yang baru sudah lama rakyat mendengar pengumuman Kerajaan hendak melaksanakan projek ini beberapa kali oleh Kementerian Kesihatan yang berkenaan, tetapi hingga ke saat ini rancangan masih belum menjadi kenyataan, padahal bangunan semakin uzur dan keperluan sangat mendesak.

Begitu juga dengan projek-projek pembinaan bangunan baru untuk sekolah-sekolah. Ada beberapa projek yang telah dilaksanakan tetapi entah kenapa dan mengapa projek-projek masih belum juga siap. Contohnya Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Dik dan Sekolah Kebangsaan Lalang Lunas. Sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang dan Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kampung-kampung Baru juga perlu mendapat perhatian Kerajaan supaya sekolah-sekolah berkenaan diperbaiki dan disesuaikan dengan keadaan masa.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah melaksanakan beberapa projek sekolah di kawasan Padang Serai khasnya pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Pekan Kilang Lama, Kulim. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.23 *ptg.*

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Ucapan Titah dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembaaan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Mesyuarat

Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima yang dicadangkan oleh wakil dari Keningau sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1980 jelas menjadi tarikh yang mempunyai makna yang besar dalam perkembangan negara kita Malaysia. Tahun ini akan berakhirnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, tahun jangka waktu yang bersejarah kerana kita baru melangkah masuk dalam abad ke 15 Hijrah dan tahun hadapan Kerajaan kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Keempat pula. Kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi bagi kepentingan rakyat jelata tidak kira siapa dan tidak kira di mana mereka berada. Hanya rakyat yang berminat dan mereka yang tekun bekerja serta berkeyakinan terhadap pemberian Tuhan sahaja harus dapat kita menyampaikan kebahagiaan yang dicita-citakan. Ekonomi Malaysia terus berada dalam keadaan kukuh, tegap dan stabil pada tahun 1979. Melalui langkah-langkah tegas diambil oleh Kerajaan kita serta kerjasama rakyat inflasi dalam negara ini tidak akan menjadi buruk seperti di lain-lain tempat dalam dunia ini. Kestabilan politik negara memudahkan Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata dan sambutan rakyat terhadap usaha Kerajaan telah menjamin pembangunan yang lebih pesat. Keutuhan ugama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara dan kejatuhan beberapa negara Islam yang rakyatnya boleh dikatakan 100% beragama Islam adalah disebabkan kelemahan, kemunduran mereka dan berpecah belah sesama mereka yang menyebabkan rakyat bersengketa sesama rakyat yang negara mereka berpecah, berporak peranda seperti terdapat di dalam dunia Islam pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan negara terkawal serta kestabilan politik telah memudahkan Kerajaan mengeratkan hubungan antarabangsa. Malaysia menentukan pendirian mengenai pergolakan serantau dan antarabangsa. Kerajaan Barisan Nasional telah menyarankan supaya Asia Tenggara dijadikan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali melalui ASEANya. Keadaan yang ada itu pada masa ini dengan sendirinya mengesahkan kebenaran perjuangan Malaysia. Lawatan Yang Teramat Mulia Tuan Yang Terutama Tun Adam Malik wakil Presiden

Indonesia ke Malaysia dan seterusnya ke negeri Kedah baru-baru ini sungguh dialu-alukan oleh seluruh rakyat negeri Kedah dan juga Malaysia dan kita berharap sangat supaya lebih ramai lagi kepala-kepala negara ASEAN boleh berbuat demikian, supaya hubungan kita sesama kita lebih erat lagi. Pergolakan-pergolakan yang sering berlaku di beberapa kawasan dunia kerana kegagalan negara-negara tersebut mengatasi masalah-masalah ekonomi, sosial dan politik rakyatnya telah mengakibatkan keadaan kucar-kacir. Kita hendaklah mengambil pengajaran dan panduan daripada peristiwa-peristiwa tersebut. Kita juga mungkin terjerumus ke dalam bahaya yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa sedih, peristiwa hitam bagi negeri Kedah iaitu tunjuk perasaan di Alor Setar, Kedah pada 23 haribulan Januari perlu dikeji dan dikutuk kuat oleh seluruh rakyat jelata sebab perbuatan itu sungguh tidak bertanggungjawab, satu perbuatan yang hina dan menjatuhkan nama, menjahanamkan Majlis Upacara Perayaan Kebawah Duli Tuanku Sultan Kedah pada masa itu. Mereka yang bertanggungjawab mesti menerima padahnya. Perbuatan itu samalah dirancang oleh anasir-anasir jahat sepertimana yang telah dan pernah dirancang oleh mereka yang sama di Baling dan di Sik pada satu masa dahulu. Apakah benar kaum tani tidak puashati atas apa yang mereka dapat selama ini? Dari jumlah semua keluarga tani di Kedah khususnya di kawasan MADA hanya lebih kurang 5,000 orang sahaja yang keluar beramai-ramai berdemonstrasi di Wisma Negeri pada hari itu. Rancangan Perairan MADA memberi kemudahan dan mempunyai 60,000 keluarga petani atau kira-kira 340,000 orang penduduk desa tani. Objektif MADA ialah untuk meninggi kesejahteraan hidup keluarga tani dalam kawasan ini dan juga menambahkan pengeluaran makanan ataupun beras bagi keperluan negara. Ini sedang dinikmati oleh rakyat jelata dengan jelas sekali sebab taraf hidup rakyat tani telah bertambah baik jika dibandingkan dengan keadaan mereka sebelum adanya MADA dahulu. Purata pengeluaran padi semenjak tahun 1975 meningkat 750,000 tan setahun yang sebelumnya cuma 314,000 tan sahaja iaitu 141% bertambah daripada dahulu dan MADA mengeluarkan 45% hingga 48% beras keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, purata pendapatan per kapita penduduk desa tani dalam tahun 1975 hampir \$60 sebulan iaitu menunjukkan sebenar kira-kira 2.4 kali ganda daripada apa mereka dapat keadaannya dalam tahun 1966. Harga padi tahun 1966, yang diperolehi oleh pak tani dalam lingkungan \$8 sepikul sungguhpun harga minima masa itu \$16 sebab adanya berbagai-bagai potongan, tetapi sekarang harganya termasuk subsidi baja dan kupon adalah \$35 sepikul yang bermakna tambahan lebih 337.5% daripada asalnya atas harga sekarang.

Pihak Kerajaan sedar kos pengeluaran padi bertambah dan Kerajaan kita sedang giat berusaha supaya kos tersebut boleh dikurangkan lagi. Persatuan-persatuan Peladang subur tumbuh dan bergerak sihat di antara kaum tani; jentera-jentera dibekalkan kepada mereka; Geraktani diintroducekan, nasihat-nasihat diberikan percuma. Tertubuhnya satu konsortium di antara MADA, KADA dan NAFAS juga guna menolong kaum tani terutama di Kedah dan di Kelantan oleh Kementerian Pertanian Malaysia baru-baru ini yang telah dilancarkan di Kedah. Dengan adanya pertolongan-pertolongan dan subsidi-subsidi ini boleh mengurangkan keuntungan orang tengah dan bertambahnya pendapatan kepada kaum tani. Itu pun mereka semua tak puas hati lagi. Saya agak tidak ada Kerajaan dalam dunia yang betul-betul menolong kaum tani sepertimana yang kita ada di dalam Malaysia pada hari ini. Kerajaan Barisan Nasional memang mengambil berat di atas peranan yang dimainkan oleh kaum tani dan tidak ada sebab mengapa segelintir manusia di Kedah, mungkin juga ada anasiran-anasir jahat menyeludup masuk di dalam mereka, maka mereka bilangan yang kecil telah keluar menunjuk perasaan itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan dan perdagangan dijelaskan juga oleh Duli Yang Maha Mulia di dalam Titah Ucapan Baginda semalam. Galakan melabur di luar bandar memang disebut-sebut dan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang mengambil berat di atas segala ini dan saya minta dan merayu supaya lebih banyak lagi industri-industri boleh masuk

ke kawasan-kawasan di luar bandar terutama sekali di kawasan ulu seperti kawasan saya yang serba kekurangan itu.

Bumiputra dalam perusahaan belum boleh dibanggakan lagi sebab usahawan bumiputra kini memilik \$721 juta modal atau 16.2% sahaja dari jumlah \$4,435 juta. Itu pun kalau tidak dialibabkan perusahaan mereka. Ini adalah jauh bezanya dengan gunatenaga kerja dalam lingkungan 52.6% dari semua jenis pekerjaan di sektor perkilangan terdiri dari pekerja-pekerja bumiputra, kebanyakannya menjadi buruh kasar sahaja, berbanding dengan 34.2% kaum Cina, 11.4% India dan kurang dari 1% lain-lain kaum dan mereka ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai eksekutif dan di dalam peringkat pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyebut "made in Malaysia goods" adalah digalakkan terutamanya barang-barang dari bahan-bahan mentah yang kita ada banyak seperti getah, gas, kayu, bijih timah dan lain-lain lagi; lebih banyak misi perdagangan mesti dihantar keluar negeri untuk mencari pasaran international.

Suruhanjaya Perdagangan patut sangat diwujudkan di negara-negara yang kita ada potensi jualan barang-barang kita. Sikap dan mentaliti Pesuruhanjaya Perdagangan kita di luar negeri mestilah menjadi "super salesman" bukan kerja kerana makan gaji dan bukan acuh tak acuh sahaja. Barang-barang pameran kita di luar negeri mestilah menarik dan digemari ramai. Jangan pula terdapat barang-barang yang dipamer itu menjadi lapuk penuh dengan habuk dan debu sehingga "taukey" tegur atas perkara itu dalam lawatan "taukey" ke pejabatnya di sebuah negara tempoh hari. Barang-barang pameran mestilah "up-to-date" dan menarik. Tertubuhnya satu Pusat Perdagangan Eksport Malaysia di Kuala Lumpur akan memberi peluang lebih kepada pedagang-pedagang antarabangsa dan dapat melihat barang-barang keluaran Malaysia daripada pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dasar Pelajaran kita kepada rakyat berbilang bangsa sungguh kagum dan berkesan sekali bagi mengujudkan rakyat bersatu padu dan bertoleransi. Kalau dahulu susah benar mendapat anak-anak bumiputra menjadi pegawai professional tetapi peratusnya beransur bertambah kalau dibandingkan dengan lain-lain kaum. Kalau dahulu susah benar mendapat mencari kaum-kaum lain yang berkelulusan Bahasa Malaysia tetapi sekarang tidak hairan lagi banyak kaum Cina dan kaum India boleh dapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia dengan kepujian yang tinggi malah ada di antara kaum bukan bumiputra mencapai B.A. (Hons) dan sebagainya dalam pelajaran Bahasa Kebangsaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mata pelajaran yang agak penting yang mana tidak banyak orang menyebutnya. Pelajaran yang saya maksudkan ini yang perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan ialah jenis pelajaran kepada kanak-kanak pekak dan bisu. Berdasar tinjauan, siasatan dan rayuan yang saya terima daripada ibubapa pelajar-pelajar Pendidikan Khas Pekak di Kedah saya dapati eloklah pelajaran vokesyenal untuk pelajar-pelajar pekak ini dimulakan dari tingkatan perediaan lagi. Apakala pelajar-pelajar itu menjejak kakinya ke sekolah menengah mereka diperkenalkan lagi pelajaran vokesyenal. Walaupun Kementerian Pelajaran memang merancang akan mengadakan sebuah sekolah vokesyenal berasrama penuh sepertimana yang dilaporkan oleh akhbar *The New Straits Times* pada 3hb Mac, 1980; dengan izin, saya baca, Tuan Yang di-Pertua :

(Dengan izin) "SPECIAL SCHOOL TO TRAIN THE DEAF AND THE DUMB A residential vocational school for the deaf and the dumb will be set up in the country. The proposed school will be built in the east coast. Courses in television, electricity, chip metal works, hair-dressing, home science and the like"

Tuan Yang di-Pertua: Berapa haribulan tarikh *Straits Times* itu?

Tuan Hashim bin Endut: 3hb Mac, 1980. Yang akan mengambil pelajar-pelajar yang telah tamat persekolahan peringkat SRP.

Tetapi saya berpendapat adalah lebih menasabah dan tepat jika mereka ini diperkenalkan kepada pelajaran itu sejak mereka menjejak kaki di dalam sekolah berasaskan faktor di bawah ini:

- (1) Rata-rata umur pelajar itu tatkala mereka sampai di sekolah menengah mereka telah berumur 13 ataupun 14 tahun campur, kerana mereka itu dibolehkan belajar di sekolah rendah selama 8 tahun.
- (2) Jika dilihat dari keadaan tubuh badan mereka rata-rata mereka itu mempunyai tubuh badan yang sihat dan berkemampuan menjalankan latihan kemahiran.
- (3) 90% dari pelajar-pelajar pekak adalah sangat lemah dalam pelajaran akademik, jika mereka ini disogokkan juga untuk belajar pelajaran akademik selama 3 atau 4 tahun dengan mengikuti sukatan pelajaran biasa dan dipaksa pula mereka mengambil peperiksaan SRP, ini adalah semata-mata membuang masa mereka, wang ringgit ibubapa mereka dan juga tenaga guru-guru yang mengajar mereka. Kerana kita semua tahu pelajar-pelajar biasa telah ada ratusan ribu memiliki Sijil SRP sedang terumbang-ambing dalam masyarakat hari ini.
- (4) Mengikut pendapat guru-guru yang mengajar mereka ini, rata-rata pelajar ini adalah terlalu lemah dalam mengikuti pelajaran-pelajaran yang menggunakan bahasa, mereka lebih gemar dan cekap mempelajari pelajaran praktikal seperti seni lukis dan kerjatangan, seni perusahaan dan sains rumah tangga.
- (5) Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 1973 hingga 1978 seramai 54 orang pelajar telah mengambil peperiksaan SRP calon-calon dari Sekolah Kanak-kanak Pekak Pulau Pinang yang berasrama penuh, yang berjaya hanya 7.4% sahaja berbaki 92.6% terpaksa membawa diri menempuh gelombang hidup dalam masyarakat. Berdasarkan ini adalah lebih menasabah mereka ini diajar pelajaran-pelajaran Vokesyenal sekurang-kurangnya mereka dapat melibatkan diri dalam masyarakat.

Saya juga berpendapat di masa Tingkatan I, II dan III mereka ini eloklah diajar dan mesti dilebihkan pelajaran-pelajaran yang tersebut di bawah ini sahaja:

- Bahasa Malaysia
- Ilmu Hisab
- Hal Ehwal Tempatan
- Komunikasi
- Ugama dan moral
- Pelajaran kemahiran.

Dengan mempelajari 20 waktu seminggu pelajaran kemahiran selama 3 atau 4 tahun di peringkat menengah rendah bermakna mereka telah banyak belajar pelajaran kemahiran sekurang-kurangnya apakala mereka keluar sekolah nanti dapatlah mereka bekerja di kilang-kilang perusahaan, tempat-tempat perniagaan ataupun bekerja sendiri untuk sara hidup mereka.

Bilangan pelajar-pelajar pekak yang ada di Kedah mengikut bancian yang dibuat oleh Bahagian Pendidikan Khas Maktab Perguruan Ilmu Khas. Kuala Lumpur pada tahun lalu adalah 57 orang lelaki, 39 orang perempuan, jumlahnya 96 orang.

Pertambahan bilangan pelajar-pelajar pekak di Kedah adalah sangat membanggakan, misalnya, pada bulan Ogos tahun 1977 sebuah kelas menengah pekak telah dibuka di Sekolah Menengah Kompleks Alor Manai, Alor Star bilangan pelajar-pelajarnya seramai 7 orang, tahun 1978 pula bilangannya meningkat 18 orang dan tahun 1979 pula bilangannya menjadi 35 orang dan pada tahun ini telah meningkat kepada 56 orang. Mereka ini terbahagi kepada 7 tingkatan, Tingkatan 3 satu kelas, Tingkatan 2 satu kelas, Tingkatan 1 dua kelas dan Tingkatan Persediaan dua kelas. Kemungkinan tahun 1981 nanti bilangan pelajar itu akan mencapai 80 atau 90 orang. Kedah juga menerima pelajar Pekek Menengah daripada Perlis. Di samping bilangan-bilangan di atas masih ada banyak lagi pelajar-pelajar pekak yang sedang mengikuti darjah-darjah biasa di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Kedah. Di Kedah juga ada lagi 3 buah kelas percantuman untuk pelajar-pelajar pekak. Jumlah semua pelajar-pelajar yang bersekolah rendah di tiga pusat ini seramai 106 orang.

Di Kedah juga saya mendapat tahu ada sebuah asrama khas yang menampung pelajar-pelajar pekak. Asrama ini bertempat di bangunan lama Sekolah Kebangsaan Sungai Kerok Baru, Jalan Pegawai, Alor Setar. Kini asrama ini menampung seramai 60 orang penghuni yang datang dari seluruh negeri Kedah dan Perlis. Asrama ini dibiayai bersama oleh Majlis Pusat Kebajikan Cawangan Kedah dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Kedah. Pada pendapat saya elok dan sewajarnya Kementerian Pelajaran mengambil alih tanggungjawab mengendalikan asrama ini. Berdasarkan alasan-alasan di atas saya mencadangkan elok sangatlah Kementerian Pelajaran membuka sebuah Sekolah Menengah Vokesyenal berasrama penuh untuk Pelajar-pelajar Pekek di Kedah mulai tahun 1981 ini untuk menampung pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik itu.

Di sini saya juga mengambil kesempatan menyentuh sedikit mengenai guru-guru yang mengajar pelajar-pelajar jenis ini. Saya mendapat tahu semua guru-guru yang mengajar mereka itu adalah guru-guru yang terlatih selama 3 tahun, selepas 5 tahun mereka mengajar budak-budak biasa mereka dipilih pula mengikuti kursus khas selama satu tahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras ataupun di luar negeri, sekembalinya dari latihan itu barulah mereka ditugaskan mengajar pelajar-pelajar pekak ini. Saya mencadangkan eloklah Kerajaan memberi sedikit suguhati, misalnya, dengan memberi tambahan 2 kenaikan gaji selepas mereka lulus dari Maktab Perguruan Khas, Cheras dan apakala mereka ini telah mencapai gaji maksima eloklah mereka ini diberi gaji Tingkatan Khas dan seterusnya Tingkatan Tertinggi. Kalau ini dilaksanakan tentulah tidak merombak struktur susunan gaji yang telah dan sedang berjalan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dibuat begini tentulah tidak begitu adil kerana peluang mereka untuk naik gaji, menjadi guru besar atau menjawat jawatan yang menambah gaji mereka sangat terbatas.

Tugas mereka sangat berat dari guru-guru biasa, sebab mereka sedang menghadapi dengan kanak-kanak yang kurang bernasib baik, mereka mengajar dengan penuh dugaan dan penuh kesabaran. Oleh itu, saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya sekolah yang dimaksudkan itu patut sangat dibuka di pantai

barat, khususnya kalau boleh di Kedah bagi memudahkan mereka di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan juga Perak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli ada menyebutkan Pasukan Petugas berkenaan dengan pendatang haram di Pantai Timur, mereka ini perlu diberi sanjungan yang tinggi dan ucapan terima kasih daripada Dewan yang mulia ini kerana dalam beberapa persidangan Dewan masalah pendatang haram Vietnam disebut-sebutkan dan pada masa itu angka telah meningkat naik hampir 100,000 orang pendatang haram tetapi alhamdulillah, dengan tekun dan tabah Pasukan Petugas kita menjalankan tugas mereka bersama-sama dengan petugas daripada Bangsa-bangsa Bersatu masalah pendatang haram ini tidak menjadi masalah lagi kepada negara kita. Keselamatan negara kita juga terjamin, ancaman komunis terkawal, balu-balu askar yang terbunuh perlu diberi perhatian yang serius. Tugas dan peranan yang dimainkan oleh Polis menjaga keamanan dalam negara kita yang begitu aman sekali perlu juga diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dan pihak-pihak Polis perlu diberi sanjungan tahniah daripada Dewan ini kerana di atas peranan mereka mengamankan negara kita yang begitu aman ini.

Selain daripada itu, kesihatan luar bandar memang dititikberatkan di dalam Titah Ucapan tersebut. Pihak saya sebagai Wakil Rakyat yang betul-betul terlibat dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar, bekalan air luar bandar yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan adalah sangat disambut baik oleh rakyat di dalam kawasan pendalaman dan dengan ini sebagai wakil kepada mereka, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan di atas perhatian mereka yang begitu serius kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Mudah-mudahan insya Allah dengan adanya bekalan air yang begitu teratur dan bersih kita percaya penyakit taun yang selalu melanda di kawasan saya tidak akan menimpa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong atas usul yang dibawa oleh sahabat saya dari Keningau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

5.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli kepada kedua-dua Majlis Parlimen semalam.

Baginda, semasa permulaan Titah Ucapan Baginda, telah dengan tepatnya mengingatkan kita semua bahawa Majlis ini bersidang dalam jangka waktu yang bersejarah, Kita sekarang sedang melangkah masuk dekad kelapan puluhan. Tahun ini juga merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga serta peringkat pertengahan Perspektif 20-tahun Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Sebagai penutup, Baginda telah menyeru rakyat sekalian menyokong penuh segala usaha untuk mewujudkan "satu masyarakat yang bersatu-padu, kukuh, aman dan makmur di bawah satu Kerajaan yang bersih".

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara, tanpa sebarang keraguan, memegang kunci masa depan Malaysia kerana jika tidak adanya perpaduan negara, Malaysia tidak boleh menjadi sebuah negara yang kukuh atau aman dan kemakmuran negara tidak berkekalan.

Sejak beberapa tahun ini, banyak janji-janji kosong atau "lip service" telah dibuat terhadap matlamat perpaduan negara akan tetapi tidak ada sebarang percubaan serius yang dibuat oleh Kerajaan untuk menilai atau menentukan bahawa dasar-dasar Kerajaan memperkukuh dan bukan sebaliknya melemahkan perpaduan negara.

Adalah tidak berguna bagi Menteri-menteri Kerajaan menuntut bahawa segala dasar dan langkah Kerajaan adalah berpadu dengan objektif mewujudkan perpaduan negara. Ini adalah kata-kata kosong. Dasar Ekonomi Baru dengan matlamat dua penjurunya iaitu untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan telah diisytiharkan juga sebagai mempunyai matlamat utama untuk mencapai perpaduan negara. Akan tetapi mana-mana orang yang berfikiran waras dan objektif akan mengakui bahawa beberapa ciri-ciri tertentu Dasar Ekonomi Baru sebenarnya menggalakkan

perpecahan dan ketidak perpaduan negara bukan sahaja di antara kaum-kaum malah di antara kelas-kelas.

Apa yang jelas perlu ialah satu mekanisme yang berasingan untuk mengawal dan menilai dasar-dasar dan langkah-langkah Kerajaan dari aspek perpaduan negara.

Apabila Dasar Ekonomi Baru diisytiharkan dalam tahun 1970, banyak telah diperkatakan tentang perpaduan negara. Malahan, sebuah Kementerian baru diturunkan ke peringkat Lembaga Perpaduan Negara dan sampai hari ini tidak siapa pun tahu sama ada Lembaga Perpaduan Negara masih wujud atau tidak. Kita tidak akan memperoleh apa-apa faedah dengan melantik seorang sebagai Pengerusi Lembaga Perpaduan Negara kerana Lembaga tersebut dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah gagal membuat sebarang sumbangan dalam mengenali sebab musabab yang membawa perpaduan negara, menentukan dasar-dasar dan langkah-langkah yang mencipta perpecahan. Lembaga Perpaduan Negara telah juga gagal membuat sebarang impact yang berkesan dalam perkara perpaduan negara yang telah menjadi perkara terpenting dalam negara ini.

Perkembangan-perkembangan serantau dan di dunia telah menunjukkan bahawa kita sedang hidup dalam sebuah dunia yang merbahaya. Percerobohan Vietnam ke atas Kampuchea dengan sokongan Soviet serta juga pencerobohan Soviet di Afghanistan yang begitu dekat dengan tanahair kita hendaklah menjadi ingatan kepada kita bahawa terdapat negara-negara iaitu predatory nations yang akan mencero bohi kebebasan, wilayah, keutuhan dan kedaulatan negara-negara lain demi kepentingan mereka iaitu big-power interests.

Malaysia seperti juga negara-negara ASEAN yang lain telah bertindak terhadap perkembangan-perkembangan ini dengan menambahkan perbelanjaan ketenteraannya. Kita boleh membelanja beberapa banyak wang pun untuk tujuan ketenteraan kita tetapi ini tidak akan menguntungkan Malaysia selagi rakyatnya tidak bersatu-padu.

Memasuki tahun lapan puluhan, kita hendaklah ikhlas terhadap diri sendiri dan mencari sebab musabab dan bidang perpecahan perpaduan negara dan membuat strategi baru untuk membaiki perpecahan Nasional. Kita janganlah menipu diri kita dengan memikirkan yang Pembinaan Negara dari segi menjadikan warganegara Malaysia mengidentifikasi diri mereka sebagai warganegara dahulu dan identifikasi kaum sebagai ikatan kedua telah mencapai satu kejayaan yang agung.

Sebagai masyarakat majmuk yang kompleks; perpecahan nasional yang demikian boleh bermula dari perbezaan kelas, atau kaum, agama atau latarbelakang kebudayaan.

Demonstrasi pesawah dan penanam padi di Kedah pada 23hb Januari, baru-baru ini adalah satu kenangan peristiwa Demonstrasi penoreh getah di Baling dalam tahun 1974, adalah tanda kegagalan Dasar Ekonomi Baru untuk memberikan hasil pembangunan kepada faedah asas petani-petani. Walaupun terdapat berjuta-juta ringgit perbelanjaan pembangunan, sistem structural tanah yang tidak adil di mana tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan tanah mereka lebih beruntung dari perbelanjaan pembangunan awam dari penyewa pekerja atas luas tanah yang tidak ekonomik, salahadbir Kerajaan dan amalan rasuah, bersatu menafikan hak yang sepatutnya diterima oleh petani-petani.

Saya tidak bercakap bagi pihak PAS, tetapi di atas perkara prinsip, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh Kerajaan untuk menahan pegawai-pegawai PAS dan yang lain-lain kerana tuduhan memainkan peranan di belakang demonstrasi petani di Kedah hendaklah dikutuk sebagai penyalahgunaan kuasa oleh parti politik yang memerintah. Sekiranya pegawai-pegawai PAS dan mereka yang lain telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang biasa negara, mereka hendaklah didakwa di dalam mahkamah dan dibicarakan. Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dibuat adalah dengan tujuan menghadapi suasana luarbiasa dengan implikasi keselamatan yang merbahaya bagi negara, dan bukanlah dimaksudkan untuk mengatasi demonstrasi dan golongan biasa

yang tidak puas hati yang sudah mencukupi untuk diatasi dengan undang-undang biasa. Dan definisi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi dalam masa soal jawab bahawa atas alasan keselamatan negara bahawa pihak yang berkenaan boleh tangkap dan menjalankan tugas-tugasnya, saya rasa adalah terlalu luas dan tidak boleh diterima dalam Dewan ini.

Dalam pada itu, penggunaan sewenang-wenang Akta Keselamatan Dalam Negeri di dalam keadaan-keadaan yang tidak langsung menjejaskan keselamatan hendaklah dipandang berat oleh rakyat Malaysia. Di dalam bulan Februari tahun lalu Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan terhadap pegawai-pegawai kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja.

Di Johor baru-baru ini saya dapat tahu bahawa seorang ahli PSRM yang memasukkan caveat menentang pemindahan tanah BBC di Plentong, Johor daripada dijual kepada syarikat swasta telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri selepas ia memasukkan caveat tersebut.

Dengan kadar ini Kerajaan menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, tidak lama lagi Kerajaan akan menimbang-kan untuk menggunakan ISA terhadap mereka yang memilih untuk bertanding menentang Menteri-menteri utama di dalam Pilihanraya Umum.

Rekod hak asasi di Malaysia adalah memalukan rakyat Malaysia. The Amnesty International, di dalam laporan atas keadaan Hak Asasi Manusia di Malaysia, telah mengemukakan sebelas syor kepada Kerajaan Malaysia untuk membaiki pencabulan hak asasi manusia yang telah begitu lama, sama ada tahanan politik yang sewenang-wenangnya terhadap lawan politik atau pengkritik di bawah ISA, atau keadaan dalam tahanan.

Laporan Amnesty International telah dihardamkan oleh Kerajaan Malaysia, yang telah mengesahkan lagi di dalam pandangan nasional dan internasional, kebenaran dakwaan pencabulan hak asasi manusia sebagaimana yang terdapat di dalam Laporan Amnesty International.

Minggu lalu, pihak berkuasa telah menjalankan hukuman gantung terhadap tiga orang yang dihukum atas kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan permohonan untuk pengampunan mereka telah ditolak oleh Raja-Raja yang berkenaan.

Saya difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 34 orang banduan (condemned men) dalam death rows selepas didapati bersalah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan dihukum mati secara wajib (mandatory death sentence) yang mana rayuan mereka untuk pengampunan telah ditolak. Saya juga difahamkan pihak berkuasa bercadang untuk menjalankan penggantungan 34 orang banduan ini secara berkelompok setiap hari Jumaat. Dalam hampir kesemua 34 kes ini, kesalahan mereka adalah kerana mereka memiliki senjata. Untuk menggantung (execute) orang-orang yang didapati salah kerana memiliki senjata tetapi tidak didapati bersalah kerana melakukan sebarang kekerasan adalah sungguh kejam dan tidak beradab bagi Malaysia dan ini akan menjadi satu cela berkekalan ke atas conscience Malaysia serta juga akan memburukkan imej dan reputasi antarabangsa Malaysia.

Pada minggu lalu, saya telah mengutus sepucuk kawat segera kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merayu supaya urusan execution itu dihentikan kerana "Orgy of Execution" atas 34 orang banduan yang condemned itu secara berkelompok akan mewujudkan rasa marah (revulsion) bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa dan execution itu tidak boleh dipertahankan. Saya ingin mengulangi rayuan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi supaya satu peluang diberikan kepada mereka yang condemned ini dan mengurangkan hukuman mati (commute) yang dikenakan secara mandatory ke atas mereka kepada hukuman penjara seumur hidup.

Saya percaya setiap orang yang mempunyai decency dari segala kaum, ugama dan kelas akan menghargai jika hukuman mati yang dikenakan itu diringkankan kepada penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menggunakan kuasa-kuasa authoritarian di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, di bawah topeng Perisytiharan-perisytiharan Darurat sungguhpun keadaan yang mengakibatkan perisytiharan tersebut diisytiharkan tidak wujud lagi. Kerajaan harus mengindah suara "reason dan decency" bahkan di dalam negeri atau di luar negeri supaya hak-hak manusia harus dihormati dengan lebih tekun, dan saya menggesa Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja mengenai Hak-hak Manusia untuk mengkaji sejauh manakah hak-hak manusia di Malaysia telah dihormati atau sebaliknya dicabuli sejak 23 tahun selepas merdeka, serta juga menyediakan satu finding ke atas Laporan Amnesty International.

Satu perbincangan kebangsaan mengenai keadaan hak-hak manusia di Malaysia adalah diperlukan jika sekiranya drift untuk menggunakan dengan sewenang-wenangnya Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap sebarang kritik atau dissenter dibendung. Lanjutnya, penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk melenyapkan penderitaan dan rasa kehilangan pekerja-pekerja dan petani-petani hanya akan memburukkan lagi perbezaan-perbezaan kelas dan akhirnya akan membawa ke arah perpecahan negara.

Saya dengan seriusnya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbang cadangan saya supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya di Raja yang mengandungi satu panel bebas dianggotai oleh rakyat Malaysia dari segala kaum dan lapisan masyarakat yang termasyhur, yang eminent, untuk mengkaji keadaan hak-hak manusia di Malaysia kerana tidak ada seorang pun, baikpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai kebijaksanaan atau monopoli tunggal untuk mengetahui apakah yang baiknya untuk negara kita.

Rakyat Malaysia khasnya rakyat bukan Melayu merasa lega apabila mereka mendengar amaran yang diberikan oleh Duli Baginda dalam Titah Ucapan Baginda terhadap aktiviti-aktiviti mereka "yang

berpendapat bahawa agama Islam tidak toleran, lalu mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang negatif yang memburukkan imej Islam"

Sejak dua tahun ini, manifestasi ketidak-toleran agama oleh beberapa golongan Islam telah menimbulkan kebimbangan dan rasa pandang berat di negara kita. Jika keadaan ini tidak dibendung, ianya akan menjadikan faktor utama yang mengakibatkan ketidak perpaduan negara di Malaysia dalam tahun-tahun kelapan puluhan dan akan membawa perselisihan agama di Malaysia yang mana selama ini tidak berlaku di negara kita.

Ketidaktoleransi ini terhadap agama-agama lain telah dimanifestasikan dalam beberapa rupa bentuk. Contoh yang paling ketara ialah pemusnahan kuil-kuil Hindu dan China. Satu lagi manifestasi ialah bantahan terhadap pembinaan Patung Kwan Yin di kuil Kek Lok Si di Pulau Pinang atas alasan kononnya patung tersebut adalah terlalu tinggi.

Di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan telah memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi dan menjamin kebebasan beragama. Kita dapati di Malaysia agama-agama terbesar di dunia—Islam, Hinduism, Buddhism dan Christianity. Sikap yang harus dipupuk kepada rakyat Malaysia hendaklah merupakan toleransi dan fikiran terbuka, daripada yang sempit, tidak bertolak ansur dan taasub.

Sikap toleransi dan fikiran terbuka akan mengalu-alukan perkembangan berbagai agama di Malaysia, di dalam keadaan harmoni antara agama dan hidup bersama (co-existence) dan akan bergembira dengan pembinaan masjid yang terbesar, kuil yang terbesar, gereja yang terbesar dan patung Buddha yang tertinggi di Asia Tenggara atau di sebahagian Asia, di Malaysia.

Satu sikap yang sempit, tidak bertoleransi dan taasub akan menganggap penyekatan (restriction) kegiatan-kegiatan agama dan kepercayaan lain sebagai syarat awal (pre-condition) untuk perkembangan agama dan

kepercayaan sendiri dan akan bersedia bila-bila sahaja untuk menganggap perkembangan agama-agama lain sebagai satu penghinaan kepada agamanya sendiri.

Adalah menjadi rekod dan pengetahuan ramai bahawa orang-orang bukan Islam di Malaysia telah menyumbang dengan murah hati terhadap pembinaan Masjid Negara dan masjid-masjid negeri yang lain. Aktiviti seumpama ini yang tidak mengira agama menggalakkan persefahaman dan harmoni antara agama hendaklah digalakkan lagi kerana tidak bertoleransi agama mungkin akan menjadi racun dan kemusnahan pembinaan negara Malaysia.

Sikap tiada tolak-ansur, taasub dan sempit, yang menganggap bahawa kekurangan aktiviti-aktiviti atau hak-hak orang lain sebagai syarat awal untuk menggalakkan perkembangan agama atau mazhab sendiri boleh dilihat di beberapa segi public life. Ini juga menjelaskan perubahan baru-baru ini dalam dasar penerangan (broadcasting) berkait dengan rancangan-rancangan mengenai Thaipusam yang meninggalkan amalan-amalan dahulu atau alasan Thaipusam bukanlah perayaan kebangsaan.

Ini adalah sangat dikesalkan kerana ianya menunjukkan bahawa di beberapa peringkat awam keputusan-keputusan pentadbiran telah dibuat dengan mentafsirkan secara sempit kebebasan agama yang terjamin di dalam Perlembagaan.

Perpaduan negara di Malaysia hanya boleh wujud jika keharmonian antara agama dan sama hidup bersama co-existence terus kekal. Masanya telah tiba untuk setiap agama di Malaysia menubuhkan sebuah jentera untuk menggalakkan keharmonian dan persefahaman antara agama dan saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya beliau mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan sebuah Majlis Antara Agama (Inter-Religious Council) di mana wakil-wakil berbagai agama boleh sering bermesyuarat dan menukar pandangan dan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan keharmonian dan persefahaman antara agama.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelajaran telah mencadangkan supaya pelajar-pelajar Islam mempelajari Pengetahuan Islam, dan pelajar-pelajar bukan Islam pula akan belajar subjek baru—Moral dan Etika; dan Pengetahuan Islam akan menjadi wajib kepada pelajar-pelajar Islam dan Moral dan Etika akan menjadi wajib kepada pelajar-pelajar bukan Islam. Selaras dengan semangat Perlembagaan yang menjamin kebebasan beragama, sebagai ganti subjek baru Moral dan Etika bagi pelajar bukan Islam, saya cadangkan pelajar-pelajar bukan Islam hendaklah diajar agama yang mereka anuti—oleh itu penuntut Kristian diajar mengenai agama Kristian, Buddhist diajar Buddhism dan Hindu diajar Hinduism. Saya mengemukakan cadangan ini untuk pertimbangan yang serius oleh Kerajaan, dan mengharapkan reaksi umum terhadap cadangan ini akan menggalakkan.

Apabila kita membincangkan pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya membincangkan mengenai faktor tunggal terbesar yang mengakibatkan perpecahan negara sejak tahun tujuh puluhan hingga sekarang. Kekurangan peluang-peluang pelajaran tinggi dan sistem pelajaran tinggi yang tidak adil di mana tahun demi tahun ramai pelajar-pelajar Malaysia tidak berpeluang untuk mendapatkan pelajaran tinggi di tanahair mereka meskipun mereka mempunyai kelayakan telah menjadi national sore yang menyakitkan hati.

Ia sebenarnya telah memaksakan cerdik pandai kita berhijrah ke lain negeri kerana prospek pelajaran mereka pada masa akan datang untuk anak-anak mereka adalah gelap. Adalah sukar bagi kita untuk mengatakan bahawa para cerdik pandai mempunyai kebimbangan yang salah atau unfounded fears apabila kita mendapati Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menghantar anak-anak mereka ke luar negeri bukan sahaja untuk menikmati pelajaran universiti bahkan juga untuk pelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah dan ini jelas menunjukkan terdapat kekurangan keyakinan yang penuh dalam sistem pelajaran kita yang mereka iaitu Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin Kerajaan merangka untuk rakyat Malaysia.

Kenaikan bayaran yuran yang begitu dahsyat di United Kingdom di mana lebih kurang 17,000 pelajar-pelajar Malaysia sedang menuntut telah menyukarkan mereka yang ingin belajar di United Kingdom kerana kenaikan yuran yang dahsyat itu adalah luar kemampuan rakyat biasa. Adalah dilaporkan bahaw seorang pelajar yang ingin mengambil kursus di dalam bidang kedoktoran di U.K. terpaksa berbelanja sebanyak \$250,000 sekarang.

Ini pula telah merumitkan lagi masalah pelajaran tinggi jika dibanding dengan tahun-tahun sudah. Dan inilah sebabnya apabila Menteri Pelajaran mengumumkan pada bulan lalu yang Kerajaan tidak akan membina sebuah universiti lagi yakni universiti ke enam dalam tempoh lima atau enam tahun lagi, pengumuman beliau itu telah memeranjatkan ibubapa-ibubapa dan pelajar-pelajar Malaysia.

Pada 9hb November yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan universiti ke enam di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk menampung tuntutan untuk tempat yang kian menambah. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran—(saya nampak baru datang)—telah diberi kuasa untuk membuat pengumuman tersebut. Jika ya, mengapa dasar awam itu diterbalikkan? Jika tidak, mengapakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sengaja mislead Dewan ini, dengan menggunakan Parlimen untuk membuat kenyataan-kenyataan yang tidak berasas?

Pihak kita mengutuk kelakuan berparlimen yang tidak bertanggungjawab ini oleh Menteri-menteri Kerajaan yang secara palsu meninggalkan harapan rakyat serta mislead Dewan yang mulia ini. Pihak kita akan merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan kerana nampaknya beliau telah melakukan satu pelanggaran terhadap kebebasan dan keistimewaan Parlimen kecuali beliau sendiri mohon maaf kepada Dewan ini semasa menggulung perbahasan ini kerana mislead rakyat dan Parlimen.

Saya ingin mendesak Menteri Pelajaran untuk mengkaji soal memperluaskan tempat-tempat untuk pelajaran tinggi di Malaysia supaya dapat mengisikan kekurangan tempat

belajar di United Kingdom bukan sahaja dari segi melatih lebih ramai lagi tenaga mahir malah untuk menentukan peluang-peluang pelajaran tidak akan terus menjadi faktor terbesar yang mengakibatkan ketidak paduan negara.

Sebagai langkah pertama, Kerajaan harus memperluaskan tempat-tempat di kelima-lima universiti supaya dalam pengambilan baru pelajar-pelajar dalam bulan April dan Mei ini, lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan Melayu boleh mendapat tempat yang mencukupi untuk belajar di sini dan tidak payah bagi mereka untuk pergi ke luar negeri.

Kedua, langkah-langkah segera harus diambil untuk menubuhkan sekurang-kurangnya dua buah universiti baru di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Ketiga, Kerajaan harus membuat satu pengumuman awam yang jelas yang ia akan membenarkan penubuhan universiti-universiti persendirian yang mematuhi dasar pelajaran Kerajaan sekarang.

Keempat, Kerajaan harus melayani permintaan-permintaan sah rakyat Malaysia keturunan Cina untuk menubuhkan sebuah universiti multi-media bernama Universiti Merdeka.

Keempat-empat langkah di atas adalah mustahak untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap sebuah Kerajaan yang adil dan saksama. Cakap-cakap Menteri Pelajaran untuk mencari jalan keluar bagi pelajaran tinggi di dalam negara-negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris seperti Germany, Perancis, Japan dan lain-lain negara dengan mengajar penuntut-penuntut kita bahasa German, French dan lain-lain bahasa asing, tidak akan dapat mengatasi masalah dengan berkesan.

Saya mahu menegaskan yang rakyat akan memerhatikan dengan teliti dan dengan berat sama ada Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan memenuhi komitmen Kerajaan untuk menambah tempat-tempat pelajar-pelajar bukan Melayu dengan lebih bererti di dalam kelima-lima universiti tempatan di dalam tahun akademik baru yang akan datang, selepas pengumuman keputusan HSC/STP. Sekiranya pengambilan serupa seperti tahun lalu, di mana hanya terdapat tambahan "cosmetic" saya percaya kekecewaan dan putus harapan akan bertambah hebat lagi.

Dalam hubungan ini, ibubapa adalah memandang berat terhadap pengambilan penuntut bagi Tingkatan Enam dan saya hendak menggesa Yang Berhormat Menteri Pelajaran memastikan agar semua penuntut dengan Sijil Pangkat I untuk MCE/SPM hendaklah ditempatkan di dalam kelas Tingkatan Enam untuk persediaan bagi pelajaran tinggi tempatan.

Sepuluh tahun selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di dalam pelajaran tinggi, masanya telah tiba bagi approach yang lebih adil di dalam pemberian tempat-tempat di universiti tempatan. Tidak payahlah diulangi lagi bahawa tidak seorang pun bukan Melayu yang menentang atau sakit hati dengan peruntukan tempat-tempat di universiti-universiti kepada saudara-saudara dan saudari-saudari Melayu kita supaya dapat diatur semula ketidakseimbangan di dalam peringkat professional tenaga manusia—tetapi adalah salah, pandangan pendek, dan merbahaya kepada matlamat perpaduan negara, menafikan penuntut-penuntut bukan Melayu yang berkelayakan peluang-peluang untuk pelajaran tinggi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Disember tahun lalu

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Saya ingin penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan kalau Yang Berhormat memberi jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
Saya minta penjelasan daripada yang berkenaan di dalam menseimbangkan pelajaran tinggi ini kepada bumiputra (orang Melayu), kalau pihak beliau mendesak supaya memberi tempat yang lebih banyak kepada bukan bumiputra. Oleh itu bagaimanakah caranya yang akan diterangkan kepada kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini atau permintaan untuk penerangan bagaimana cara yang boleh di-

adakan; untuk memperuntukkan lebih banyak tempat untuk pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra.

Dalam ucapan saya tadi saya telah membuat empat cadangan bahawa yang pertama, memperluaskan tempat-tempat dalam universiti yang ada.

Kedua, menubuhkan universiti-universiti yang baru sekurang-kurangnya dua universiti dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Ketiga, membenarkan universiti-universiti persendirian yang selaras dengan dasar pelajaran Kerajaan sendiri; dan

Keempat, membenarkan penubuhan universiti-universiti persendirian seperti Universiti Merdeka sama ada cadangan keempat boleh digunakan

Tuan Yang di-Pertua: Sama sahaja nombor empat dengan nombor tiga itu.

Tuan Lim Kit Siang: Sama ada cadangan keempat boleh diterima atau tidak, saya tidak lihat kenapa cadangan yang pertama, kedua, ketiga tidak boleh dilaksanakan serta-merta oleh kerana masalah aspirasi pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka mengenai pelajaran tinggi untuk anak-anak mereka satu aspirasi yang sangat besar dan untuk beberapa tahun menjadi satu isu yang menjadikan mereka putus harapan. Saya haraplah bahawa

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu jangan ganggu lagi. Sila Yang Berhormat dari Petaling teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap lain kali dia tahu bukan saya tidak mahu beri jalan kepada dia.

Dalam bulan Disember tahun lalu Kerajaan telah mengeluarkan satu Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelajaran. Salah satu kecacatan (blemish) yang besar laporan tersebut ialah mempunyai tujuan mengikut terms of reference “dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih”, adalah ia sama

sekali tidak mengindahkan masalah berat mengenai peluang-peluang dan tempat-tempat pelajaran tinggi di Malaysia. Ia menggambarkan seolah-olah Jawatankuasa Kabinet hidup di dalam dunia yang berbeza dari kenyataan dan tidak tahu sama sekali mengenai penderitaan, dukacita dan menyakitkan hati ibubapa rakyat Malaysia mengenai peluang-peluang pelajaran tinggi.

Laporan Pelajaran Kabinet adalah satu kegagalan di dalam ertikata ianya tidak mengarahkan (direct) fikirannya kepada persoalan asas kenapa dasar pelajaran nasional telah gagal membina satu generasi Malaysians sedangkan mereka adalah keseluruhannya produk daripada dasar pelajaran Kebangsaan.

Kerajaan juga telah gagal untuk mendapatkan satu solution terhadap masalah kejatuhan taraf pelajaran di Malaysia. Merit dan distinction bukan sahaja sudah tidak menjadi kriteria pengambilan masuk universiti di dalam negara ini, Laporan Pelajaran Kabinet seolah-olah telah memutuskan atau mencadangkan bahawa untuk down grade merit dan distinction akademik di dalam tingkatan menengah.

Laporan Pelajaran Kabinet telah juga gagal mengurangkan rasa takut masyarakat kaum Cina terhadap kekalnya sekolah-sekolah rendah dan menengah Cina di dalam negara ini.

Perenggan 31.1 Laporan Pelajaran Kabinet berbunyi—dengan izin, satu perenggan:

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang:

“Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar. Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar, SRJK (C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK(T) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Memandangkan ke-

adaan sekarang ini, adalah diperlukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.”

Adalah menjadi pengetahuan ramai bahawa tujuan ramai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ialah untuk mengadakan sejenis sekolah rendah sahaja iaitu hanya Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan oleh sebab inilah Akta Pelajaran Tahun 1961 memperbuatkan Fasal 21 (2) yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukarkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Cina dan Tamil kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan apabila beliau fikir sesuai.

Dalam tahun-tahun 70an terdapat cadangan-cadangan untuk menukar Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina kepada Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan akan tetapi oleh kerana terdapat tuntutan orang ramai untuk menerima pelajaran ibunda yang bukan sahaja dijamin oleh Perlembagaan malah dimanifestasikan oleh kemasukan pelajar-pelajar ke dalam sekolah-sekolah tersebut serta pendirian berprinsip para ibubapa yang ingin anak-anak mereka menerima pelajaran ibunda maka cadangan-cadangan tersebut tidak berjaya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit lagi boleh sambung besok.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 19hb Mac, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.